

## **BAB 4**

### **KETAKSAMAAN STATUS SOSIAL DALAM FILEM-FILEM TAMIL MALAYSIA**


#### **4.0. Pengenalan**

Status sosial adalah suatu unsur yang penting dalam mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kehidupan individu. Pada umumnya status dapatlah ditafsirkan sebagai penghormatan dan prestij dalam kehidupan sosial. Pelbagai ciri-ciri sosial seperti pendidikan, pangkat, anugerah, jawatan, budaya, nilai etika dan sebagainya memainkan peranan penting dalam pembentukan status sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.108). Status sosial ini boleh terhasil secara semula jadi dan juga boleh dicapai daripada usaha sosial individu. Pada umumnya status sosial seseorang individu adalah tidak semestinya sama dengan status sosial individu yang lain. Faktor-faktor seperti budaya, tradisi, warisan, agama dan sebagainya boleh menentukan kedudukan status sosial seseorang individu pada peringkat yang berlainan (Judah Matras, 1975, p.67).

Bab semasa sepenuhnya membincangkan tentang ketaksamaan sosial yang wujud daripada kedudukan status sosial. Hal ini diteliti berdasarkan adegan-adegan dalam FFTM (filem-filem Tamil Malaysia). Dalam bahagian ini setiap subjek perbincangan dimulakan dengan konsep secara ringkas. Hal ini diikuti dengan penjelasan tentang adegan-adegan

dalam FFTM yang berkaitan dengan tajuk perbincangan (data). Setelah itu, analisis pula dilakukan berdasarkan adegan-adegan tersebut dengan bantuan teori-teori dalam pandangan para sarjana. Ini diikuti dengan suatu kesimpulan. Berikut adalah rajah yang menggambarkan tentang kerangka kerja dalam bab ini:-

Rajah 4.1: Kerangka Perbincangan Status Sosial.



Berdasarkan rajah di atas, kajian pada bab ini dilakukan terhadap tiga faktor utama yang memainkan peranan yang penting dalam pembentukan status sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Faktor-faktor ini termasuklah budaya, agama / kepercayaan dan

pendidikan. Dalam bahagian budaya, unsur-unsur seperti hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat, pengamalan nilai-nilai moral, kedudukan masyarakat yang tidak mengamalkan nilai-nilai moral, imej luaran diri seseorang individu, pertuturan dan perkataan yang digunakan dan kedudukan sosial orang yang mengamalkan budaya elit dan budaya popular dalam kehidupan sosial diteliti untuk menggambarkan kedudukan status sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Topik hormat-menghormati ini diteliti dalam tiga perspektif iaitu hormat dalam kalangan ahli keluarga, hormat kepada guru dan hormat kepada orang yang lebih tua. Dalam institusi keluarga pula hal ini dibincangkan berasaskan status ibu bapa dan suami. Ketiga-tiga ahli keluarga ini mempunyai kedudukan dan prestij tertentu dalam institusi keluarga. Selain itu, guru dan orang yang lebih tua juga mempunyai kedudukan status yang tertentu dalam kehidupan sosial.

Seterusnya, pengamalan nilai-nilai moral dalam kehidupan sosial juga mampu membawa status sosial kepada individu. Manakala orang yang tidak bermoral pula boleh kehilangan status sosial mereka. Bukan itu sahaja, malah imej luaran, perkataan dan pertuturan juga mampu mencerminkan status sosial seseorang individu. Pada masa yang sama budaya elit dan budaya popular juga turut boleh mencerminkan status sosial masyarakat. Kesemua aspek ini adalah berkaitan dengan budaya dan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan status sosial. Kesemua perkara ini adalah diteliti

berdasarkan persoalan bagaimana ia boleh membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Dalam faktor agama/kepercayaan (Hindu) pula, hal ini perbincangan berdasarkan perbezaan kedudukan antara pengamal agama teks dan kepercayaan rakyat dalam agama Hindu. Kedudukan status sosial yang diteliti dalam setiap topik perbincangan ini memainkan peranan yang penting dalam menggambarkan ketaksamaan sosial yang wujud secara langsung dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Manakala dalam bahagian pendidikan pula, kajian dilakukan terhadap dua pemikiran iaitu status sosial orang yang berpendidikan dan juga status sosial orang yang tidak berpendidikan dalam kehidupan sosial. Perkara ini pula secara langsung melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

Analisis terhadap kesemua subjek perbincangan ini dilakukan berdasarkan persoalan, bagaimana hal-hal ini terbentuk dan menjadi stabil dalam kalangan masyarakat serta bagaimanakah hal-hal ini membina ketaksamaan sosial dalam kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia. Ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi status sosial dan subjek perbincangannya adalah dipilih berdasarkan adegan-adegan yang dipaparkan dalam FFTM yang dipilih untuk kajian semasa.

#### **4.1. Budaya**

Budaya adalah sesuatu yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia (Taylor, 1958, p.1). Budaya dikatakan sebagai cara hidup, idea, adat dan seni yang dihasilkan dan dipelihara oleh sesuatu kelompok masyarakat. Budaya ini terhasil dalam bentuk bukan materialistik yang merangkumi falsafah kehidupan, kesenian, adat istiadat, bahasa, kepercayaan, ideologi, teknologi dan sebagainya dan budaya materialistik termasuklah segala peralatan kehidupan yang diwarisi dan juga diadaptasi mengikut kehendak masa dan kehidupan sosial (Abdul Latiff Abu Bakar, 1987, p.v).

Sama ada budaya materialistik ataupun bukan materialistik, tetapi budaya yang diamalkan itu harus menjadi identiti tersendiri kehidupan sesuatu kelompok masyarakat tersebut. Unsur yang paling penting dalam budaya adalah, ia harus diamalkan secara turun-temurun dan hendaklah dipelihara dan diperkembangkan oleh masyarakat tersebut (James Wilson & Roy Wilson, 1995, p.3). Sebab itulah budaya biasanya dirujuk sebagai keseluruhan warisan sosial yang diwarisi oleh manusia daripada generasi demi generasi (Linton, 1936, p.78).

Walaupun budaya adalah umum kepada sesuatu kelompok masyarakat, tetapi cara mengamalkan budaya itu boleh menghasilkan berbezaan antara individu. Hal ini boleh

kelihatan dalam budaya normatif (pengamalan nilai-nilai moral, tingkah laku, kebiasaan yang mengatur kehidupan masyarakat, adat resam dan tradisi kehidupan) (Schaefer, 1995, p.68), budaya ekspresif (termasuklah pelbagai tanda, simbol dan lambang yang membawa makna dalam kehidupan masyarakat) (Wan Abdul Kadir, 2002, p.127), sistem kepercayaan (kepercayaan kepada tuhan, alam semula jadi, makhluk asing, benda-benda halus, amalan kepercayaan dan sebagainya) dan juga budaya kebendaan (elemen kebudayaan masyarakat dalam bentuk objek atau benda yang konkrit) (Rajantharan, 1994, pp.28-34).

Pada masa yang sama perbezaan ini juga dapat wujud antara individu yang mengamalkan budaya dan sebaliknya. Justeru itu, budaya dapat dikatakan memainkan peranan penting dalam usaha menghasilkan ketaksamaan sosial. Dalam kajian semasa budaya yang menghasilkan ketaksamaan sosial ini diteliti berdasarkan aspek-aspek seperti hormat-menghormati, pengamalan nilai-nilai moral, keruntuhan moral, imej luaran, perkataan serta pertuturan dan kedudukan pengamal budaya elit dan popular.

#### **4.1.1. Hormat-Menghormati**

Hormat-menghormati adalah amalan moral yang penting dalam kehidupan sosial (Dinesh Babu, 2007, p.32). Hal ini berkait rapat dengan aspek norma dalam budaya yang merujuk kepada tingkah-laku manusia yang terbentuk secara formal dan tidak formal. Hormat

menghormati antara satu sama lain dilihat sebagai suatu nilai yang universal. Namun demikian cara pengamalan nilai ini mempunyai perbezaan antara kaum dari sudut amalan budayanya (John, 1987, p.62).

Hormat menghormati antara satu sama lain adalah suatu perkara yang diinginkan oleh semua manusia. Hal ini membentuk perhubungan yang berkualiti. Dalam kehidupan sosial perhubungan yang tidak mengutamakan nilai hormat-menghormati tidak akan kekal selama-lamanya (Taiwo, 2009, p.21). Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa nilai hormat-menghormati memainkan peranan penting dalam perhubungan antara manusia.

Hormat kepada orang lain bukan sahaja membawa prestij kepada seseorang individu yang menerima hormat tersebut tetapi juga menggambarkan etika diri seseorang yang memberikan hormat tersebut. Hormat-menghormati antara satu sama lain bukan sahaja dipandang sebagai etika kehidupan tetapi hal ini juga melambangkan kedudukan status sosial seseorang individu (Rajendra Kumar, 1997, p.184). Dalam kajian semasa nilai hormat-menghormati dikaji dalam dua peringkat iaitu dalam institusi keluarga (ahli keluarga) dan luar daripada institusi keluarga (hormat kepada guru dan hormat kepada orang tua).

#### 4.1.2. Maklumat Aspek Hormat-Menghormati Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa sepuluh daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek hormat-menghormati.

Jadual 4.1: Maklumat aspek hormat-menghormati dalam FFTM.

| No | Filem                    | Hormat-menghormati |      |      |
|----|--------------------------|--------------------|------|------|
|    |                          | Institusi Keluarga | Guru | Umur |
| 1  | <i>Chemman Chaalai</i>   | √                  | √    |      |
| 2  | <i>Aandal</i>            | √                  |      |      |
| 3  | <i>Uyir</i>              | √                  |      |      |
| 4  | <i>Ethirkalam</i>        | √                  |      | √    |
| 5  | <i>Chalanggalai</i>      | √                  |      | √    |
| 6  | <i>Vajram</i>            | √                  |      |      |
| 7  | <i>Adutha Khattam</i>    | √                  |      |      |
| 8  | <i>Ops Kossa Dappa 3</i> | √                  | √    | √    |
| 9  | <i>Kaliyugha</i>         |                    |      |      |
| 10 | <i>Olli</i>              |                    |      |      |
| 11 | <i>Olipathivu</i>        |                    |      |      |
| 12 | <i>Dhusrajanam</i>       |                    |      | √    |
| 13 | <i>Maraimugam</i>        |                    | √    |      |

Filem *Chemman Chaalai* menggambarkan adegan-adegan yang berkaitan dengan hormat-menghormati kepada ibu bapa dalam keluarga. Dalam sebuah adegan, watak Shalu digambarkan tersilap berlawan kata pada emak yang tidak membenarkan Shalu untuk meneruskan pendidikan di peringkat universiti. Namun demikian Shalu digambarkan insaf atas kesalahannya lalu meminta maaf pada emaknya atas kesalahan tersebut (00.22.55).

Manakala dalam filem *Aandal* pula, watak Murali digambarkan sentiasa mengikuti nasihat emaknya. Pada adegan klimaks filem tersebut, watak Suresh digambarkan



membongkar rahsia bahawa makcik Asha bukanlah ibu kandung kepada Murali. Tetapi Murali pula membalas pada Suresh bahawa dia sudah tahu hal tersebut sejak dirinya berumur 11 tahun dan dia menghormati ibunya bagaikan Tuhan (01.45.00).

Dalam filem *Chalנגgai*, watak Muniamma digambarkan sentiasa disayangi dan dihormati oleh kedua-dua anaknya Siva dan Uma. Dalam sebuah adegan, Siva meminta emaknya supaya membelikan sebuah motosikal. Tetapi Muniamma menasihati anaknya bahawa dia masih muda dan tidak baik menunggang motosikal buat masa tersebut. Walaupun Siva tidak berpuas hati dengan nasihat emaknya tetapi dia digambarkan tidak berlawan kata pada ibunya (00.21.51).

Dalam filem *Vajram* pula, watak Surya (wira) juga turut disifatkan sebagai seorang yang sentiasa sayang dan patuh pada kata-kata ibunya. Walaupun ibunya adalah bukan ibu kandung dan berbangsa Melayu tetapi Surya tetap menghormati dan mengikuti nasihat emaknya (00.46.43, 01.05.17 & 01.23.10). Dalam sebuah lagi adegan, watak makcik Geetha digambarkan memuji emak Surya kerana beliau telah memperbesarkan anaknya dengan nilai-nilai yang terpuji (00.35.40).

Hormat kepada bapa dalam institusi keluarga juga digambarkan dalam FFTM. Dalam filem *Chemman Chaalai*, ayah Shalu digambarkan sentiasa dihormati oleh anak-anak mereka dan menuruti segala arahan beliau (00.23.30, 00.36.38 & 01.21.28). Keadaan

yang sama digambarkan dalam filem *Uyir*. Dalam sebuah adegan rakan-rakan sekolej Kathir memujuk Kathir untuk mengikuti mereka pergi ke Pulau Tioman bagi cuti semester. Tetapi Kathir menolak lawaan mereka dan kata bahawa dia akan balik kampung kerana ayahnya memesannya supaya balik pada cuti semester tersebut (00.12.00). Dalam sebuah lagi adegan Kathir digambarkan bertutur dengan sopan-santun pada ayahnya dan berjanji mengikut segala nasihat dan kata-kata beliau (00.17.04).

Manakala dalam filem *Ethirkalam*, watak Kathir (wira), digambarkan menurut pada nasihat ayahnya untuk berhenti kerja sebagai seorang penarik kereta (*towing*). Kathir digambarkan menuruti nasihat ayahnya dan menyerahkan surat berhenti kepada bosnya (02.20.00). Dalam adegan yang lain Kathir digambarkan menyentuh kaki ayah dan ibunya untuk mendapatkan restu sebelum keluar untuk mencari kerja (02.11.32). Manakala watak Jenifer (wirawati) juga turut digambarkan sentiasa menghormati dan patuh pada nasihat ayahnya. Dalam sebuah adegan Jenifer digambarkan menuruti nasihat ayahnya untuk memutuskan hubungan cinta dengan Kathir kerana temannya terlibat dalam aktiviti gengsterisme (01.46.15).

Selain itu, Filem *Ops Koosa Dappa 3* juga turut memuatkan senario yang berkaitan dengan hormat kepada bapa. Dalam sebuah senario watak Nachiyappan digambarkan menegur anaknya Vasigi yang tidak bertanggungjawab. Dalam situasi tersebut watak Vasigi cuba memberikan penjelasan tetapi abangnya Eswar menghalang dan menegur dia supaya tidak berlawan kata pada ayahnya (00.38.42).

Selain itu, kedudukan status suami juga digambarkan dalam FFTM. Dalam filem *Chemman Chaalai*, ibu Shalu digambarkan sentiasa patuh pada keputusan suaminya (Ravi). Dalam sebuah adegan, ayah Shalu didapati menghilangkan rantai emas yang telah diberikan oleh isterinya untuk digadai bagi melangsungkan perkahwinan anaknya. Namun demikian isterinya tidak marah ataupun menegur suaminya (00.35.09).

Selain itu, pada adegan-adegan awal dalam filem *Aandal* pula, watak Aandal digambarkan sentiasa menuruti apa jua kehendak suaminya (Suresh) dan juga tidak berlawan kata walaupun beliau tidak suka dengan beberapa kelakuan Suresh seperti meminum arak, berjudi dan sebagainya (00.32.00). Dalam situasi ini Aandal digambarkan bersifat menghormati kehendak suaminya dan juga bertolak ansur demi menjaga kepentingan suami.

Dalam salah sebuah adegan filem *Adutha Khattam*, watak Rekha (wirawathi) digambarkan memanggil emaknya melalui telefon untuk memaklumkan bahawa dia sedang balik ke rumah ibunya berseorangan. Pada masa tersebut emak Rekha digambarkan menegur Rekha bahawa tidak baik datang berseorangan tanpa suaminya (00.06.40).

Selain daripada institusi keluarga, kedudukan guru dalam kehidupan sosial turut mempunyai status sosial yang tinggi nilainya. Hal ini juga turut digambarkan dalam FFTM.

Dalam sebuah adegan pada filem *Chemman Chaalai*, para pelajar dalam kelas digambarkan mengucapkan salam dan melayani guru mereka dengan hormat (00.06.58). Manakala dalam sebuah lagi adegan yang lain seorang murid digambarkan berdiri menjawab soalan dan tidak duduk sehingga gurunya menyeru pelajar tersebut supaya duduk (00.18.46). Pada adegan yang lain, ibubapa Shalu digambarkan tidak bersetuju untuk menghantar anak mereka untuk belajar di universiti kerana tidak mampu menanggung kos perbelanjaannya. Tetapi kemudian ayah Shalu mengubah keputusannya apabila guru kelas Shalu menasihati beliau untuk menghantar Shalu bagi melanjutkan pendidikan ke peringkat universiti (01.11.00).

Dalam sebuah adegan pada filem *Ops Kosa Dappa 3* pula, watak Samy digambarkan menyentuh kaki tok guru (mendapat restu) yang telah mengajar tarian singa. Dalam senario yang sama Seethu pula digambarkan tidak melawan kata gurunya yang memberikan komen yang buruk tentang kelakuannya (00.07.05).

Keadaan yang sama turut kelihatan dalam filem *Maraimugam* di mana watak Valli dan Lekha digambarkan mengikuti segala arahan tok guru seni pertahankan diri di kelas (00.11.07). Dalam adegan yang lain pula tok guru tersebut digambarkan memohon maaf kepada anak muridnya Pattasu dan Kaippulla atas kesalahannya. Tetapi kedua-dua anak murid tersebut merendahkan diri dan menyatakan pada tok guru mereka bahawa adalah tidak baik guru meminta maaf pada anak murid (00.29.32).

Umur adalah satu lagi aspek yang penting dalam membawa hormat kepada individu. Kajian tentang FFTM turut memuatkan beberapa adegan yang menggambarkan hormat kepada orang yang lebih tua. Dalam sebuah adegan filem *Ethirkalam*, watak Kathir (wira) dan Seenu digambarkan telah diserang oleh sekumpulan gengster. Emak Seenu yang mengetahui hal tersebut memanggil ayah Kathir melalui telefon untuk mengadu tentang kejadian tersebut. Walaupun emak Seenu marah dengan Kathir tetapi beliau tetap mengalamatkan ayah Kathir dengan kata ‘anne’ (abang) kerana ayah Kathir adalah lebih tua daripadanya (00.18.20). Dalam sebuah lagi babak, seorang tua dibuli oleh dua orang gengster. Dalam keadaan itu Kathir dan Seenu digambarkan melawan balik dengan dua orang gengster yang berkelakuan kurang ajar dengan seorang tua tersebut (00.14.32).

Keadaan yang sama turut kelihatan dalam filem *Ops Kossa Dappa 3* di mana dalam sebuah adegan watak Eswar digambarkan memanggil pembantu ayahnya (orang tua) dengan berkata ‘anne’ (abang) walaupun beliau adalah orang yang bekerja di bawahnya (00.39.04).

Sebuah adegan dalam filem *Chalנגgai*, watak Uma digambarkan berjumpa dengan seorang mekanik basikal (berketurunan Cina) untuk memperbaiki basikalnya. Dalam keadaan itu Uma digambarkan memanggil mekanik itu ‘pak cik’ (01.15.11). Dalam filem yang sama, emak Uma juga turut digambarkan mengalamatkan salah seorang yang lebih berusia daripadanya dengan kata ‘annee’ sebagai tanda hormat kepadanya (00.05.16).

Seterusnya, dalam filem *Dhusrajanam* pula terdapat beberapa senario yang menggambarkan hormat kepada orang yang lebih tua. Dalam salah sebuah adegan, seorang wanita digambarkan memanggil watak Karuppu dengan sebutan 'akka' (kakak) kerana Karuppu adalah lebih tua daripadanya (00.31.06). Dalam sebuah lagi babak watak Kuttan (wira) digambarkan melayani seorang tua dengan hormat (01.16.20).

#### **4.1.3. Analisis**

Bahagian ini menganalisis tentang tiga perkara utama iaitu hormat-menghormati dalam institusi keluarga, menghormati guru dan menghormati orang yang lebih tua. Dalam institusi keluarga pula analisis dilakukan terhadap ibu, bapa dan suami. Oleh yang demikian analisis pada bahagian institusi keluarga dilakukan dalam sub tajuk status ibu bapa dan status suami. Manakala hormat kepada guru dan orang tua masing-masing diteliti sebagai sub topik yang berlainan.

#### 4.1.3.1 Analisis Status Ibu Bapa

Nilai hormat menghormati dalam institusi keluarga adalah suatu aspek yang penting, khususnya kepada mereka yang berumur lebih tinggi dalam keluarga. Pada dasarnya ibu bapa memainkan peranan penting dalam sesuatu keluarga sebagai ketua keluarga. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk membesarkan anak-anak mereka berdasarkan budaya, tradisi kehidupan dan juga mengikut kehendak kehidupan sosial (Russon, 2003, pp.61-68). Walaupun ibu bapa mempunyai tanggungjawab penting dalam institusi keluarga untuk menjaga dan memenuhi keperluan dan kehendak ahli keluarga mereka namun kedua-dua mereka memainkan peranan yang berbeza dan mempunyai kedudukan status sosial yang berlainan.

Dalam sesuatu keluarga ibu biasanya dianggap sebagai simbol kasih-sayang. Terdapat pepatah Tamil berbunyi, '*annayum pithavum munnari theyvam*' yang membawa maksud ibu dan ayah adalah Tuhan kepada anak-anak mereka (*Kondrai Veenthan*, 1). Pepatah Tamil ini jelas menyatakan tentang kepentingan ibu bapa kepada seseorang anak yang harus menjunjung ibu bapa mereka bagaikan Tuhan mereka.

Dalam pepatah Tamil yang lain pula, ibu dirujuk sebagai kuil yang paling mulia kepada seseorang anak (*Kondrai Veenthan*, 38). Aspek inilah yang digambarkan dalam filem *Aandal* di mana watak Murali merujuk emaknya bagaikan tuhan kepada dirinya

walaupun beliau tahu bahawa ibunya bukanlah ibu kandung. Sentimen tentang ibu dalam kalangan orang India tetap memberikan status yang mulia kepada seseorang ibu walaupun ia bukan ibu kandung. Bukan itu sahaja malah orang India turut tidak akan melihat kaum, bangsa dan agama dalam konsep keibuan kerana ibu itu sendiri dirujuk sebagai Tuhan. Sebab itulah dalam filem *Vajram* watak Surya digambarkan sentiasa menghormati dan mematuhi segala nasihat emak angkatnya yang berbangsa Melayu.

Situasi ini dapat disamakan dengan sebuah peristiwa dalam epik *Ramayana*. Dalam epik tersebut ibu tiri Rama yang bernama Kaikeyi (isteri yang kedua kepada Dasarathayah kepada Rama) telah mengarahkan Rama ke hutan selama empat belas tahun. Tetapi Rama pula digambarkan tidak menentang kata-kata ibu tirinya lalu menurut perintahnya dengan penuh hormat (Chakkaravarthi Rajagopalachari, 2008, p.115). Situasi ini menggambarkan kedudukan seseorang ibu tidak kira sama ada ibu kandung mahupun ibu tiri, mereka tetap dihormati.

Ilmu tentang ketaksamaan sosial bukan sahaja menggambarkan perbezaan yang wujud dalam kalangan masyarakat tetapi hal ini juga menentukan peranan mereka yang harus dimainkan (Senstadt, 1971, p.8). Sebenarnya peranan inilah yang menghasilkan status-status tertentu kepada seseorang individu dalam kehidupan sosial. Manakala teori struktur-fungsional pula menyatakan bahawa fungsi yang dimainkan oleh seseorang individu berasaskan peranan dan tanggungjawab adalah asas dalam menentukan kedudukan



mereka dan juga mengekalkan dan memelihara sesuatu struktur sosial (Yorburg, 1982, p.156).

Berasaskan teori tersebut, ibu memainkan peranan penting dalam memberikan kasih-sayang dan memperbesarkan anak mereka sebagai seorang insan yang mulia dan beretika tinggi (Manimaran & Rajantheran, 2006, p.113). Jika anak melakukan sesuatu perkara yang salah maka hal ini akan menjejaskan nama baik ibu. Hal ini kerana masyarakat akan menuduh ibunya dengan menyatakan bahawa beliau tidak memperbesarkan anaknya dengan sebaik mungkin. Sebab itulah wujudnya pepatah Tamil yang berbunyi '*tayaip poola pillai, nuulaip poola seelai*' yang membawa maksud, anak bagaikan ibunya seperti kualiti saree ditentukan dengan benang yang digunakan (*Kalaga Palamoligal*, 1961, p.217). Saree adalah terhasil daripada benang yang dipilih. Jika benang tidak berkualiti maka saree juga tidak akan berkualiti dan sebaliknya. Contoh benang ini dituju kepada ibu dan saree pula dirujuk kepada anak mereka yang telah diperbesarkan oleh ibu.

Dalam salah sebuah puisi daripada antologi puisi Tamil berjudul *Purananuru* seorang penyajak yang bernama Paranar menggambarkan suatu situasi yang berkaitan dengan keadaan ibu yang mendapat nama buruk kerana anaknya bersikap buruk. Dalam puisi tersebut seorang anak muda cuba meminang dengan seorang gadis. Tetapi ayah gadis tersebut tidak bersetuju. Dalam keadaan tersebut jejak itu mencabar ayah gadis tersebut untuk berlawan demi memperoleh anak tersebut. Hal ini dilihat sebagai suatu kelakuan

yang tidak beretika. Penyajak tersebut mengutuk tindakan lelaki tersebut dengan menyatakan bahawa ibu lelaki tersebut sudah tentu bukan seorang wanita yang baik, kerana memperbesarkan anaknya sedemikian rupa (*Purananuru*, 336: 11-12). Justeru itu, keadaan ini jelas menggambarkan tanggungjawab yang tinggi yang dipikul oleh seseorang ibu dalam keluarga.

Hal ini juga jelas digambarkan dalam sebuah adegan pada filem *Vajram* di mana makcik Geetha digambarkan memuji emak Surya kerana beliau telah memperbesarkannya dengan baik sekali. Dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa emak memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam usaha menjadikan anaknya sebagai seorang insan yang baik dalam kehidupan sosial.

Selain itu, ibu juga menjadi orang yang paling utama dalam melahirkan keluarga yang bahagia. Dalam budaya orang India, ibu adalah dirujuk sebagai wanita utama dan paling dijunjung. Seseorang anak boleh mencapai suatu kedudukan yang tinggi dalam kehidupan dunia, tetapi mereka tidak boleh terkecuali daripada tanggungjawab terhadap ibunya (Smith, 2001, pp.97 & 108).

Dalam tradisi orang India, seseorang anak tidak boleh menyakitkan hati ibunya dalam apa jua keadaan kerana mereka ini tidak akan dapat ampun di mana-mana juga (Packard, 1993, p.39). Sebab itulah dari awal hingga kini masyarakat India dikatakan

menjunjung kedudukan ibu sebagai sesuatu yang mulia. Keadaan ini digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* di mana watak Shalu digambarkan memohon maaf kepada ibunya kerana telah menyakitkan hati ibu dengan kata-kata yang kurang sopan.

Kini, Hari ibu disambut hampir setiap negara dunia. Idea hari ibu (Mothers Day) tercetus di barat, ianya tetap diterima oleh masyarakat dunia kerana nilai menghormati kasih-sayang dan pengorbana ibu adalah sesuatu yang bersifat universal (Cott, 1994, pp.518-519).

Selain itu, ayah juga dikatakan sebagai insan yang harus dihormati dalam institusi keluarga. Jika emak dirujuk sebagai simbol kasih sayang, maka ayah pula dirujuk sebagai simbol pengorbanan. Dalam sesebuah keluarga ayah adalah dilihat sebagai orang yang paling berkuasa kerana selalunya beliaulah yang memainkan peranan penting sebagai ketua dan juga asas kepada pertumbuhan ekonomi keluarga (Oren & Oren Chase, 2009, p.106).

Ayah juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan keluarga dan memberikan pendidikan kepada anak mereka (Satguru Sivaya Subramuniyaswami, 1993, p.241). Karya *Thirukkural* (67) menegaskan bahawa tanggungjawab utama seseorang ayah kepada anaknya adalah menjadikan anak tersebut sebagai seorang ilmuwan yang dihormati. Manakala anaknya pula dipertanggungjawabkan untuk membuatkan orang lain supaya memuji ayahnya berdasarkan pencapaian yang dicapai oleh dirinya (*Thirukkural*, 70).

Dalam tradisi orang India ayah dilihat sebagai asas dalam menjana ekonomi keluarga (Smith, 2001, p.97). Dalam bahasa Tamil terdapat sebuah pepatah '*thanthai sol mikka manthiram illai*', yang membawa maksud bahawa tiada mantera yang lebih tinggi nilainya berbanding dengan kata-kata seseorang ayah. Pepatah ini menyatakan bahawa anak tidak boleh berlawan kata dengan ayah dalam apa jua keadaan.

Jika dirujuk pada epik *Ramayana*, pada mulanya Rama dicadangkan untuk menggantikan ayahnya Dasaratha menjadi Raja negara Ayodya. Tetapi kemudian, demi memenuhi janjinya kepada isteri kedua Kaikeyi, Dasaratha mengarahkan Rama supaya pergi ke hutan selama empat belas tahun dan adiknya Baratha dilantik sebagai penggantinya. Rama turut pada perintah ayahnya lalu pergi ke hutan tanpa berlawan kata dengan ayahnya (Chakkaravarthi Rajagopalachari, 2008, p.115). Episod dalam karya *Ramayana* ini, dengan jelasnya menunjukkan bahawa anak tidak dibenarkan berlawan kata atau menentang ayahnya.

Senario-senario dalam FFTM yang telah dianalisis dalam kajian semasa juga menggambarkan konsep patuh pada kata-kata ayah. Dalam filem *Uyir* dan *Ethirkalam* anak-anak mereka digambarkan menurut pada kehendak dan nasihat ayahnya. Tetapi dalam filem *Ops Koosa Dappa 3* pula hanya watak Vasigi digambarkan berlawan kata pada ayahnya kerana pada masa itu Vasigi berada dalam keadaan mabuk. Walaupun abang mereka menegur Vasigi, tetapi ayahnya digambarkan sakit hati dengan sikap anaknya. Hal

ini merupakan suatu perkara penting kerana penghormatan kepada ayah daripada anak mereka adalah penghormatan yang tinggi nilainya kepada mereka.

Jika dalam sesuatu keluarga anaknya tidak hormat kepada ayah mereka maka ia akan menjejaskan status sosial seseorang ayah. Hal ini juga akan menjatuhkan maruah dan kedudukan beliau dalam kehidupan sosial. Keadaan yang sama digambarkan dalam karya *Purananuru*. Dalam karya tersebut, seorang Raja yang bernama Koopperunj Cholan dikatakan berlapar melepaskan nyawa kerana terasa malu dan maruahnya tercabar apabila diketahui bahawa anak-anaknya sendiri merancang untuk berperang dengan beliau (*Purananuru*, 213-221). Raja Koopperunj Soolan adalah seorang Raja yang begitu berani dan gagah. Beliau mampu mengalahkan anak-anaknya di medan peperangan. Namun demikian, memilih untuk melepaskan nyawanya kerana anak kandungnya sendiri tidak menghormati lagi. Keadaan ini dianggap amat memalukan. Situasi ini dengan jelasnya menggambarkan keadaan seorang ayah yang tidak dihormati oleh anak-anak mereka sendiri.

Sikap menentang ayah ini turut digambarkan dalam filem *Chalנגai* di mana watak Siva digambarkan menghalau keluar ayahnya dari rumah. Ini adalah kejadian yang amat memalukan seseorang ayah. Tetapi dalam filem ini ayah Siva adalah seorang yang tidak bertanggungjawab dan melibatkan diri dalam gejala sosial. Oleh yang demikian, ayah dalam sesuatu keluarga juga dinasihatkan supaya berkelakuan baik dan bertanggungjawab untuk mengekalkan kedudukan mereka. Ayah yang tidak berdisiplin tidak akan dihormati

oleh anak-anak mereka pada zaman ini (Manimaran Subramaniam & Rajantheran, 2006, p.113).

Walau bagaimanapun, mengikut tradisi orang India anak sama sekali tidak dibenarkan melawan ayah mereka dalam apa jua keadaan kerana ayah dan ibu mereka dirujuk sebagai Tuhan dalam agama Hindu (Satguru Sivaya Subramuniaswami, 1993, p.248). Dalam perkahwinan agama Hindu terdapat suatu upacara di mana anak mencuci tapak kaki kedua ibubapa mereka dan mendapatkan restu daripada mereka. Dalam upacara ini ibu dan bapa disifatkan sebagai Tuhan Shiva dan Parvathi. Sebab itulah balu dan janda dinasihatkan supaya jangan mengambil bahagian dalam upacara ini (Rajantheran & Sivapalan, 2004, p.10).

Tanda dalam teori semiotik bukan sahaja terhasil daripada benda-benda tetapi juga terhasil daripada perbuatan. Manakala perbuatan yang menjadi tanda membawa makna-makna tertentu dan menjadi identiti. Manakala identiti tersebut akan membentuk fungsinya (Umberto, 1984, p.25). Dalam pada bahagian ini, menyentuh tapak kaki ibubapa untuk mendapatkan restu, dan menjunjung mereka bagaikan Tuhan adalah tanda identiti pemikiran orang India. Dalam pada ini, menyentuh tapak kaki ibubapa untuk mendapatkan restu adalah suatu perkara yang memberikan penghormatan tertinggi dalam tradisi orang India.

Dalam filem *Ethirkaalam*, watak Kathir digambarkan menyentuh tapak kaki ibubapa mereka untuk mendapatkan restu daripada mereka. Agama Hindu menyatakan bahawa mereka yang memuja tapak kaki kedua ibu bapa akan mendapat segala kebaikan kerana ia adalah penghormatan tertinggi kepada mereka (Hiro Badlani, 2008, p.287).

Maka dengan ini dapatlah dikatakan bahawa ibu dan ayah dalam sesuatu institusi keluarga adalah orang yang paling mulia dan terhormat. Justru itu, keadaan ini secara langsung mewujudkan suatu ketaksamaan sosial di antara ibubapa dan akan-anak mereka. Tetapi dalam hal ini ketaksamaan ini adalah dirujuk sebagai suatu keadaan yang terpuji kerana anak yang tidak menghormati ibu bapa dan menentang mereka dilihat sebagai insan yang terhina dalam kehidupan sosial (Susan Oorjitham, 1984, pp.174-176).

#### **4.1.3.2. Analisis Status Suami**

Suami merupakan suatu kedudukan yang amat penting dalam institusi keluarga. Dalam tradisi orang India, suami mempunyai kedudukan terpuji dan juga dilihat setaraf dengan Tuhan kepada seseorang isteri (Thatchinamurthy, 2001, p.79). Dalam Bahasa Tamil suami dirujuk dengan beberapa istilah seperti '*suami*', '*pathi*', '*athan*' dan sebagainya. Dalam pada ini istilah '*suami*', '*pathi*', '*athan*' adalah perkataan yang turut bererti Tuhan.

Selain itu, terdapat beberapa pepatah Tamil yang juga mengukuhkan kedudukan suami dalam institusi keluarga orang India. Pepatah '*kanavaneer kan kanda theivam*' membawa maksud suami adalah tuhan utama kepada seseorang isteri. Manakala sebuah lagi pepatah, '*kal aanaalum kanavan, pul aanaalum purusan*' pula membawa maksud walaupun suaminya adalah seorang yang tidak beretika dan bermoral tetapi beliau tetap suami kepada isteri dan isteri harus mematuhi kepada suaminya (Muthukumar, 1998, p.74). Pemikiran ini jelas kelihatan dalam filem *Aandal* di mana watak Suresh digambarkan sebagai seorang pengedar dadah dan tidak setia kepada isterinya. Tetapi isterinya tetap digambarkan setia kepada suaminya.

Dalam tradisi orang India, suami disifatkan sebagai segala-galanya kepada isteri. Golongan isteri yang setia sangat dengan suaminya dan menganggap suaminya sebagai tuhan dirujuk dengan istilah '*pathivirathai*', dan '*patthini*' (David Smith, 2008, p.112). Mereka ini dikatakan akan mempunyai kuasa luar biasa yang diperoleh secara semula jadi tanpa melakukan sebarang upacara sembahyang. Apabila merujuk kepada golongan isteri ini, wali Thiruvalluvar menyatakan bahawa seseorang isteri yang tidak menyembah dewa atau Tuhan lain melainkan suaminya akan memiliki kuasa luar biasa di mana jika mereka berkata untuk menurunkan hujan maka hujan akan turun patuh pada arahan isteri tersebut (*Thirukkural*, 55).

Dalam tradisi orang India terdapat beberapa cerita tentang Purana *Pattini* yang menggambarkan kekuatan seseorang isteri yang setia kepada suaminya. Dalam pada itu



cerita tentang Saavitri, dan Nalayini adalah paling popular. Savitri dikatakan berjaya menghidupkan balik suami yang telah meninggal dunia. Beliau dikatakan telah berlawan dengan dewa kematian (Yama) demi membawa semula nyawa suaminya (Williams, 2008, p.263). Manakala Nalayani pula dikatakan telah menyumpah supaya menghentikan pergerakan matahari demi menjaga nyawa suaminya (Narayan, 2000, p.240).

Jika dirujuk pada kehidupan orang Tamil pada zaman sangam (300sm-300m), terdapat suatu amalan di mana isteri sudi membunuh diri, terjun pada api yang membakar mayat suaminya kerana tidak mahu lagi hidup tanpa suaminya. Mereka ini kemudian dihormati sebagai dewi *nadu kal theivam* dalam tradisi orang India. Hal ini jelas dinyatakan dalam puisi-puisi pada zaman sangam (*Purananuru*, 246: 12-15). Perkara ini juga dikatakan sebagai suatu amalan yang kian lama terdapat dalam kalangan orang India (Smith, 2001, p.103).

Epik *Silapathikaram* yang menceritakan tentang kehidupan Kannagi mengemukakan tiga pemikiran utama. Dalam pada itu, pemikiran ‘*urai saal pathiniyai uyarntoor eethuvar*’ adalah pemikiran yang menyatakan bahawa orang berwibawa akan memuji tentang kebesaran isteri yang setia pada suaminya (Vengkadasamy Nattar, 1956, p.17).

Walaupun kini amalan begitu ketat tidak dipraktis dalam institusi keluarga orang India, tetapi hormat kepada suami dan tidak membuat sebarang keputusan tanpa kebenaran suami ini masih diamalkan (Susan Oorjitham, 1984, p.174). Hal ini jelas digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* di mana isteri Ravi digambarkan menolak bantuan yang telah dihulurkan oleh saudaranya dalam melangsungkan perkahwinan anak perempuan kerana suaminya tidak bersetuju.

Teori semiotik yang berasaskan pada pendekatan kod-kod budaya menyatakan bahawa kelompok masyarakat yang disatukan dari sudut unsur budaya yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu akan memberikan makna kepada hal-hal yang dilakukan oleh individu dan kelompok masyarakat (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.42). Memberikan kedudukan yang tinggi kepada suami dalam institusi keluarga masyarakat dapat dikatakan menepati kod budaya tersendiri dalam kalangan masyarakat India. Dalam pada ini, semua kaum dikatakan menghormati suami dalam keluarga. Tetapi menjunjung suami bagaikan Tuhan dan kepercayaan bahawa isteri yang setia tidak perlu menyembah Tuhan lain melainkan suami mereka adalah budaya kehidupan tersendiri orang India yang menjadi tanda identiti mereka.

Dalam pada perbincangan ini sudah tentu wujud satu persoalan. mengapa suami diberikan suatu kedudukan yang begitu mulia dalam institusi keluarga orang India. Persoalan ini lebih berkait rapat dengan penentuan status kepada seseorang individu. Status dalam kehidupan sosial dikatakan tidak terhasil tanpa sebarang fungsi atau makna. Setiap

status sosial yang terhasil sama ada secara semula jadi mahupun dengan usaha individu, sudah tentu mempunyai fungsi dan makna tertentu (Ting Chew Peh, 1979, p.108). Sebab itulah status sosial dikatakan berkaitan dengan peranan, tanggungjawab dan kelakuan seseorang individu. Hal ini terpulang kepada status sosial yang dimainkan oleh individu (Rohana Yusuf, 2010, p.112).

Pada umumnya suami adalah menjadi ketua keluarga dan dipertanggungjawabkan menjaga keluarga dan memenuhi kehendak dan keperluan isterinya (Susan Oorjitham, 1984, p.174). Selain itu, agama Hindu juga mengemukakan empat tahap kehidupan kepada seseorang individu iaitu *brammachariya* (alam belajar), *grahasta* (alam berkahwin dan berkeluarga), *vanaprastya* (warga tua) *sannyasa* (orang alim) (Sivapalan, Rajantheran & Rajakrishnan, 2004, p.254). Dalam pada keempat-empat tahap ini, tahap *grahasta* adalah dirujuk sebagai tahap yang begitu penting kerana pada tahap ini seseorang suami yang menjadi ketua keluarga berperanan dan dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat yang ada pada ketiga-tiga tahap yang lain iaitu *bramacharia*, *vanaprastya* dan *sannyasa* (Rajendra Kumar, 2004, pp.34-35).

Oleh yang demikian dalam pada tahap *grahasta* seseorang individu tidak hanya bekerja untuk menjaga kepentingan keluarga, tetapi juga bekerja untuk menjaga kepentingan orang yang berada dalam ketiga-tiga tahap yang lain. Thiruvalluvar menerangkan hal ini dengan menyatakan bahawa tanggungjawab utama seseorang ketua keluarga adalah menjaga ketiga-tiga golongan yang lain dalam kehidupan sosial

(*Thirukkural*, 41). Jika seseorang suami gagal dalam melakukan tugas ini dengan baik maka struktur ketiga-tiga organisasi lain akan terjejas. Hal ini pula akan meruntuhkan nilai-nilai murni dan aspek kerohanian dalam institusi sosial orang India (Rajendra Kumar, 2004, pp.34-35). Oleh yang demikian kedudukan suami dalam sesuatu keluarga bukan sahaja penting kepada keluarga tersebut tetapi juga mempunyai peranan penting dari segi pemeliharaan struktur sosial yang sedia terbina dalam kelompok masyarakat tersebut.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa suami dalam institusi keluarga adalah suatu kedudukan yang berprestij dan menjadi orang yang terutama. Hal ini sudah tentu menghasilkan suatu ketaksamaan sosial dalam keluarga khususnya antara suami dan isteri di mana suami berada pada tahap yang tinggi dan isteri pula berada pada tahap yang rendah daripada suaminya. Namun demikian ketaksamaan sosial ini juga dianggap sebagai suatu perkara yang baik dalam mengekalkan institusi keluarga.

Teori struktural-fungsional menyatakan bahawa ketaksamaan sosial yang terhasil daripada sesuatu struktur organisasi adalah baik kerana hal ini akan mengekalkan dan meneruskan institusi sosial tersebut. Jika ketaksamaan ini tidak wujud maka fungsi institusi sosial tersebut akan berhenti dan menggugat keseluruhan struktur institusi tersebut (Yorburg, 1982, pp.156). Perkara ini adalah sesuai dengan hubungan suami isteri dalam sesuatu keluarga untuk melahirkan kehidupan yang harmoni.

Dalam tradisi orang India, isteri yang setia dan patuh kepada suami turut mendapat kedudukan yang terpuji. Hal ini kerana ketaksamaan sosial ini adalah suatu fakta yang telah menjadi konkrit dalam kehidupan sosial kerana perkara ini telah diinstitusikan secara semula jadi (Hurst, 1992, p.1). Maka ketaksamaan sosial antara suami dan isteri dalam institusi keluarga dapatlah dikatakan suatu lapisan sosial yang sudah stabil untuk melahirkan keluarga yang bahagia dan kehidupan sosial yang sihat dan sejahtera.

#### **4.1.3.3. Analisis Status Guru**

Dalam tradisi orang India guru adalah suatu lagi kedudukan yang terpuji dan dihormati (Mariasusai Dhavamony, 1999, p.75). Tradisi budaya masyarakat India menyenaraikan empat orang sebagai insan yang terpenting dan harus dihormati oleh seseorang individu. Yang pertama adalah ibu, kedua adalah bapa, dan pada tahap ketiga guru dijadikan sebagai orang terhormat dan senarai ini dikuti dengan Tuhan pada tahap keempat.

Pendidikan bukan sahaja membentuk insan yang berilmu tetapi juga menjadi asas kepada pembangunan negara dan masyarakat. Sebab itulah kerajaan Malaysia telah mentransformasikan pendidikan negara menerusi Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia 2013-2025 untuk lebih memantapkan lagi bidang pendidikan dalam usaha melahirkan masyarakat berpendidikan (Haji Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin, <http://www.moe.gov.my>,

dirujuk pada 9/10/2014, pukul 9.00am). Nelson Mandela menyatakan bahawa sesebuah negara hanya boleh menjadi negara maju dengan melahirkan masyarakat berpendidikan (Pierre De Vos, <http://constitutionallyspeaking.co.za>, dirujuk pada 20/3/2014, pukul 3.20pm). Kenyataan ini sudah cukup mantap untuk menyatakan kepentingan pendidikan kepada individu dan juga masyarakat. Dalam hal ini, para guru menjadi nadi kepada pembangunan pendidikan kerana tanpa guru maka proses pendidikan tidak mungkin akan berkembang (Sufean bin Hussin, 2005, p.44).

Dalam budaya orang India guru dipuji bagaikan Tuhan. Sebuah pepatah Tamil menjunjung kedudukan guru, '*eluthariviththavan iraiivan aagam*', yang membawa maksud, orang yang memperkenalkan abjad adalah bagaikan Tuhan. Hal ini kerana guru membina manusia tersebut sebagai seorang ilmuwan yang mendapat status sosial di dunia (*Vetri Veetkai*, 1).

Dalam sistem pendidikan awal India, guru menduduki tempat yang mulia. Anak murid dikatakan mendapat ilmu daripada guru dengan memberikan perkhidmatan kepada guru dan hidup bersama guru di ashramamnya (asrama). Putera-putera raja juga tidak terkecuali daripada sistem ini (Shiv Sharma, 2003, p.29).

Pada zaman tersebut anak murid dikatakan menghambakan diri mereka kepada guru untuk mendapatkan ilmu dan sanggup memenuhi apa jua permintaan guru mereka (Aya

Durai Letchumanan, 2003, pp.119-121). Hal ini dapat dikesan dalam karya epik *Mahabaratha*. Dalam epik tersebut seorang anak murid berketurunan pemburu bernama Ekalaivan ingin mempelajari ilmu peperangan daripada seorang guru yang tersohor bernama Drona. Permintaannya ditolak. Ekalaivan tetap menganggap Drona sebagai guru dan melatih menguasai ilmu peperangan. Akhirnya Ekalaivan terserlah sebagai seorang pemanah yang paling handal. Hal ini dapat dicapai kerana dia berguru Drona dalam hati sanubarinya. Drona atas sebab-sebab tertentu, tetap menolak anak murid ini dan meminta Ekalaivan supaya kerat ibu jari kanannya kerana telah menggurukan beliau tanpa kebenaran. Ekalaivan kerat ibu jari kanannya mematuhi arahan gurunya yang dipuja dalam hatinya (Asha Prabhakar & Anjana Malhotra, 2014, pp.34-35). Cerita ini menggambarkan kedudukan mulia seseorang guru pada zaman awal dalam kalangan murid India.

Sehingga ke hari ini, guru masih tetap mendapat kedudukan yang terhormat dalam kalangan masyarakat India. Hal inilah yang digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* di mana para murid digambarkan menghormati guru di sekolah dan ayah Shalu juga digambarkan bersetuju untuk memberikan pendidikan tinggi kepada anaknya menghormati nasihat guru Shalu. Adegan ini menggambarkan kedudukan guru yang mempunyai status sosial yang tinggi dalam kalangan orang India.

Dalam salah sebuah ucapan radio pada 4hb September 2003, mantan presiden negara India, Dr.A.P.J.Abdul Kalam telah menyatakan bahawa guru bukan hanya setakat mengajar tetapi membuatkan seorang pelajar untuk bermimpi tentang masa depan mereka

dan membawa mimpi tersebut menjadi kenyataan. Beliau turut berkata bahawa segala kejayaan dan pencapaian dalam hidup beliau adalah diperoleh daripada restu dan ilmu yang telah diturunkan oleh guru-guru beliau (O'Brien, 2013, p.206). Kenyataan mantan presiden ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa guru masih menduduki status sosial yang tinggi dalam kalangan kelompok masyarakat India.

Teori struktural-fungsional menyatakan bahawa makna yang diberikan berasaskan fungsi seseorang individu akan mengekalkan struktur dalam sesuatu organisasi yang memberikan kedudukan tertentu kepada seseorang individu (Yorburg, 1982, p.156). Sebenarnya sistem sosial itu sendiri memberikan beberapa makna untuk memberikan justifikasi terhadap status sosial guru yang menghasilkan ketaksamaan dalam kalangan masyarakat (Kerbo, 2012, p.10). Penghormatan yang diberikan kepada guru disifatkan sebagai suatu etika dalam kehidupan sosial. Hal ini kerana sumbangan guru adalah tidak ternilai dalam pembangunan masyarakat dan negara (Ford, 2012, p.1).

Hal ini sedemikian kerana, zaman persekolahan bukan sahaja dikhaskan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar tetapi ia juga merupakan alam untuk mendisiplinkan dan menjadikan pelajar sebagai insan yang bermoral. Kenyataan Aristotle, seperti mana yang dipetik oleh Laura Lyseight (2010, p.34) menyatakan bahawa mendidik minda tanpa mendidik insan tidak boleh dikatakan sebagai pendidikan. Manakala Mahatma Gandhi (2012, p.146) pula menyatakan bahawa ilmu tanpa nilai kehidupan adalah dosa.



Kenyataan tokoh-tokoh tersebut, jelas menyatakan bahwa pendidikan itu bukan setakat proses menimba ilmu tetapi ia adalah proses pembentukan suatu insan. Tugas pembentukan pula terletak pada guru. Maka guru harus mempunyai suatu kedudukan yang tinggi dan terhormat dalam kehidupan sosial. dengan ini ketaksamaan sosial yang wujud antara guru dan murid ini dapatlah dikatakan sebagai sesuatu yang diperlukan demi kepentingan pelajar, masyarakat dan negara.

#### **4.1.3.4. Analisis Status Orang Tua**

Hormat kepada orang tua dalam kehidupan sosial adalah salah satu amalan yang beretika. Dalam tradisi orang India, menghormati orang tua dilihat sebagai suatu perkara yang penting dalam ajaran agama mahupun dalam kehidupan sosial (Kamlesh Kapur, 2013, p.186).

Tradisi orang India menyatakan bahawa menjaga dan menghormati orang tua adalah perbuatan pahala yang semacam diwajibkan. Mereka yang mengetepikan tanggungjawab ini selalunya dipandang rendah dalam kalangan orang India (Sivaprasad, Dhattacharyya, Sahityashastri & Kavyatirtha, 1953, pp.138-140). Hal ini jelas dinyatakan dalam *asrama dharma* agama Hindu di mana mereka yang berada dalam tahap institusi keluarga harus menjaga ibu bapa mereka yang telah masuk ke alam *vaanaprahtya* (warga tua) dan golongan *sanyaya* (orang alim) (Sivapalan, Rajantheran & Rajakrishnan, 2004, p.254).

Menghormati orang yang lebih berumur dinilai daripada pelbagai perlakuan dan pertuturan. Dalam pada ini, orang muda sentiasa dinasihatkan agar berjaga-jaga dengan kata-kata mereka dan mesti bersopan-santun dengan orang tua (Singaravelu, 2005, p.10 & Heidi Munan, 1990, p.43). Hal ini jelas digambarkan dalam filem *Chalanggalai*, *Ethirkaalam*, *Ops Koosa Dappa 3*, dan *Dusrajanam* di mana watak-watak dalam filem-filem tersebut digambarkan bertutur dengan bersopan-santun semasa bertutur dengan orang yang lebih tua dengan mengalamatkan mereka sebagai *annee* (abang), *akka* (kakak), pakcik dan sebagainya walaupun mereka bukan memiliki tali saudara dengan mereka.

Pada umumnya orang tua dianggap sebagai golongan manusia yang lebih berpengalaman dalam hidup. Pengalaman hidup mereka sudah tentu dapat menjadi teladan kepada generasi muda untuk memantapkan lagi kualiti kehidupan mereka. Nasihat yang diberikan oleh orang tua sama ada dalam keluarga mahupun dalam kehidupan sosial sudah tentu akan membawa manfaat kepada seseorang Individu (Kamlesh Kapur, 2013, p.186).

Manusia yang ditentukan status sosialnya berdasarkan usia akan memainkan peranan dan tanggungjawabnya melalui pelbagai peringkat pengalaman kehidupan. Manakala tahap umur ini bukanlah semata-mata bergantung sepenuhnya kepada perkembangan fizikal tetapi juga berkaitan dengan nilai, tingkah-laku dan kematangan seseorang individu (Kntayya Mariappan, 2000, pp.126-128).

Penyair agung Tamil Thiruvalluvar menyatakan bahawa menjunjung dan bersahabat dengan orang yang berusia dan berpengalaman akan membawa segala kebaikan dalam kehidupan seseorang Individu (*Thirukkural*, 443). Beliau juga turut menyatakan bahawa seseorang individu tidak sewajarnya menganggap teguran orang tua sebagai hal yang mencabar prestij mereka, tetapi ia harus dipandang sebagai perkara yang akan menjaga seseorang daripada tersepit dalam masalah yang tertentu (*Thirukkural*, 447).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa memang wujud suatu ketaksamaan sosial antara orang tua dengan mereka yang di bawahnya. Namun demikian hal ini juga dianggap sebagai ketaksamaan sosial yang sihat kerana melahirkan generasi yang bermoral dan beretika tinggi yang hormat-menghormati dan kasih sayang pada orang tua. Hal ini juga akan menjaga struktur sosial yang sedia ada (Radcliffe Brown, 1956, p.189).

Analisis terhadap bahagian ini yang merangkumi topik-topik status sosial dalam institusi keluarga, guru dan status orang tua dengan jelasnya menggambarkan akan kewujudan ketaksamaan sosial di antara ibu bapa dengan anak, suami dengan isteri, guru dan anak muridnya, orang tua dan orang muda. Walaupun wujud ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka tetapi ia hanya dilihat sebagai suatu strata yang diterima oleh sistem sosial yang sedia ada.

Ketaksamaan sosial yang wujud dalam institusi keluarga dan kehidupan sosial ini sebenarnya tidak memerlukan sebarang pengiktirafan daripada mana-mana pihak atau individu kerana hal ini telah distabilkan secara semula jadi (Bottomore, 1966, p.15). Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan kesemua golongan yang telah dinyatakan dalam bahagian ini mungkin akan terjejas jika golongan tersebut tidak berkelakuan dan tidak beretika mengikut taraf kedudukan dalam kehidupan sosial mereka (Manimaran Subramaniam & Rajantheran, 2006, p.113).

#### **4.1.4. Amalan Nilai-Nilai Moral**

Nilai-nilai moral adalah sesuatu yang asas dalam kehidupan manusia yang bertamadun (Chandra Muzaffar, Che Wan Jasimah Wan Mohd Radzi, Hashim Hj Musa & Mohd Zuhdi Marsuki, 2004, p.4). Nilai-nilai moral adalah sesuatu yang abstrak dan membentuk harga diri kepada manusia. Perkataan moral adalah istilah yang berasal daripada bahasa Latin '*mores*' ataupun '*mos*' yang membawa maksud kebiasaan atau adat (Ashmore, 1987, p.2).

Pada umumnya nilai moral dirujuk sebagai suatu amalan yang baik dalam kehidupan sosial. Hal ini juga berfungsi sebagai alat pengukur untuk menilai kedudukan seseorang individu dari segi amalan dan tindakannya (Frankeana, 1973, p.2). Walaupun

nilai moral adalah abstrak tetapi hal ini biasanya dikaitkan dengan tindakan psikologi yang dilakukan oleh seseorang individu (Mukerjee, 1965, p.15).

Nilai moral ini memainkan peranan penting dalam segala aspek kehidupan sosial bagi menjalinkan hubungan yang baik dan juga untuk menstabilkan aliran kehidupan manusia secara teratur dan aman (Zainal Kling, 1978, p.15). Nilai moral ini juga berkait rapat dengan agama, kepercayaan, budaya, norma dan idealisme sesuatu golongan masyarakat (Hutcheon, 1972, pp.172-187). Nilai moral juga boleh mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan manusia dengan memberikan status sosial kepada mereka yang mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan mereka.

Dalam kajian semasa unsur pengamalan nilai-nilai moral ini diteliti berdasarkan tiga aspek yang jelas kelihatan dalam FFTM. Hal ini termasuklah maruah diri, mengenang budi dan bantu-membantu. Ketiga-tiga aspek ini jelas menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam FFTM.

#### 4.1.5. Maklumat Aspek Pengamalan Nilai-nilai Moral Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa sepuluh daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek amalan nilai-nilai moral.

Jadual 4.2: Maklumat aspek pengamalan nilai-nilai moral dalam FFTM.

| No | Filem                    | Maruah | Mengenang Budi | Bantu-Membantu |
|----|--------------------------|--------|----------------|----------------|
| 1  | <i>Chemman Chaalai</i>   | √      | √              |                |
| 2  | <i>Aandal</i>            | √      |                | √              |
| 3  | <i>Uyir</i>              |        |                |                |
| 4  | <i>Ethirkalam</i>        | √      | √              |                |
| 5  | <i>Chalanggalai</i>      | √      |                |                |
| 6  | <i>Vajram</i>            |        |                | √              |
| 7  | <i>Adutha Khatam</i>     | √      |                |                |
| 8  | <i>Ops Kossa Dappa 3</i> |        | √              |                |
| 9  | <i>Kaliyugha</i>         |        |                |                |
| 10 | <i>Olli</i>              |        |                |                |
| 11 | <i>Olipathivu</i>        | √      |                |                |
| 12 | <i>Dhusrajanam</i>       |        |                | √              |
| 13 | <i>Maraimugam</i>        | √      |                |                |

Amalan nilai-nilai moral akan membentuk suatu kedudukan dan nama baik bagi seseorang individu dalam kehidupan sosial. Dalam bahagian ini aspek-aspek pengamalan nilai-nilai moral dimuatkan bermula dengan maruah, diikuti dengan mengenang budi dan bantu-membantu orang lain.

Aspek maruah digambarkan dengan jelas dalam beberapa FFTM yang terpilih dalam kajian semasa. Aspek-aspek ini digambarkan dalam bentuk menjaga maruah diri,

maruah keluarga, membunuh diri demi menjaga maruah dan juga kepentingan maruah diri kaum wanita. Dalam sebuah adegan filem *Chemman Chaalai*, ayah Shalu digambarkan bertanya pada isterinya tentang wang yang telah disimpan dalam almari. Beliau menyatakan bahawa dirinya telah gunakan duit tersebut untuk membayar balik hutang jiran kerana jiran itu menghina keluarga mereka disebabkan hal hutang tersebut. Dalam adegan ini ibu Shalu digambarkan memulangkan duit pinjaman kepada jirannya demi menjaga maruah keluarga (00.22.55). Dalam sebuah lagi adegan, emak Shalu digambarkan menasihati Shalu supaya berhentikan pendidikannya setakat sekolah menengah kerana mereka tidak mampu untuk menanggung kos perbelanjaan pendidikan. Tetapi Shalu yang tidak dapat menerima nasihat ibunya terasa marah lalu terpaksa kata “kenapa melahirkan anak begitu banyak jika tidak mampu memenuhi kehendak mereka”. Kata-kata ini menyakitkan hati ibunya dan beliau cuba membunuh diri (00.58.00).

Cubaan membunuh diri demi maruah ini turut digambarkan dalam filem *Aandal*. Dalam sebuah adegan, watak Aandal (seorang pelacur) terasa maruahnya tercabar apabila salah seorang pelanggannya berjaya mengesan bahawa pelacur itu adalah berasal dari kampungnya. Aandal berasa serba salah kerana orang kampungnya tidak tahu akan kehidupan sebenar Aandal di Kuala Lumpur. Jika hal ini terbongkar, pasti maruah keluarganya akan tercemar. Hal ini membawa Aandal percubaan membunuh diri (01.23.05). Dalam sebuah lagi adegan seorang doktor digambarkan bertikam lidah dengan Suresh (suami Aandal) dengan mengatakan bahawa dia adalah seorang yang tidak bermaruah kerana melibatkan isterinya dalam aktiviti pelacuran. Hal ini membuatkan Suresh marah dan cuba menyerang doktor tersebut (01.28.09). Selain itu, dalam sebuah lagi adegan,

keluarga Aandal digambarkan menangis kerana maruah keluarganya tercemar disebabkan perbuatan Aandal yang telah melarikan diri dengan Suresh (00.36.15).

Selain itu, Filem *Ethirkalam* juga turut memuatkan sebuah adegan yang menggambarkan kejatuhan prestij kerana kehilangan maruah. Dalam sebuah adegan, Kathir (wira) digambarkan berada dalam lokap balai polis atas tuduhan terlibat dalam gengsterisme. Apabila Jenifer (teman wanita Kathir) mengetahui hal tersebut dia memarahi Kathir tetapi Kathir pula hanya digambarkan menundukkan kepalanya dan berasa amat malu untuk melihat muka Jenifer (01.42.21).

Dalam sebuah adegan filem *Chalanggai*, Siva digambarkan menghalau keluar ayahnya dari rumah kerana beliau adalah seorang yang tidak berdisiplin, tidak bertanggungjawab dan melibatkan diri dalam pelbagai gejala sosial. Dalam keadaan itu ayah Siva digambarkan menunduk kepala lalu keluar dari rumah (01.02.47).

Seterusnya, filem *Adutha Khattam* juga memaparkan senario yang berkaitan dengan menjaga maruah diri. Dalam bahagian klimaks filem tersebut, watak Rekha (wirawathi) digambarkan membunuh Arvind (watak jahat) yang cuba memperkosakannya (01.21.50). Manakala dalam sebuah lagi babak, watak Vijay (wira) digambarkan sedia mengorbankan nyawa demi menjaga maruah isterinya (Rekha) (01.09.42).



Dalam sebuah adegan filem *Olipathivu* pula, watak Veenthan digambarkan cuba memperalatkan Sarah untuk menjalinkan hubungan rapat dengan seorang pembunuh demi mengetahui gerak-geri dia, bagi merakamkan segala tindakan beliau. Tetapi Sarah pula digambarkan tidak bersetuju dan berkata bahawa hal ini akan mencemarkan maruah dirinya (00.43.33).

Selain itu, filem *Maraimugam* juga didapati memuatkan beberapa adegan yang berkaitan dengan maruah. Dalam sebuah adegan, watak Valli digambarkan menasihati rakanya Lekha bahawa maruah diri kaum wanita adalah lebih ternilai berbanding dengan maruah diri kaum lelaki. Beliau turut menyatakan bahawa jika maruah kaum lelaki tercemar, ia hanya akan memberikan kesan pada diri orang itu sahaja, tetapi jika maruah diri kaum wanita tercemar maka hal tersebut akan menjejaskan maruah keluarganya (00.10.07). Dalam sebuah lagi adegan ayah Nisha digambarkan menangis kerana anaknya telah melarikan diri dengan seorang lelaki dan tindakan tersebut telah mencemarkan maruah keluarganya (00.54.50). Dalam filem yang sama terdapat sebuah lagi adegan yang menggambarkan keadaan di mana watak Lekha membunuh diri kerana tersilap sangka bahawa gambar-gambar dirinya tanpa pakaian telah dimuat naik dalam facebook (01.30.20).

Selain itu, kajian semasa juga menunjukkan bahawa FFTM memuatkan beberapa adegan yang berkaitan dengan nilai mengenang budi. Hal ini digambarkan dalam dua

bentuk iaitu menerusi reaksi orang yang mengenang budi dan juga layanan terhadap mereka yang tidak mengenang budi.

Dalam sebuah adegan pada filem *Ethirkalam*, watak Kathir (wira) digambarkan membantu bosnya dalam usaha menyelesaikan suatu hal walaupun dia sudah meletakkan jawatan. Dalam keadaan itu Kathir digambarkan berkata pada bosnya bahawa dia bersetuju menyelesaikan hal tersebut kerana dirinya terhutang budi pada beliau kerana beliau yang telah memberikan kerja sewaktu dirinya sedang mengaggur (02.21.25).

Seterusnya, filem *Ops Kossa Dappa 3* juga didapati memuatkan dua adegan yang berkaitan dengan isu mengenang budi. Dalam sebuah adegan, watak Paandi digambarkan mengucapkan terima kasih dan berkata bahawa diri terhutang budi pada ejan-ejan 4SS kerana mereka telah menyelamatkan penduduk kampungnya daripada ancaman gergasi naga di kawasan tersebut (02.26.23). Manakala dalam sebuah lagi adegan, Nachiappan digambarkan memarahi watak Jaga lalu berkata dia tidak layak bercakap kerana tidak mengenang budi (00.40.42).

Selain itu, sifat bantu-membantu juga dimuatkan dalam FFTM. Dalam bahagian ini hanya beberapa adegan terpilih sahaja dimuatkan. Adegan-adegan ini telah dipilih berdasarkan unsur bagaimana ia membina prestij kepada seseorang individu dalam kehidupan sosial.

Filem *Aandal* didapati memuatkan sebuah adegan yang berkaitan dengan pengamalan nilai moral yang membawa nama baik kepada seseorang individu. Dalam filem tersebut seorang doktor digambarkan membantu Aandal untuk pulih daripada penagihan dadah. Dalam sebuah adegan lagi, makcik Asha digambarkan mengucapkan terima kasih dan memuji doktor tersebut atas bantuan beliau kepada Aandal (01.23.00).

Dalam filem *Vajram Surya* (wira) digambarkan sebagai seorang yang baik hati dan membantu semua orang di kampungnya. Dalam sebuah adegan, watak makcik Geetha digambarkan memuji Surya kerana kelakuan baik. Dia juga turut menyatakan bahawa Surya telah membawa balik remaja di kampung tersebut ke haluan yang baik. Beliau berkata bahawa dirinya bangga dengan usaha moral Surya (00.35.40).

Selain itu, dalam sebuah adegan filem *Dhusrajanam*, watak Kuttan (wira) pula digambarkan membantu seorang wanita tua dengan memberikannya bantuan kewangan. Dalam keadaan tersebut wanita tua itu digambarkan merestui Kuttan dan menyatakan bahawa Kuttan adalah orang yang baik hati (01.16.20).

#### **4.1.6. Analisis**

Analisis dalam bahagian ini dilakukan terhadap tiga perkara utama iaitu maruah, mengenang budi dan bantu-membantu. Ketiga-tiga nilai ini memainkan peranan masing-masing dalam menentukan status sosial seseorang individu. Oleh yang demikian, ketiga-tiga perkara ini diteliti dalam subtajuk yang berlainan.

##### **4.1.6.1. Analisis Nilai Maruah Diri**

Maruah adalah suatu ciri yang penting kepada individu dalam kehidupan sosial. Maruah biasanya dirujuk sebagai penghormatan atau harga terhadap diri (Taiwo, 2009, p.20). Manusia biasanya berpendapat bahawa dirinya adalah lebih baik daripada orang lain. Oleh yang demikian setiap orang berpegang pada maruah dirinya sebagai tanda yang melambangkan prestij diri masing-masing (James Rachels, 1999, p.132). Tanda prestij ini pula membentuk status sosial kepada seseorang individu. Ideologi tentang status sosial menyatakan bahawa setiap status mempunyai makna tersendiri dalam usaha menentukan kedudukan sosial (Ting Chew Peh, 1979, p.108). Berdasarkan kenyataan ini maruah juga menjadi salah satu alat pengukur status sosial seseorang individu.

Menjaga maruah adalah suatu prinsip hak asasi dalam kehidupan sosial (George Kateb, 2011, p.3). Maruah diri adalah harga diri individu yang tidak ternilai dan sukar untuk dipulihkan jika terjejas (Sharifah Mazlina, 2008, p.54). Maruah adalah unsur yang lebih berkaitan dengan amalan nilai-nilai moral. Maruah diri seseorang dikatakan akan terjejas apabila mereka melakukan tindakan yang bertentangan dengan etika kehidupan dan nilai-nilai moral (George Kateb, 2011, p.12).

Maruah diri biasanya memberikan keyakinan diri kepada seseorang individu. Justeru itu, keyakinan tersebut akan membentuk suatu kedudukan kepada seseorang Individu (James Battle, 1994, p.13). Pada masa yang sama status sosial yang diperoleh daripada maruah diri ini akan menjaga manusia daripada tidak berkelakuan terlampau kepada orang lain kerana takut maruah dirinya akan terjejas (Baumeister, 1994, p.83).

Dalam tradisi orang India pula, maruah diri dilihat sebagai suatu aspek kehidupan yang amat penting. Unsur maruah dalam pemikiran orang India mempunyai pandangan yang lebih tinggi nilainya berbanding dengan nyawa. Maruah diri seseorang individu dalam budaya orang India adalah merujuk kepada prestij kehidupan mereka. Jika maruah diri terjejas maka kedudukan sosial seseorang juga akan turut terjejas dan adalah sukar untuk dipulihkan semula (Thatchinamurthy, 2008, p.257).

Penyair agung Tamil Thiruvalluvar menyatakan bahawa jika seseorang melakukan perkara yang tidak beretika, maka hal tersebut bukan hanya akan menjejaskan kedudukan dirinya tetapi akan menjejaskan kedudukan keluarga dan warisan (*Thirukkural*, 961). Idea ini digambarkan dalam filem *Ethirkaalam* di mana apabila Kathir telah ditahan oleh polis atas kesalahan pergaduhan, keadaan ini digambarkan bukan sahaja menjatuhkan maruah diri Kathir di hadapan teman wanitanya tetapi juga menjatuhkan maruah ibu bapa Kathir di kampungnya.

Selain itu, aspek membunuh diri demi menjaga maruah diri telah digambarkan dalam FFTM seperti *Aandal*, *Chalangai*, *Adutha Kattam* dan *Maraimugam*. Dalam filem *Aandal*, watak Aandal digambarkan sanggup membunuh diri kerana khuatir maruah keluarganya akan tercemar kerana dirinya terlibat dalam aktiviti pelacuran. Dalam tradisi orang India maruah kaum wanita lebih diutamakan berbanding dengan kaum lelaki (Thatchinamurthy, 2008, 67, pp.540-544).

Hal ini turut dinyatakan dalam filem *Maraimugam* di mana watak Valli digambarkan menegur rakanya Lekha yang berkeliaran dengan teman lelakinya. Dalam situasi tersebut Valli menasihati Lekha bahawa maruah diri kaum wanita adalah lebih bernilai kerana jika maruah diri kaum lelaki tercemar hal ini hanya akan menjejaskan maruah diri lelaki tersebut, tetapi jika maruah wanita tercemar maka ia akan menjejaskan maruah keluarga mereka. Oleh yang demikian, lelaki mahupun wanita dinasihatkan supaya

jangan melakukan sebarang perkara yang tidak beretika kerana hal tersebut akan menjejaskan harga diri mereka dan keluarga (Umadevi Prabharan, 2011, p.167).

Perkara ini jelas dinyatakan dalam karya agung Tamil, *Thirukkural* (965) di mana seseorang yang berkedudukan tinggi seperti gunung, sekiranya melakukan perkara yang tidak beretika walaupun kecil seperti biji benih pun boleh mencemarkan nama mereka. Keadaan inilah yang berlaku dalam filem *Aandal* di mana Aandal yang telah melarikan diri dengan Suresh telah mencemarkan nama baik keluarganya.

Seraman Irumborai, seorang raja yang dipenjarakan setelah dikalahkan dalam peperangan membunuh diri kerana dirinya dihina dalam penjara. Hal ini termuat dalam karya puisi Tamil klasik *Puranaanuru* (74). Maka dapatlah dikatakan bahawa masyarakat Tamil telah melihat maruah diri sebagai suatu aspek yang lebih tinggi nilainya berbanding dengan nyawa. Perkara ini turut dinyatakan dalam karya *Thirukkural* seperti berikut:-

*“Mayirniipin valak kavari manannar  
Uyirnepar manam varin”* (Thirukkural, 969)

maksudnya orang yang bermaruah lebih rela mati berbanding dengan hidup sekiranya maruah mereka terjejas. Ideologi ini bukan sahaja dipegang oleh raja Tamil awal Seraman Irumborai, malah kelihatan juga dijiwai oleh beberapa watak dalam FFTM. Ini termasuklah dengan watak-watak emak Shalu (*Semman Chaalai*), Vijay (*Adutha Kattam*), Lekha

(*Maraimugam*) dalam FFTM kajian semasa kerana watak-watak tersebut sanggup membunuh diri demi menjaga maruah.

A.K.Guna (2006, pp.108-112) dalam sebuah kajian telah mengemukakan maklumat tentang kes membunuh diri di Malaysia. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa kebanyakan kes bunuh diri yang tercatat di Malaysia dalam kalangan orang India dikatakan berlaku atas isu maruah diri.

Orang yang bermaruah juga tidak akan sanggup melakukan perkara yang tidak beretika demi memperoleh kekayaan sosial. Mereka sentiasa bertanggungjawab terhadap pemikiran, tindakan dan pertuturan kerana hal-hal ini berkait rapat dengan maruah diri. Jika hal-hal ini tidak dijaga maka ia boleh menjejaskan maruah diri mereka (Tan Lee Lee, 2006, p.11). Perkara inilah yang digambarkan dalam filem *Olipathivu* di mana watak Sarah digambarkan tidak bersetuju dengan idea rakannya untuk berpura-pura berkawan dengan seorang pembunuh demi mendapat maklumat tentang orang tersebut.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa maruah ini adalah sesuatu perkara yang membentuk prestij dan status sosial kepada seseorang individu. Status sosial ini sudah tentu melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Hal ini jelas kelihatan dalam beberapa situasi dalam FFTM seperti *Aandal*, *Ethirkalam*, *Chalangai* dan sebagainya di mana mereka yang tercemar maruah dirinya digambarkan mengalami tekanan jiwa dan



kehilangan orang tersayang. Sebagai contohnya, dalam filem *Ethirkaalam* watak Kathir digambarkan tidak rela untuk melihat muka teman wanitanya semasa berada dalam penjara dan akhirnya putus cinta. Justeru itu, keadaan ini dengan jelasnya menggambarkan kewujudan ketaksaman sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia akibat daripada kegagalan dalam menjaga maruah diri.

Teori semiotik sosiologi menitik berat akan pengalaman manusia yang membentuk sesuatu perkara yang menjadi tanda kehidupan sosial mereka (Innis, 1985, p.xv). Berdasarkan teori ini kajian semasa pula melihat maruah sebagai suatu aspek yang menjadi sebahagian dalam kehidupan mereka. Manakala orang India yang menitik beratkan maruah sebagai identiti kehidupan mereka telah jelas digambarkan dalam FFTM dari sudut pengaruh dan kepentingannya. Walaupun aspek maruah diri ini dikatakan membawa ketaksamaan sosial tetapi perkara ini masih dipegang dan dilihat sebagai nilai kehidupan dalam kalangan orang India Malaysia.

#### **4.1.6.2. Analisis Nilai Mengenang Budi**

Sifat mengenang budi dan tidak mengenang budi juga dapat dikatakan membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan individu. Hal ini juga turut digambarkan dalam FFMT

dengan situasi-situasi yang bersesuaian dengan kehidupan kelompok masyarakat India Malaysia.

Mengenang budi adalah salah sebuah nilai moral yang terhasil daripada nilai berterima kasih. Mengenang budi atau terhutang budi adalah nilai yang memainkan peranan penting dalam etika sosial. Manusia dalam kehidupan sosial tidak boleh hidup secara bersendirian dan sentiasa akan menerima bantuan, kerjasama dan pertolongan daripada orang lain. Dalam keadaan ini seseorang individu dinasihatkan supaya tidak lupa akan jasa baik dan bantuan orang lain serta mengenang budi tersebut. Hal inilah yang dikatakan sebagai mengenang budi pada orang lain (Ee Ah Meng, 1996, p.120).

Mengenang budi dirujuk sebagai teras kehidupan masyarakat India. Hal ini juga dilihat sebagai suatu etika yang diamalkan oleh orang Tamil sejak zaman sebelum masihi lagi. Penyajak Tamil bernama Ulaganaatha Kavirayar menasihatkan umat manusia supaya janganlah lupa bantuan yang diterima dan sentiasa setia kepada orang yang telah membantu. Hal ini dikatakan dengan pepatah beliau, '*sey nandri oru naalum marakka veendaam*' (*Uлага Niithi*, 44).

Dalam filem *Ops Koosa Dappa 3*, watak Jaga digambarkan menentang bos lamanya. Dalam situasi tersebut bos tersebut menyatakan kepada Jaga bahawa Jaga tidak berkelayakan untuk bertutur dengan dirinya kerana tidak mengenang budi dan ia lebih

menjijikkan daripada binatang. Maka dalam situasi ini wujud ketaksamaan sosial antara Jaga dan bos di mana kedudukan Jaga digambarkan lebih rendah kerana sifatnya yang tidak mengenang budi.

Namun demikian dalam situasi tersebut Jaga menyatakan kepada bosnya bahawa beliau tidak menyelamatkannya semasa dirinya berada dalam bahaya. Hal itulah yang menyebabkan dirinya melawan bosnya. Namun demikian dalam tradisi orang India dalam apa juga situasi aspek tidak mengenang budi tetap dilihat sebagai perbuatan yang terhina. Hal ini dijustifikasikan melalui sebuah *Thirukkural* (109) yang menyatakan bahawa orang yang terhutang budi kepada individu lain harus sentiasa mengenang budi. Mereka juga harus melupakan kesalahan yang telah dilakukan terhadap dirinya oleh individu tersebut dengan mengenang bantuan yang telah disumbangkan sebelum itu. Berdasarkan pemikiran Thiruvalluvar, watak Jaga yang telah melawan bosnya tanpa mengenang budi masih dilihat sebagai tindakan yang tidak beretika.

Dalam tradisi orang India, aspek mengenang budi sentiasa mendapat kedudukan yang tinggi. Walaupun mereka ini adalah orang yang tidak baik tetapi nilai sifat mengenang budi ini akan menjadikan orang tersebut sebagai insan yang terpuji dalam kalangan orang India. Hal ini dapat terbukti daripada dua situasi dalam karya agung *Ramayana* dan *Mahabaratha*.

Dalam karya *Ramayana* adik kedua Ravana yang bernama Kumbakarna digambarkan telah mati di medan perang demi membalas budi abangnya Ravana yang telah memperbesarkan dan menjaga kebajikannya. Kumbakarna tahu akan perbuatan Ravana adalah salah dan Rama juga sanggup menerima Kumbakarna sebagai rakannya. Tetapi Kumbakarna tetap melawan Rama bagi pihak Ravana. Sebelum menghembuskan nafas terakhirnya, Kumbakarna menasihatkan adiknya Vibhishana supaya menyertai Rama yang menjadi simbol keadilan. Manakala dirinya terpaksa berkorban demi abangnya Ravana kerana jaga Ravana adalah amat besar (Kiran, 2010, pp.272-300).

Manakala dalam karya *Mahabaratha* pula, Karna digambarkan sebagai seorang watak yang telah mengorbankan nyawa demi membalas budi kepada rakannya Duriyothana. Dalam *Mahabaratha*, Karna juga tahu bahawa dirinya berlawan bagi pihak Duriyothana yang telah membuat penganiayaan terhadap golongan Pandava. Beliau juga tahu bahawa Pandava adalah adik beradi kepadanya. Namun demikian beliau tetap berlawan bagi pihak Duriyothana dan telah membalas budi dengan mengorbankan nyawanya dalam medan peperangan (Vaithiyanathan, 2000, p.719).

Pada tahun 1964, cerita Karna telah diterbitkan sebagai sebuah filem yang berjudul *Karnan*. Dalam filem tersebut seorang pelakon popular dalam industri filem Tamil, Sivaji Ganesan telah memegang watak sebagai Karna. Filem itu telah berjaya mendapat sambutan dalam kalangan orang Tamil kerana dua aspek yang diutarakan dalam filem tersebut terhadap watak Karna iaitu nilai kedermawanan dan mengenang budi. Kemudian filem

tersebut telah didigitalkan dan ditayangkan semula pada tahun 2012. Filem ini yang disertai dengan sistem bunyi DTS telah berjaya ditayangkan dalam tujuh puluh buah pawagam selama 150 hari. Hal ini merupakan suatu rekod baru dalam industri filem Tamil di India (<http://cinema.maalaimalar.com>, dirujuk pada 3/4/2013, pukul 2.00pm).

Kedua-dua watak ini dalam epik *Ramayana* dan *Mahabaratha* adalah watak yang telah memihak kepada watak hitam. Namun demikian kedua-dua watak ini dijunjung dan dihormati dalam kalangan orang India kerana mereka ini dilihat sebagai ikon mengenang budi.

Keadaan yang hampir sama digambarkan dalam filem *Ethirkaalam* di mana watak Kathir digambarkan membuat kerja terakhir yang diberikan oleh bosnya yang merupakan kerja yang berisiko tinggi di mana dirinya perlu menarik kereta seorang gengster. Tetapi Kathir digambarkan melakukan kerja tersebut demi membalas budi bosnya. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pergaduhan antara mereka dan akhirnya Kathir terpaksa membunuh gengster tersebut. Akibatnya Kathir telah dihukum gantung dalam filem tersebut. Pengarah filem, Sri Kumar telah menyatakan bahawa beliau memang mencipta situasi tersebut untuk menggambarkan sifat watak Kathir yang baik hati dan mengenang budi (temu ramah dengan Penerbit dan pelakon filem *Ethirkaalam*, pada 15/5/2014).

Dalam kalangan orang Tamil, mengenang budi ini bukan sahaja dilihat sebagai suatu etika tetapi juga dirujuk sebagai jalan untuk menambahkan pahala. Wali Thiruvalluvar menyatakan:-

*“Enandri Kondrarkum Uyvundam Uyvilai  
Seynandri Kondra Makarku”* (Thirukkural, 110)

Maksudnya dosa-dosa lain boleh ditebus, tetapi dosa hal tidak mengenang budi tidak boleh ditebus. Hal ini jelas menyatakan kepentingan aspek mengenang budi dalam kalangan orang India.

Nilai mengenang budi juga boleh mewujudkan ketaksamaan sosial apabila seseorang tidak mengenang budi. Hal ini digambarkan dalam filem *Ops Koosa Dappa 3* dan *Chemman Chaalai*. Dalam filem *Ops Koosa Dappa 3* watak Jaga dipandang rendah dan dilayan buruk kerana tidak mengenang budi.

Justeru itu, kajian ini dengan jelasnya menunjukkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat berdasarkan aspek tidak mengenang budi. Mengenang budi ini juga adalah suatu amalan nilai moral yang harus ada pada setiap insan demi memberikan semangat kepada golongan yang rela membantu tanpa mengharapkan sebarang balasan.

#### **4.1.6.3. Analisis Nilai Bantu-membantu**

Kedudukan status sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat adalah ditentukan berdasarkan segala amalan kehidupan manusia yang berteraskan budaya dan nilai-nilai moral. Manusia mungkin mempunyai kedudukan ekonomi, pendidikan yang tinggi, tetapi status penghormatan ini hanyalah diperoleh daripada kelakuan mereka (Judah Matras, 1975, p.67). Berdasarkan pandangan tersebut, menghulurkan bantuan kepada orang lain juga boleh membawa status sosial yang tertentu kepada seseorang individu.

Membantu dan memberikan derma adalah suatu nilai warisan orang Tamil yang diamalkan sejak awal lagi. Kesusasteraan sangam menyatakan tentang kehidupan tujuh orang raja pada zaman tersebut yang menjadi dermawan teragung, iaitu Pegan, Paari, Kaari, Aai, Athiyamaan, Nalli dan Oori. Ketujuh-tujuh raja ini mencatat namanya dalam sejarah orang Tamil disebabkan sifat kedermawanan mereka yang tiada tolak bandingnya. Dalam kalangan mereka, ada beberapa Raja bukan sahaja membantu manusia tetapi juga menyayangi tumbuhan dan haiwan. Sifat kasih sayang dan bantu-membantu pada semua benda hidup inilah yang mengekalkan nama baik raja-raja tersebut dalam kalangan orang Tamil (Sakkottai Krishnaswami Aiyangar, 2004, p.393).

Dalam budaya orang India, nilai bantu-membantu ini sentiasa dijunjung bagaikan sebuah nilai yang amat mulia. Thiruvalluvar menyatakan bahawa mereka yang

menghulurkan bantuan sebelum seseorang itu meminta bantuan adalah sifat yang amat mulia. Mereka ini dikatakan mengharumkan nama keluarga (*Thirukkural*, 223). Aspek inilah yang digambarkan dalam filem *Aandal* di mana seorang doktor digambarkan membantu seorang pelacur (*Aandal*) tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Selain itu, sebuah lagi karya klasik Tamil turut menyatakan tentang kewibawaan membantu orang lain. Karya tersebut menyatakan bahawa membantu orang lain adalah bagaikan menyiram air pada anak pokok kelapa. Jika manusia menyiram pada akar pokok tersebut maka pokok kelapa pula akan menukarkan air tersebut menjadi air kelapa dan kembalikannya kepada umat manusia. Begitu juga dengan bantuan yang dihulurkan kepada orang yang baik akan membawa balasan yang baik pada satu hari nanti (*Vaakkundaam*, 2). Manakala Thiruvalluvar menyatakan bahawa, membantu orang lain akan menjamin kedudukan terpuji di alam akhirat (*Thirukkural*, 226). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa nilai bantu-membantu dan kedermawanan dikategorikan sebagai nilai yang mulia dalam pemikiran orang Tamil.

Dalam pada ini, memberikan makanan kepada orang yang kelaparan dilihat sebagai perkara yang paling mulia. Hal ini sedemikian kerana kelaparan dikatakan akan menjejaskan sepuluh jenis sifat baik manusia iaitu maruah, warisan, pendidikan, kekuatan, pemikiran, sifat menderma, bertafakur, pencapaian, usaha dan cinta (*Nalvazhi*, 26). Itulah antara sebab mengapa pendermaan makanan dijadikan suatu kewajipan dalam semua upacara agama dan sosial masyarakat India. Mahatma Gandhi menyatakan bahawa cara



terbaik untuk menjadi insan yang terpuji adalah dengan melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan membatu orang lain (<http://www.brainyquote.com>, dirujuk pada 2/8/2014, 9.45am).

Manakala Mother Teresa pula menyatakan bahawa kehidupan yang tidak memikirkan tentang kebajikan orang lain itu bukanlah kehidupan sebenar (<http://www.goodreads.com>, dirujuk pada 2/8/2014, 9.50am). Hal inilah yang digambarkan dalam filem *Vajram* di mana watak Surya digambarkan sebagai insan yang suka membantu orang lain. Hasilnya beliau digambarkan sebagai seorang insan yang terpuji dalam filem tersebut. Menghulurkan bantuan kepada orang lain memberikan status kedudukan yang tinggi kepada seseorang individu. Pada masa yang sama mereka yang tidak mempunyai nilai ini pula tidak akan mendapat status tersebut.

Sebuah karya klasik Tamil menyatakan bahawa meminta sedekah adalah perbuatan yang terhina, tetapi menolak permintaan pengemis adalah perbuatan yang lebih terhina (*Puranaanuru*, 204: 1-2). Manakala penyajak Tamil, Auvaiyar pula menyatakan bahawa dalam kehidupan sosial ini hanya terdapat dua kasta sahaja. Mereka yang membantu dan menderma adalah berkasta tinggi manakala mereka yang lain adalah berkasta rendah (*Nalvazhi*, 2).

Dalam karya *Mahabaratha* watak Karna disifatkan sebagai ikon kedermawanan, kerana beliau tidak pernah menolak permintaan orang. Hinggakan beliau sudi dermakan segala pahalanya kepada dewa Krishna. Beliau tahu bahawa dirinya akan terbunuh jika segala pahalanya didermakan. Namun demikian, Karna sanggup mendermakannya kerana tidak menderma adalah perbuatan terhina, oleh itu lebih baik melepaskan nyawanya. Hal-hal inilah yang telah memberikan status yang tinggi kepada watak Karna dalam karya epik *Mahabaratha* (Vaithiyanathan, 2000, pp.714-716).

Menderma atau membantu orang lain bukanlah dinilai berdasarkan berapa banyak yang diberikan tetapi hal ini dinilai berdasarkan sifat keinginan untuk membantu dengan sepenuh hati (Michael Hansbury, 2009, p.146). Dalam filem *Dushrajanam* watak Kuttan digambarkan sebagai seorang yang sentiasa dibuli dan tidak dihormati oleh ahli keluarganya. Tetapi apabila beliau membantu seorang wanita tua dengan hanya memberikan RM 10.00, hal ini telah memberikan penghormatan tinggi pada hati nenek tersebut. Nenek itu pula digambarkan memuji dan merestui hati baik Kuttan. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa sifat bantu-membantu kepada orang lain akan memberikan status terhormat kepada manusia dan mereka yang hanya mementingkan diri akan dipandang rendah dalam kehidupan sosial.

Teori fungsionalisme menyatakan bahawa fungsi yang dimainkan oleh seseorang individu adalah penting bagi menentukan kedudukan status mereka dalam sesuatu institusi sosial. Ada fungsi yang ditetapkan berdasarkan struktur organisasi sebagai peranan. Pada

masa yang sama, ada juga fungsi yang wujud sebagai tanggungjawab sosial yang terhasil daripada norma-norma kehidupan. Walau bagaimanapun fungsi ini tetap memberikan kedudukan tertentu kepada seseorang individu (Kntya Marippan, 2000, p.50). Berdasarkan teori ini, nilai bantu-membantu juga harus dilihat sebagai fungsi manusia yang memberikan status sosial tertentu kepada manusia.

Secara kesimpulannya, dalam bahagian ini tiga aspek iaitu maruah, mengenang budi dan bantu-membantu telah dianalisis. Ketiga-tiga aspek tersebut dengan jelasnya menggambarkan kedudukan orang yang mengamalkan dan tidak mengamalkan nilai-nilai tersebut. Manakala karya-karya Tamil yang dikemukakan dalam analisis bahagian ini pula menggambarkan keadaan terhina mereka yang tidak mengamalkan nilai-nilai tersebut. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa amalan nilai-nilai moral juga membuka ruang kepada wujudnya ketaksamaan sosial dalam kalangan manusia yang mengamalkan dan tidak mengamalkan nilai-nilai tersebut. Hal ini kerana kehidupan yang bernilai moral dan beretika adalah memberikan penghormatan status sosial kepada seseorang individu. Status sosial pula membentuk ketaksamaan sosial dari segi unsur perbandingan dengan mereka yang tidak hidup beretika.

Walaupun bagaimanapun ketaksamaan sosial yang wujud dalam pengamal nilai-nilai moral ini adalah sesuatu unsur yang diperlukan dalam kehidupan sosial. Hal ini kerana keadaan ini akan melahirkan manusia yang berdisiplin dan berhemah tinggi. Jika tidak

kemunculan ketaksamaan sosial berasaskan unsur-unsur tersebut, maka manusia tidak akan hidup dengan beretika dan juga akan mementingkan diri sendiri sahaja.

#### **4.1.7. Keruntuhan Moral**

Keruntuhan moral atau kelakuan tidak bermoral adalah perkara yang bertentangan dengan apa jua etika yang digariskan dalam nilai-nilai moral (Dmitri Milo, 1984, p.3). Manusia tahu bahawa keruntuhan moral akan membawa dirinya ke pangkalan dosa, namun demikian hal ini tetap berterusan kehidupan seharian. Kelakuan yang bertentangan dengan moral boleh disifatkan sebagai tindakan negatif yang akan memberi impak buruk kepada diri sendiri, orang lain dan juga masyarakat (Koops, Brugman, Ferguson & Sanders, 2009, p.26).

Keruntuhan moral, membuka ruang bagi manusia menceburkan diri dalam gejala sosial dan jenayah. Perkara ini juga boleh menjejaskan kedudukan status sosial seseorang individu dan menjejaskan kepercayaan terhadap individu tersebut. FFTM dalam kajian semasa memuatkan beberapa situasi yang berkaitan dengan keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat yang menggambarkan keadaan terjejasnya status mereka dalam kehidupan sosial.

#### 4.1.8. Maklumat Aspek Keruntuhan Moral Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa lapan daripada tigabelas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek keruntuhan moral.

Jadual 4.3: Maklumat aspek keruntuhan moral dalam FFTM.

| No | Filem                    | Arak & Berjudi | Dadah | Pelacuran / Hubungan seks dengan pelacur / Hubungan seks haram | Gengsterisme |
|----|--------------------------|----------------|-------|--|--------------|
| 1  | <i>Chemman Chaalai</i>   |                |       |  |              |
| 2  | <i>Aandal</i>            | √              | √     | √  |              |
| 3  | <i>Uyir</i>              |                |       |  |              |
| 4  | <i>Ethirkalam</i>        | √              |       |  | √            |
| 5  | <i>Chalanggai</i>        |                |       |  | √            |
| 6  | <i>Vajram</i>            |                |       |  |              |
| 7  | <i>Adutha Khattam</i>    |                |       |  |              |
| 8  | <i>Ops Kossa Dappa 3</i> |                | √     | √  |              |
| 9  | <i>Kaliyugha</i>         |                | √     | √  | √            |
| 10 | <i>Olli</i>              | √              |       | √  |              |
| 11 | <i>Olipathivu</i>        |                |       |  |              |
| 12 | <i>Dhusrajanam</i>       |                |       | √  |              |
| 13 | <i>Maraimugam</i>        | √              |       |  |              |

Aspek keruntuhan moral yang terhasil daripada perkara-perkara seperti masalah sosial, melibatkan diri dalam jenayah, berkelakuan tidak bersopan, tidak beretika dan sebagainya jelas digambarkan dalam FFTM. Dalam bahagian ini aspek keruntuhan moral, diteliti mengikut susunan sepertimana yang digambarkan dalam jadual di atas. Kesemua aspek ini hanya dimuatkan berdasarkan ideologi bagaimana hal ini menjatuhkan status sosial seseorang individu dalam membentuk ketaksamaan sosial.

*Aandal* adalah sebuah filem yang menceritakan tentang kehidupan seorang wanita yang telah berkahwin dengan seorang pengedar dadah/gengster. Oleh yang demikian, filem ini didapati memuatkan lebih banyak adegan yang berkaitan dengan aspek keruntuhan moral. Dalam sebuah adegan, watak Suresh (wira) dan rakan-rakannya digambarkan bersama-sama minum arak dan berjudi di rumah. Watak makcik Asha yang menyewa rumah kepada Suresh digambarkan bermuka masam dan memandang rendah pada Suresh dan rakan-rakannya (00.11.29 & 00.13.48).

Dalam sebuah lagi babak, makcik Asha digambarkan memarahi Suresh dengan menyatakan bahawa dia adalah seorang pengedar dadah dan penjahat (01.02.00). Keadaan yang sama digambarkan dalam sebuah lagi babak di mana Suresh cuba bergaduh dengan seorang doktor yang membantu *Aandal* untuk memulihkannya daripada ketagihan dadah. Dalam situasi tersebut makcik Asha menghalang pergaduhan tersebut lalu berkata bahawa jangan berlawan dengan Suresh kerana dia adalah seorang yang jahat dan tidak bertaraf berbanding dengan doktor tersebut (01.28.09).

Dalam sebuah lagi adegan, watak *Aandal* yang mengandung digambarkan mendapatkan rawatan daripada seorang doktor wanita. Doktor wanita tersebut mengetahui bahawa *Aandal* adalah seorang penagih dadah. Dalam keadaan itu doktor tersebut bertanya pada *Aandal* bahawa adakah beliau masih menagih dadah. *Aandal* digambarkan berasa malu atas perbuatannya yang terdahulu (01.21.08). Pada senario yang lain pula, *Aandal*

digambarkan memarahi dan menampar Suresh yang telah menghancurkan kehidupannya kerana menjadikannya sebagai seorang penagih dadah dan pelacur. Dalam keadaan itu Suresh hanya digambarkan berdiam diri dan tidak berlawan balik (01.35.50).

Dalam dua lagi adegan yang berlainan, watak Murali (jiran) digambarkan menegur Aandal bahawa sebelum ini dia adalah seorang yang berkelakuan baik dan bersopan santun, tetapi kini berubah menjadi pelacur dan penagih dadah (01.07.05 & 01.30.07). Setelah Aandal menjadi penagih dadah dan pelacur, wataknya digambarkan sebagai seorang yang tidak beretika dan tidak mempunyai harga diri (01.07.05, 01.08.26, 01.13.04 & 01.17.30). Dalam sebuah lagi adegan, seorang doktor digambarkan memberikan alasan kepada makcik Asha bahawa dirinya mencari pelacur kerana isterinya telah meninggalkan beliau. Walau bagaimanapun beliau tetap digambarkan berasa jijik apabila beliau mengaku kesalahannya yang mencari pelacur (01.28.09).

Dalam sebuah adegan filem *Ethirkalam* pula, watak Jenifer (wirawathi) digambarkan menasihati Kathir (wira) supaya jangan melibatkan diri dalam gengsterisme (01.07.07). Dalam senario yang lain, Kathir dipenjarakan di balai polis atas kesalahan melibatkan diri dalam pergaduhan. Hal ini telah disampaikan kepada ibu bapa Kathir. Dalam keadaan tersebut ibu bapa Kathir digambarkan terasa malu atas sikap anak mereka yang telah menjatuhkan imej keluarga (01.47.19).

Dalam filem *Chalנגgai*, terdapat tiga senario yang menggambarkan aspek keruntuhan moral. Dalam sebuah adegan, ayah Uma digambarkan cuba berjumpa dengan isterinya Muniamma (emak Uma) untuk memberikan duit belanja. Tetapi Muniamma menolak kerana beliau terlibat dalam gejala sosial dan duit itu adalah tidak halal (00.40.20). Dalam sebuah lagi adegan, ayah Siva digambarkan cuba mendapatkan bantuan daripada isterinya setelah pukul dalam sebuah pergaduhan gengster. Dalam pada situasi tersebut anaknya Siva digambarkan memarahi dan menghalau keluar bapanya dari rumah (01.02.47). Pada adegan yang lain pula ayah Siva digambarkan menasihati anaknya (Siva) supaya jangan membuat hal-hal yang tidak bermoral. Beliau turut menyatakan bahawa dirinya kehilangan keluarga dan status sosial disebabkan kelakuannya bertentangan dengan etika (01.25.43).

Filem *Ops Kossa Dappa 3* juga menggambarkan senario yang berkaitan dengan keruntuhan moral. Dalam sebuah adegan, rakan wanita watak Vasigi digambarkan sebagai seorang penagih dadah dan dilayan buruk oleh Vasigi (00.51.30). Dalam adegan yang lain Shashi dan Eswar digambarkan menculik kaum wanita dan melibatkan mereka dalam pelacuran (00.39.40).

Tema filem *Kaliyugha* adalah berkaitan dengan isu-isu keruntuhan moral dan masalah sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Oleh yang demikian filem ini didapati memuatkan lebih banyak adegan-adegan yang berhubung dengan masalah sosial dan jenayah. Dalam sebuah adegan, watak Vijay digambarkan memaksa isterinya untuk



melibatkan diri dalam pelacuran demi memperoleh duit yang lumayan (00.42.27). Dalam sebuah lagi adegan, watak Ramu digambarkan mempunyai hubungan seks sulit dengan kakak iparnya (01.04.17). Keadaan yang hampir sama diulangi dalam sebuah lagi senario filem ini di mana watak Dheena dan Rubi (yang belum berkahwin) digambarkan merancang untuk mengadakan hubungan seks di rumah Rubi semasa ibu bapa Rubi keluar bekerja (00.45.40).

Dalam sebuah lagi adegan yang lain, watak Rani digambarkan dipujuk oleh abang iparnya untuk mengadakan hubungan seks sulit. Manakala dalam senario yang lain watak Rupa (pelajar kolej) digambarkan memujuk Manili (rakan) untuk melibatkan diri dalam hubungan seks bebas bagi menikmati kehidupan kolej yang mewah (01.12.42).

Dalam sebuah lagi adegan pada filem yang sama seorang guru disiplin digambarkan menegur empat orang pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kurang berakhlak seperti bercita di alam sekolah, bergaduh dan memberikan surat cinta kepada guru (00.48.10). Seterusnya, dalam sebuah lagi adegan seorang pengedar dadah digambarkan memaksa anaknya untuk melibatkan diri dalam pengedaran dadah untuk menikmati kehidupan yang mewah. Walau bagaimanapun anaknya digambarkan tidak bersetuju dengan cadangan ayahnya (01.16.30).

Selain itu, dalam filem *Olli* pula terdapat sebuah adegan yang menggambarkan keadaan di mana rakan-rakan Vishnu (wira) meminum arak dan menari di sebuah kelab karaoke. Dalam situasi itu seorang penari cuba memujuk Vishnu untuk menari bersama. Tetapi Vishnu pula menolak permintaannya lalu keluar dari tempat tersebut (00.42.15).

Dalam filem *Dhusrajanam* pula terdapat sebuah adegan di mana watak Maari digambarkan mengadakan hubungan seks sulit dengan seorang wanita yang telah berkahwin. Apabila suaminya mengetahui hal tersebut dia telah dibelasah teruk (01.13.40).

Filem *Maraimugam* juga turut memuatkan adegan yang berkaitan dengan aspek keruntuhan moral. Dalam sebuah adegan, watak Kaipulla dan Pattasu digambarkan merancang untuk pergi ke kelab karaoke bersama Valli. Tetapi Valli menolak permintaan mereka kerana ia adalah aktiviti yang tidak senonoh tidak berbudaya. Valli juga turut menegur kelakuan Kaipulla dan Pattasu yang ingin pergi ke kelab karaoke (01.24.30).

#### **4.1.9. Analisis**

Analisis dalam bahagian ini dilakukan terhadap empat topik yang memainkan peranan penting dalam menjejaskan kedudukan status sosial seseorang individu. Hal ini termasuklah

meminum arak dan berjudi, penagihan dan pengedaran dadah, menjalankan aktiviti pelacuran, mempunyai hubungan seks dengan pelacur, mengadakan hubungan seks sulit dan akhirnya adalah terlibat dalam aktiviti gengsterisme. Oleh yang demikian setiap topik ini diteliti dalam tajuk-tajuk kecil yang berasingan.

#### **4.1.9.1. Analisis Keruntuhan Status Daripada Meminum Arak Dan Berjudi**

Kehidupan manusia yang berdisiplin dan bermoral sentiasa mendapat penghormatan dalam kalangan masyarakat. Meminum arak dan berjudi adalah dua perkara yang tidak bermoral yang disenaraikan antara lima dosa yang terbesar dalam kalangan masyarakat India (Singaravelu Mudaliar, 1998, p.1079).

Arak pada umumnya didefinisikan sebagai minuman keras yang mempunyai kandungan alkohol yang boleh memabukkan manusia (Andrews. 2009, p.184). Mengikut peraturan makanan 1985, arak adalah dikatakan bahan minuman yang mengandungi lebih daripada 2% alkohol. Arak adalah dikategorikan di bawah kumpulan dadah. Arak boleh memberikan kesan terhadap sistem saraf manusia yang membuatkan mereka terasa mengantuk, pangsan dan tidak sedar diri. Jika peratus alkohol berlebihan maka ia boleh membunuh manusia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my), dirujuk pada 10/ 11/2013, pukul 8.15pm).

Meminum arak bukan sahaja menjejaskan kesihatan seseorang individu tetapi juga memudaratkan keluarga dan menghancurkan nama baik diri seseorang individu. Agama Hindu pula dengan tegasnya menyatakan bahawa meminum arak adalah dosa besar yang wajib dielak (Nirad, 1979, p.421).

Penyair agung Tamil Thiruvalluvar menyatakan bahawa meminum arak adalah bagaikan meminum racun kerana kedua-duanya akan membinasakan kehidupan dan kesihatan seseorang individu (*Thirukkural*, 926). Manusia yang meminum arak biasanya tidak akan sedar diri kerana mabuk. En.Bala seorang pegawai yayasan pencegah jenayah, menyatakan bahawa kebanyakan kes-kes jenayah yang berlaku dalam kalangan orang India seperti pergaduhan, membunuh, merogol dan sebagainya adalah berpunca daripada minuman arak (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014). Manakala penglibatan dalam kes-kes jenayah pula akan menghancurkan kehidupan seseorang individu.

Orang yang meminum arak dikatakan tidak mempunyai maruah diri kerana mereka melakukan apa juga kegiatan tanpa sedar diri. Keadaan ini pula memberikan peluang kepada orang ramai untuk membuli dan memandang rendah terhadap orang yang meminum arak (Padmanaban, 2004, p.187). Kaki botol dikatakan menjadi ganas dan melakukan keganasan rumah tangga, membelanjakan sebahagian besar pendapatan untuk arak, melakukan perbuatan jenayah seperti merogol, membunuh dan sebagainya serta tidak akan berminat menjaga keluarga (Guna, 2006, p.79).

Sebahagian masyarakat India Malaysia dikatakan mempunyai masalah ketagihan arak (<http://news.abnxc.com>, dirujuk pada 10/11/2013, pukul 9.00pm). Amalan meminum arak dalam kalangan orang India Malaysia dikatakan adalah berpunca daripada struktur organisasi di kawasan ladang pada zaman British lagi (Krishnan Maniam, 1993, p.50). Lama-kelamaan hal ini telah menjadi suatu ketagihan dalam kalangan mereka. Sebuah kajian ijazah sarjana sastera tentang masyarakat India Malaysia, menyatakan bahawa keadaan kemiskinan dan kekurangan pendidikan dalam kalangan orang India di ladang telah menyebabkan mereka terlibat dengan amalan meminum arak (Mohamed Sabib bin Abdullah, 2007, p.100).

Sebuah lagi kajian yang berkaitan dengan isu-isu sosial masyarakat India Malaysia, menyatakan bahawa sekitar tahun 2000-an hampir 60% pesakit yang dimasukkan ke dalam wad kecemasan Hospital Besar Kuala Lumpur yang disebabkan oleh masalah minuman arak adalah terdiri daripada masyarakat India Malaysia. Kajian tersebut juga turut menyatakan bahawa kebanyakan daripada mereka adalah meminum arak jenis samsu. Puratanya, kaum India Malaysia dikatakan membelanjakan lebih RM 50,000 bagi tujuan meminum arak (Guna, 2006, p.79).

Mereka yang meminum arak biasanya tidak dianggap sebagai orang yang bermoral dalam kalangan orang India (Kuamarasamy Tannimalai, 2011, p.96). Perkara inilah yang digambarkan dalam filem *Aandal*, *Olli* dan *Maraimugam*. Dalam ketiga-tiga filem tersebut

watak-watak yang meminum arak digambarkan mendapat teguran dan pandangan yang hina dalam kalangan masyarakat. Penerbit filem Tamil, Sandosh Kesavan menyatakan bahawa pandangan hina terhadap penagih arak ini telah digambarkan melalui watak makcik Asha yang digambarkan berasa jijik terhadap Suresh yang menjadi kaki botol (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Aandal*, pada 8/1/2014).

Selain itu, berjudi juga dikatakan sebagai satu lagi dosa yang besar dalam ajaran agama Hindub (Stephen Knapp, 2005, p.488). Pepatah Tamil, '*suthum vathum vethanai seyum*' membawa maksud berjudi dan bertengkar akan membawa kesakitan (*Kondrai Veenthan*, 31). Terdapat suatu bab khas dalam karya *Thirukkural* yang mengecam serta menyatakan impak negatif judi. Dalam pada itu dua kuplet menyatakan bahawa orang yang melibatkan diri dalam perjudian bukan sahaja kehilangan harta benda tetapi juga akan kehilangan segala nilai-nilai moral yang ada pada dirinya serta kehilangan kurniaan Tuhan yang Maha Esa (*Thirukkural*, 937 & 938).

Masyarakat Tamil sejak awal lagi menolak permainan judi sebagai suatu aktiviti yang membawa kesan negatif yang serius. Dalam kalangan masyarakat India terdapat dua cerita yang menggambarkan kemudaratan yang dihadapi kerana berjudi. Yang pertamanya terdapat epik *Mahabaratha* dan yang keduanya dimuatkan dalam cerita Raja Nala. Dalam karya *Mahabaratha*, watak Dharma telah kehilangan takhta dan maruah dirinya disebabkan permainan judi. Ketagihan judi telah menyebabkan Dharma menggadaikan adik-beradik, diri sendiri dan juga isterinya. Hal ini telah menjatuhkan maruah diri Dharma dan pada

akhirnya menjadi punca pencetus peperangan besar antara Pandava dan Duriyothana (Vaithiyanathan, 2000, p.161-205).

Manakala Raja Nala pula kehilangan takhta dan segala-galanya dalam permainan judi. Hal ini telah membawa pelbagai penderitaan sehinggakan terpaksa berpisah daripada isteri dan anak-anaknya (Mittal, 2006, pp.180-182). Kedua-dua cerita ini sentiasa dirujuk sebagai ajaran dalam kalangan masyarakat India tentang kemudaratan yang bakal dibawa oleh permainan judi.

Mohamad Sabib (2007, p.106) yang menyentuh tentang isu perjudian dalam kajian ijazah sarjana menyatakan bahawa perjudian adalah salah satu punca utama kehilangan kebahagiaan dalam kebanyakan keluarga orang India di ladang. Beliau telah menyatakan bahawa perjudian turut membawa kemiskinan yang mengakibatkan hutang, membuatkan individu mengabaikan tanggungjawab, tidak menjaga kesihatan dan melibatkan diri dalam perbuatan jenayah demi mendapatkan duit untuk berjudi.

Jika seseorang mengalami keadaan ini maka sudah tentu manusia tersebut akan kehilangan status dalam kehidupan sosial dan keluarga. Hal ini kerana, kewujudan status sosial ini lebih berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab seseorang individu. Manusia yang tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna boleh kehilangan status sosial mereka (Senstadt, 1971, p.8). Manakala kaki judi pula dilihat sebagai manusia yang

mementingkan keseronokan diri sendiri sahaja. Keadaan ini boleh menjejaskan kehormatannya dalam kalangan masyarakat. Bukan itu sahaja, malah hal ini juga akan menjejaskan keamanan keluarga dan ketenteraman hidup seseorang individu (Mohamad Sabib, 2007, p.106).

Permainan judi merupakan suatu masalah serius yang dapat dikesan dalam kalangan orang India Malaysia sejak zaman penjajahan British lagi (Kuamarasamy Tannimalai, 2011, p.110). Dalam filem *Aandal*, watak Suresh digambarkan berjudi bersama rakan-rakannya. Suasana tersebut digambarkan sebagai suatu keadaan yang tidak baik kerana rakan-rakan Suresh adalah digambarkan dengan imej luaran sebagai orang yang tidak beretika. Pada masa yang sama makcik Asha pula digambarkan memandang rendah terhadap.

Pandangan rendah inilah yang menggambarkan keruntuhan kedudukan status sosial seseorang yang berminat dengan perjudian. Manakala kemudaratan yang dibawa oleh seseorang individu daripada permainan judi sudah tentu akan menjejaskan imej dirinya. Hal ini pula akan membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat antara pemain judi dengan orang yang beretika.



#### **4.1.9.2. Analisis Keruntuhan Status Daripada Penagihan Dan Pengedaran Dadah**

Penagihan dadah dan pengedaran dadah juga dikatakan perkara yang boleh menjejaskan kedudukan seseorang individu dalam kehidupan sosial. Ketagihan dadah adalah lebih teruk daripada arak kerana penagih dadah adalah sukar untuk keluar daripada ketagihan ini (Guna, 2006, p.82).

Dadah dikatakan memberikan kesan kepada psikologi, minda dan otak yang membuatkan penagih dadah terasa seronok dan khayal. Keadaan ini akan berfungsi dalam badan mereka sehingga adanya kesan dadah tersebut. Lama-kelamaan penagih dadah akan mengambil dos yang lebih tinggi untuk memperoleh khayalan yang berterusan. Khayalan dan keseronokan ini akan membuatkan penagih dadah berada pada keadaan yang tidak boleh meneruskan kehidupan tanpa dadah (Mohamed Izham, 2004, p.8).

Jika penagih dadah tidak memperoleh dadah, maka mereka akan mengalami penderitaan, mata berair dan terasa sakit perut. Keadaan ini menjadikan mereka terlepas daripada kawalan diri dan emosi serta mula bertindak ganas. Perkara ini pula akan membuatkan mereka melibatkan diri dalam kes-kes jenayah seperti mencuri, merompak dan sanggup menggadaikan maruah demi mendapatkan dadah (Mohamad Sabri, 1996, p.35).

Keadaan inilah yang digambarkan dalam filem *Aandal*. Dalam filem tersebut watak Aandal sebenarnya adalah seorang yang berrmaruah, berasal daripada keluarga yang baik. Tetapi Suresh (suami) telah menyuntik dadah pada badanya dan menjadikan Aandal sebagai seorang penagih dadah. Setelah menjadi penagih dadah, Aandal mula mengikuti segala kehendak suaminya sehingga sanggup menggadaikan maruah dan menjadi pelacur demi mendapatkan dadah.

Para penagih dadah juga dikatakan tidak akan mempedulikan apa-apa jua dalam kehidupan sosial mereka termasuklah tanggungjawab, tugas, kerja, keluarga, bangsa dan negara. Mereka adalah suatu kumpulan yang terasing daripada dunia sebenar kerana khayalan mereka tidak akan memberikan peluang untuk memikirkan hal-hal duniawi. Mereka biasanya hidup dengan golongan penagih dadah yang lain dan tidak akan pedulikan pandangan masyarakat tentang diri mereka (Abdul Ghafar Taib, 1992, p.4). Aspek ini telah diangkat dalam filem *Aandal* di mana watak Aandal daripada keluarga yang berrmaruah, telah menjadi pelacur demi memperoleh dadah. Apabila hal ini ditegur oleh Murali, Aandal digambarkan tidak peduli tentang kata-kata beliau.

Kumarasamy (2011, p.108) dalam kajian Ijazah Sarjana Sastera yang bertemakan, isu-isu sosial masyarakat India Malaysia, menyatakan bahawa ramai orang India Malaysia khususnya para remaja telah menjadi penagih dadah. Manakala kenyataan ini pula didapati terbukti daripada jadual berikut:-

Jadual 4.4: Taburan peratus (%) penagih dadah mengikut etnik, Malaysia, 2000-2008.

| Etnik                            | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 |
|----------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Melayu                           | 65.9 | 67.7 | 69.5 | 68.6 | 64.6 | 68.1 | 69.5 | 72.6 | 77.4 |
| Cina                             | 17.9 | 16.0 | 14.9 | 14.8 | 13.6 | 15.6 | 15.9 | 13.6 | 11.6 |
| India                            | 10.9 | 10.1 | 10.2 | 10.1 | 9.1  | 9.8  | 10.6 | 11.4 | 8.8  |
| Bumiputera Sabah                 | 3.9  | 4.4  | 4.2  | 4.3  | 9.0  | 3.7  | 2.4  | 1.6  | 1.2  |
| Bumiputera Sarawak               | 0.4  | 0.2  | 0.3  | 0.4  | 0.4  | 0.4  | 0.4  | 0.2  | 0.1  |
| Bangsa lain termasuk warga asing | 1.1  | 1.5  | 1.0  | 1.8  | 3.2  | 2.3  | 1.2  | 0.6  | 0.8  |

Sumber: *Perangkaan Sosial Terpilih*, 2010, p. 5.

Peratusan penagihan dadah yang tersenarai di atas menunjukkan bahawa penglibatan orang India dalam penagihan dadah dari tahun 2000 hingga 2008 menurun. Namun demikian hal ini tidak menampakkan suatu perbezaan yang ketara. Biasanya kebanyakan penagih dadah yang keluar dari pusat pemulihan dikatakan kembali menagih dadah. Hal ini sedemikian kerana mereka jarang diterima oleh masyarakat. Hal ini pula membuka ruang kepada mereka untuk mendapatkan semula dadah bagi melupakan kesunyian dalam hidup mereka. (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014).

Selain itu, pelbagai sebab juga dikemukakan sebagai punca penagihan dadah. Dalam filem *Aandal*, watak Aandal digambarkan telah ditipu dan dijadikan sebagai penagih dadah. Manakala dalam filem *Ops Koosa Dappa 3* pula, rakan wanita watak Vasigi menjadi penagih dadah disebabkan oleh pengaruh kawanya. Walaupun rakan sebaya dikatakan sebagai salah satu sebab utama masalah penagihan dadah dalam kalangan remaja tetapi terdapat juga sebab-sebab lain.

Jadual 4.5: Bilangan penagih dadah mengikut sebab menggunakan dadah, Malaysia, 2000-2008

| Sebab                | 2000   | 2001   | 2002   | 2003   | 2004   | 2005   | 2006   | 2007   | 2008   |
|----------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| Pengaruh kawan       | 8,762  | 9,937  | 10,694 | 12,314 | 13,545 | 13,776 | 10,418 | 7,094  | 6,448  |
| Keseronokan          | 4,092  | 3,860  | 3,976  | 4,315  | 3,678  | 3,021  | 1,575  | 2,069  | 2,464  |
| Perasaan ingin tahu  | 4,334  | 5,614  | 5,491  | 6,303  | 6,514  | 7,239  | 4,477  | 2,374  | 1,721  |
| Tekanan jiwa         | 724    | 720    | 1,160  | 1,118  | 1,066  | 934    | 731    | 708    | 703    |
| Rangsangan           | 29     | 34     | 69     | 111    | 82     | 164    | 122    | 180    | 125    |
| Tahan sakit          | 124    | 199    | 134    | 246    | 140    | 220    | 73     | 93     | 76     |
| Secara tidak sengaja | 13     | 14     | 20     | 15     | 6      | 49     | 16     | 74     | 40     |
| Lain-lain            | 71     | 205    | 38     | 21     | 21     | 9      | 15     | 156    | 147    |
| Tiada maklumat       | 12,444 | 10,973 | 10,311 | 12,553 | 13,620 | 7,396  | 5,384  | 1,741  | 628    |
| Jumlah               | 30,593 | 31,556 | 31,893 | 36,996 | 38,672 | 32,808 | 22,811 | 14,489 | 12,352 |

Sumber: *Perangkaan Sosial Terpilih*, 2010, p.8.

Jadual di atas menyenaraikan lapan sebab yang menjadi punca kepada ketagihan dadah dalam kalangan remaja. Dalam pada itu, keseronokan daripada dadah dan rasa ingin tahu menjadi sebab utama menjadikan ramai orang terpengaruh dengan ketagihan dadah.

Kerajaan didapati telah mengambil pelbagai langkah dengan mengetatkan undang-undang untuk membanteras pendedaran dan penagihan dadah. Akta-akta seperti Akta Penagih Dadah (rawatan & pemulihan) 1983; pindaan 1998 Akta A1018, Akta Dadah Berbahaya (langkah-langkah pencegahan khas), Akta Dadah Berbahaya (perlucutan harta) 1988, Akta Racun 1952 (B2) telah digubal untuk membanteras gejala ini. Tetapi hal ini masih didapati berterusan (Sulaiman bin Hj Mahmud, 2004, pp.1-2).

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pasaran dadah adalah amat besar dan membawa keuntungan yang amat besar (Guna, 2006, p.85). Dalam filem *Kaliyugha*, seorang pengedar dadah yang kaya memujuk anaknya supaya terlibat dalam gejala pengedaran dadah kerana caranya membawa keuntungan yang besar. Beliau berkata pada anaknya bahawa dirinya menjadi jutawan dengan memiliki kereta dan rumah banglo adalah daripada aktiviti pengedaran dadah. Tetapi anaknya tidak mengikut nasihat ayahnya kerana takut status sosialnya akan terjejas.

Mereka ini sanggup menggadaikan nyawa demi mendapatkan pendapatan yang lumayan daripada pengedaran dadah. Pada tahun 2006, Polis DiRaja Malaysia telah berjaya merampas dadah bernilai 20.5 juta. Pada tahun berikutnya mereka telah merampas dadah bernilai 37.3 juta (Akhbar *Utusan Malaysia*, 19/12/2007, p.15).

Sebuah kajian tentang masalah sosial masyarakat India (Guna, 2006, p.85), menyatakan bahawa ramai anak muda India melibatkan diri dalam gejala pengedaran dadah. Mereka ini dalam lingkungan usia 20 hingga 25 tahun melibatkan diri dalam penjualan dadah. Tetapi mereka ini bukanlah pengedar utama. Sindiket utama menggunakan anak-anak muda ini untuk melibatkan diri dalam pengedaran dadah kepada para pelanggannya. Kajian ini juga turut memaklumkan bahawa dari tahun 1988 hingga 1996 seramai 9,000 orang India Malaysia telah ditahan atas kes memiliki dadah.

Penagihan dadah mahupun pengedaran dadah adalah salah di sisi undang-undang. Kedua-dua pihak ini adalah golongan yang dipandang rendah dalam kalangan masyarakat. Mereka ini juga boleh kehilangan kedudukan status mereka dalam sosial (Anti Narcotics Task Force, 1992, p.94). Keadaan ini kerana ketaksamaan sosial memberikan peluang kepada seseorang individu untuk menilai kedudukan status sosial mereka. Penilaian ini pula terhasil daripada tindakan manusia. Dalam keadaan ini, manusia akan mempunyai status sosial yang tinggi apabila melakukan tindakan yang baik dan sebaliknya apabila melakukan perkara yang tidak bermoral (Kerbo, 2012, p.9).

Hal inilah yang dijelaskan dalam filem *Aandal*, iaitu Aandal terasa malu apabila mengaku dirinya adalah seorang penagih dadah. Manakala dalam sebuah lagi situasi, Aandal digambarkan marah terhadap suaminya yang telah menjadikan dirinya sebagai seorang penagih dadah.

Maka dengan ini dapatlah dikatakan bahawa penagihan dadah dan pengedaran dadah akan menjejaskan kedudukan status sosial seseorang individu dan prestij diri mereka. Dengan itu, keadaan ini tentu akan mewujudkan ketaksamaan sosial antara penagih dan pengedar dadah dengan masyarakat.

#### **4.1.9.3. Analisis Keruntuhan Status Kerana Menjadi Pelacur, Mempunyai Hubungan Seks Dengan Pelacur Dan Mengadakan Hubungan Seks Sulit**

Pelacuran, hubungan seks sulit dan hubungan seks dengan pelacur turut menentukan status sosial seseorang individu dalam kehidupan sosial. Perkara ini bukan sahaja dilihat sebagai gejala sosial, tetapi merupakan masalah serius yang harus diberi perhatian.

Pelacuran pada umumnya ditafsirkan sebagai penawaran tubuh badan oleh seseorang wanita untuk mengadakan hubungan seks demi memperoleh ganjaran dalam bentuk wang atau barang sebagai pendapatan. Biasanya para pelacur yang berjumpa dengan pelanggan mereka akan membincangkan tentang harga yang dipersetujui. Kemudian mereka akan mencari hotel atau tempat yang bersesuaian untuk mengadakan hubungan seks (Abdul Hadi Zakaria, 1979, p.10).

Dalam tradisi orang Tamil mahupun agama Hindu, pelacuran dan hubungan seks sulit adalah diharamkan. Hal ini dikategorikan sebagai salah satu dosa antara lima dosa terbesar dalam kalangan orang Hindu (Singaravelu Mudaliar, 1998, p.1079). Thiruvalluvar menyatakan bahawa para pelacur adalah mereka yang hanya mementingkan duit sahaja. Perbuatan mengadakan hubungan seks dengan pelacur disamakan dengan perbuatan mengadakan seks dengan mayat (*Thirukkural*, 193).

Manakala sebuah lagi karya klasik kesusasteraan Tamil pula, menyatakan bahawa para pelacur dan lampu minyak adalah sama dari segi fungsinya. Lampu minyak hanya akan nyala selagi adanya minyak. Begitu juga dengan para pelacur yang hanya akan bersama dengan pelanggannya selagi mereka mempunyai wang (*Naaladiyar*, 371).

Golongan pelacur ini memang sudah wujud dalam kalangan orang India sejak zaman awal lagi. Hal ini terbukti daripada karya-karya klasik Tamil yang merekodkan kehadiran golongan ini yang digelar '*parathaiyar*'. Mereka ini adalah golongan yang terasing daripada masyarakat biasa (Thatchinamurthy, 2001, p.109). Golongan pelacur juga dipandang sebagai golongan yang terhina dalam kalangan masyarakat India awal. Mereka yang mengadakan hubungan seks dengan pelacur dikatakan terpaksa menyentuh tapak kaki isteri demi mendapatkan ampun (*Kalithogai*, 88).

Karya *Puranaanuru* dengan jelasnya menggambarkan penghinaan terhadap kerja pelacuran. Dalam puisi tersebut seorang raja yang bernama Cholan Nalangilli didapati bertekat untuk mengalahkan musuhnya di medan peperangan. Dalam keadaan tersebut beliau bersumpah bahawa jika dirinya tidak dapat mengalahkan musuhnya biar dirinya dihina seperti seorang lelaki yang ada hubungan dengan pelacur (*Purananuuru*, 73: 12-14). Dengan ini pemikiran orang India terhadap pelacuran sebagai perkara yang terhina jelas dinyatakan.



Perkara ini jelas digambarkan dalam filem *Aandal* di mana watak Aandal daripada sebuah keluarga yang bermaruah telah menjadi pelacur atas paksaan suaminya. Dalam keadaan itu beliau digambarkan memarahi suaminya yang telah menjadikan dirinya sebagai pelacur dan turut menamparnya. Dalam situasi yang lain seorang doktor pula digambarkan terasa hina kerana dirinya mempunyai hubungan seks dengan pelacur. Kedua-dua adegan tersebut menjelaskan bahawa pelacur dan pelanggan akan kehilangan status sosial mereka.

Kaum wanita dan lelaki sama-sama dikatakan punca untuk perkembangan pelacuran dalam kalangan masyarakat. Nafsu kaum lelaki dan keinginan untuk memperoleh wang dalam kalangan wanita dikatakan menjadi sebab utama untuk perkembangan aktiviti pelacuran dalam kehidupan sosial. Kebanyakan kaum lelaki yang mencari pelacur adalah terdiri daripada mereka yang tidak berkahwin dan juga mereka yang telah bercerai. Pada masa yang sama kaum lelaki yang hidup bersama dengan isteri juga didapati terlibat dalam gejala ini (Guna, 2006, p.124).

Jadual 4.6: Bilangan pelacur Malaysia yang ditahan oleh pihak polis dalam jangka masa Januari - September tahun 2011 dan 2012.

| Tahun | Melayu | Cina | India | Lain-lain | Jumlah |
|-------|--------|------|-------|-----------|--------|
| 2011  | 467    | 367  | 116   | 279       | 1,229  |
| 2012  | 571    | 757  | 125   | 541       | 1,994  |

Sumber: <http://www.perakini.net/statistik>, dirujuk pada 12/3/2013, pukul 10.50am.

Perangkaan ini secara amnya menggambarkan kenaikan bilangan wanita yang terlibat dalam aktiviti pelacuran. Pada masa yang sama ramai pelacur dari luar negara juga didapati

melibatkan diri dalam pelacuran di Malaysia. En.Bala telah menyatakan bahawa penglibatan orang bukan warga negara dalam pelacuran adalah berlipat kali ganda berbanding dengan pelacur tempatan (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014). Sebuah statistik menunjukkan bahawa bilangan pelacur orang asing yang ditahan polis meningkat dari tahun 2011 (8,247 orang) ke tahun 2012 (9,658) (<http://www.perakini.net/statistik>, dirujuk pada 12/3/2013, pukul 10.50am).

Keadaan ini menggambarkan situasi kemerosotan akhlak dalam kalangan kaum lelaki yang tidak dapat mengawal nafsunya. Manakala mereka yang terlibat dalam pelacuran juga tidak meninggalkan gejala tersebut. Sebuah kajian menunjukkan bahawa pada tahun 1995, pihak polis telah melakukan serbuan sebanyak 143 kali pada pusat pelacuran di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Dalam pada itu, mereka berjaya menangkap 319 orang pelacur. Setelah dibebaskan, mereka didapati pulang ke kem masing-masing untuk meneruskan gejala ini (Guna, 2006, p.133).

Hal ini berlaku kerana adanya keinginan untuk mencari wang menerusi jalan pintar. Ada kalanya, suami sendiri menjadi bapa ayam, melibatkan isteri mereka dalam pelacuran (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014). Keadaan ini digambarkan dalam filem *Kaliyugha* di mana watak Vijay cuba melibatkan isterinya dalam pelacuran untuk memperoleh duit yang lebih banyak. Walaupun isterinya tidak bersetuju pada awalnya, kemudian terpaksa tunduk kepada

kehendak suaminya kerana wanita tersebut telah melarikan diri berkahwin dengan Vijay. Hal ini menggambarkan keadaan di mana kesalahan pertama membuka ruang kepada kesalahan yang berikutnya. A.K.Guna (2006, pp.135-136) dalam bukunya tentang masalah sosial kaum India Malaysia telah mengemukakan sebuah kisah benar seorang wanita yang telah melarikan diri bersama dengan kekasihnya dan kemudian dijadikan sebagai pelacur oleh kekasih itu sendiri. Keadaan yang sama digambarkan dalam filem *Aandal* di mana watak *Aandal* juga turut dijadikan pelacur oleh suaminya sendiri.

Sebab utama kaum wanita melibatkan diri dalam pelacuran adalah wang. Hal ini lebih kelihatan dalam kalangan warga yang miskin. Sebuah kajian menunjukkan bahawa segelintir pelajar miskin dari kawasan pedalaman terlibat dalam aktiviti pelacuran demi memenuhi keperluan ekonomi mereka. Hal ini biasanya dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya dan juga para ejen pelacuran (Guna, 2006, p.131). Hal ini digambarkan dalam filem *Kaliyugha* di mana watak Malini seorang pelajar di kolej dari keluarga yang miskin dipujuk oleh rakan sebayanya untuk melibatkan diri dalam seks bebas demi memperoleh kehidupan yang cukup mewah.

Pelacuran menjadi punca kepada pelbagai masalah dan gejala sosial (Kalaivani Palaney, 2011, p.134). Para pelacur ini bukan hanya melibatkan diri dalam pelacuran tetapi kebanyakan mereka juga terlibat dalam gejala pengedaran dadah; ada juga pelacur didapati mengugut pelanggan mereka untuk mendapatkan duit daripada mereka. Ejen pelacur pula

didapati terlibat dalam pelbagai kes-kes jenayah. Mereka juga didapati menculik wanita muda untuk melibatkan diri dalam pelacuran (Guna, 2006, p.125).

Dalam pada ini, perkara yang paling menyedihkan adalah penglibatan kanak-kanak dalam pelacuran. Penglibatan kanak-kanak dalam pelacuran didapati meningkat dari tahun demi tahun. Gejala sosial ini tidak terbatas di negara Malaysia sahaja. Sebuah laporan menunjukkan bahawa di negara India sahaja terdapat lebih kurang 400,000 hingga 500,000 orang kanak-kanak yang terlibat dalam pelacuran (UNICEF, 2011, p.7).

Bukan itu sahaja malah keadaan ini juga membuka ruang untuk berlakunya penculikan wanita dan kanak-kanak untuk dilibatkan dalam pelacuran (Kathleen Barry, 1996, p.173). Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye telah menyatakan dalam sidang berita Bernama, bahawa seramai 5,721 kes kehilangan orang telah dilaporkan pada polis pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2013 pula sebanyak 4,998 kes kehilangan telah dilaporkan. Daripada 4,998 orang ini, seramai 2,237 orang adalah terdiri daripada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun (<http://www.namaberita.com/2013>, dirujuk pada 12/3/2014, pukul 4.00pm). Pelacuran dikatakan antara punca utama penculikan kanak-kanak dan wanita. Isu ini pula telah digambarkan dalam filem *Ops Kossa Dappa 3* melalui sebuah adegan di mana watak Shashi dan Eswar digambarkan menculik beberapa orang wanita India untuk dilibatkan dalam pelacuran.

Kegiatan pelacuran ini juga turut menjadi punca utama kepada jangkitan penyakit AIDS dalam kalangan masyarakat (Campbell, 1999, p.78). Perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan bahawa dari tahun 1986 hingga 2008 seramai 84,630 orang telah dikesan jangkitan HIV. Dalam pada ini, seramai 11,234 dilaporkan meninggal dunia. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa majoriti pesakit HIV dijangkiti virus ini daripada hubungan seks (*Perangkaan Sosial Terpilih Tren Sosial Malaysia*, 2009, pp.3-4).

Bukan itu sahaja, kes pembuangan bayi juga dikatakan berpunca daripada pelacuran. Sebuah kajian Ijazah Sarjana menunjukkan bahawa kebanyakan kes pembuangan bayi adalah berlaku disebabkan pelacuran dan hubungan seks sulit dalam kalangan remaja (Kumarasamy Thannimalai, 2011, p.125).

Pada masa yang sama hubungan seks yang sulit juga telah diangkat sebagai suatu isu yang penting dalam FFTM seperti *Kaliyugha* dan *Dushrajanam*. Pelbagai situasi yang berkaitan dengan hubungan seks sulit seperti hubungan seks dengan abang ipar, kakak ipar, antara kekasih, hubungan seks dengan isteri orang lain digambarkan dalam FFTM tersebut.

Penyair agung Tamil Thiruvalluvar menyatakan bahawa orang yang ingin mengadakan hubungan seks dengan isteri orang lain adalah orang yang terhina di dunia.

Mereka ini disamakan dengan mayat. Beliau juga turut menyatakan bahawa orang yang tidak meminati isteri orang lain adalah lelaki sejati (*Thirukkural*, 142-143 & 148).

Mereka yang melibatkan diri dalam gejala ini sudah tentu menjejaskan maruah diri mereka. Hal ini juga dikatakan akan menjejaskan keharmonian rumah tangga. Epik *Ramayana* adalah contoh yang terbaik untuk menyatakan kesan dan keburukan daripada meminati isteri orang. Dalam *Ramayana*, Ravana adalah seorang wira yang begitu gagah sehingga berjaya mengatasi para Dewa. Namun demikian kewibawaan Ravana telah tercemar apabila beliau meminati isteri Rama. Hal ini pada akhirnya telah membawa kepada pembunuhan Ravana dan kemusnahan negara Lanka. Kekalahan dan kejatuhan Ravana adalah dikatakan berpunca daripada dosa Ravana yang meminati isteri orang (Kiran, 2010, p.208).

Thiruvalluvar turut menyatakan bahawa mereka yang ingin mengadakan hubungan seks dengan isteri orang lain harus berhadapan dengan empat perkara selama-lamanya iaitu musuh, dosa, ketakutan dan nama buruk (*Thirukkural*, 146). Perbuatan ini juga akan menjejaskan status sosial orang tersebut jika diketahui orang lain. Manakala meminati isteri orang adalah dikatakan sebagai perbuatan dosa dalam agama Hindu (Guna Seelan Subramaniam, 2009, p.130). Hal ini digambarkan dalam filem *Dushrajanam* di mana watak Maari yang telah mengadakan hubungan seks dengan isteri orang pada akhirnya telah ditangkap dan dibelasah oleh suaminya sehingga menjadi parah.

Mereka yang terlibat dalam gejala ini tentu akan kehilangan status sosial mereka kerana status adalah berkaitan dengan penghormatan dan prestij diri seseorang individu. Mereka ini boleh terdiri daripada golongan elit mahupun orang biasa; tetapi kedudukan orang yang terlibat dalam gejala ini tentu akan menjejaskan maruah mereka. Isu skandal hubungan seks Bill Clinton dengan Monica Lewinsky, telah menjejaskan kedudukan beliau sebagai presiden Amerika dan pada akhirnya beliau bukan sahaja terpaksa melepaskan jawatannya tetapi juga mengalami keruntuhan maruah di mata dunia (Valelly, 2009, p.380-387). Hal ini merupakan contoh terbaik untuk menggambarkan apakah implikasi yang boleh di bawah oleh nafsu.

Sebuah kajian Ijazah Sarjana Sastera yang berkaitan dengan masyarakat India Malaysia menyatakan bahawa kebanyakan wanita India yang terlibat dalam pergaulan bebas dan perhubungan seks sulit terpengaruh dan terpedaya dengan kata-kata manis kaum lelaki. Kaum lelaki yang ingin melepaskan nafsu mereka memeralatkan kaum wanita. Pada akhirnya kaum wanita yang menjadi mangsa akan kehilangan kedudukan dalam keluarga, sosial dan menghadapi kesukaran dalam perkahwinan (Umadevi Prabaharan, 2011, p.171).

Keadaan ini diburukkan lagi dengan kehadiran media sosial seperti internet yang membolehkan para remaja untuk berkenalan dengan ramai yang tidak dikenali sebelum ini. En.Bala menyatakan bahawa kebanyakan remaja India didapati dipedayakan oleh kaum

lelaki melalui media sosial ini (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014).

Dengan ini dapat dikatakan bahawa pelacuran, perhubungan dengan pelacur dan hubungan seks sulit ini adalah perkara yang meruntuhkan status sosial dan penghormatan sosial seseorang individu. Keruntuhan status sosial pula boleh membawa kepada ketaksamaan sosial antara mereka yang terlibat dalam gejala-gejala ini dengan orang yang bermaruah yang menjauhkan diri daripada gejala-gejala tersebut.

#### **4.1.9.4. Analisis Keruntuhan Status Kerana Terlibat Dalam Aktiviti Gengsterisme**

Melibatkan diri dalam aktiviti gengsterisme juga dilihat sebagai salah satu aspek keruntuhan moral yang boleh menjejaskan status sosial seseorang individu. Hal ini telah dikemukakan dalam FFTM seperti *Ethirkaalam*, *Chalanggai* dan *Kaliyugha*.

Golongan muda yang melibatkan diri dalam aktiviti gengsterisme bukan sahaja menjadi cabaran kepada pihak polis tetapi juga menjejaskan maruah individu dan kaum (Guna, 2006, p.45). Hal yang lebih mencabarkan adalah penglibatan para pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi dalam kumpulan gengster ini. Sebuah analisis mengenai



penglibatan pelajar sekolah dalam kumpulan gengster telah dilakukan pada tahun 1999 oleh unit Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa satu pertiga daripada 1560 sekolah menengah mempunyai masalah serius dalam hal ini di mana kebanyakan pelajar sekolah-sekolah tersebut didapati melibatkan diri dalam aktiviti gengsterisme (<http://ww1.utusan.com.my>, dirujuk pada 18/10/2013, pukul 12.05pm).

Perkara ini merupakan suatu realiti sosial di mana para ahli kongsi gelap ini cuba mengadakan hubungan baik dengan para pelajar dan membantu mereka supaya para pelajar dapat diperdayakan untuk menjadi ahli dalam kongsi gelap mereka. Kumpulan ini juga dikatakan cuba membantu menyelesaikan masalah pergaduhan mereka di sekolah. Hal ini memberikan keyakinan kepada para pelajar dan membuatkan mereka bagaikan hero dalam institusi pendidikan yang membuatkan mereka sanggup untuk berlawan dengan mana-mana pihak (Ragu Nelligan, 2002, p.123).

Aspek ini diangkat dalam filem *Ethirkaalam* dan *Kaliyuga*. Dalam Filem *Ethirkaalam* watak Kathir yang merupakan seorang pelajar kolej swasta digambarkan terperdaya dengan sebuah kumpulan gengster yang diketuai oleh Dharma. Kumpulan tersebut membantu Kathir dalam usaha menentang rakan kolejnya Kamalesh yang mempunyai keahlian dalam sebuah lagi kongsi gelap. Lama-kelamaan Kathir dan rakan-rakannya menjadi ahli kumpulan tersebut dan melibatkan diri dalam pelbagai gejala sosial seperti pergaduhan, pengedaran dadah dan sebagainya.

Manakala dalam filem *Kaliyugha* pula, seorang pelajar sekolah yang bersikap samseng digambarkan menentang guru disiplinnya dengan menyatakan bahawa dirinya mempunyai sokongan daripada rakan-rakan dan sesiapaupun tidak boleh melawannya. Kenyataan pelajar tersebut secara tidak langsung digambarkan menjadi amaran kepada guru disiplin tersebut dalam filem tersebut.

Sekitar tahun 1980-an aktiviti gengster dikatakan hanya melibatkan mencari ahli baru, mendapatkan bayaran daripada para peniaga sebagai upah pengawalan (*protection money*), mengugut orang dan mendapatkan duit dan sebagainya. Tetapi kini mereka turut melibatkan diri dalam kes-kes jenayah seperti membunuh dan merompak dengan menggunakan senjata berbahaya, mencederakan orang, merogol dan sebagainya. Mereka juga menjadi punca peningkatan pelbagai jenayah di negara (Guna, 2006, p.46).

Jadual 4.7: Bilangan kes jenayah di Malaysia tahun 2012 hingga 2014

| No  | Jenis Kes                          | 2012    | 2013    | 2014 (Jan-Okt) |
|-----|------------------------------------|---------|---------|----------------|
| 1.  | Membunuh                           | 602     | 627     | 425            |
| 2.  | Merogol                            | 2,964   | 2,718   | 1,951          |
| 3.  | Perompakan kumpulan dengan senjata | 110     | 98      | 75             |
| 4.  | Perompakan kumpulan Tanpa senjata  | 16,738  | 1,6647  | 1,1677         |
| 5.  | Perompakan dengan senjata          | 17      | 21      | 20             |
| 6.  | Perompakan Tanpa senjata           | 3,275   | 3,565   | 2,742          |
| 8.  | Mencederakan                       | 6,244   | 5,699   | 4,712          |
| 9.  | Menyamun                           | 2,500   | 2,118   | 2,098          |
| 10  | Mencuri di rumah                   | 24,939  | 23,317  | 17,194         |
| 11. | Mencuri pelbagai kenderaan         | 71,981  | 70,847  | 50,835         |
|     | Jumlah                             | 129,370 | 125,657 | 91,729         |

Sumber: *Laporan Perangkaan Jenayah*, Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman.

Perangkaan ini menunjukkan pelbagai kegiatan kumpulan gengster di Malaysia. Mereka melihat hal ini sebagai punca pendapatan mereka. Kebanyakan orang yang terlibat dalam kumpulan gengster ini adalah daripada latar belakang yang tidak baik dan menghadapi tekanan jiwa daripada alam kanak-kanak lagi. Mereka juga didapati tidak mempunyai pendidikan yang secukupnya. Oleh yang demikian mereka mengambil langkah ini sebagai sumber pendapatan mereka (Jesuthas, 2010, p.93).

Hal ini juga membuka ruang kepada lebih ramai orang untuk melibatkan diri dalam kumpulan samseng. pada 28 hb Ogos 2013, Kementerian Dalam Negeri telah mengumumkan senarai 49 kumpulan kongsi gelap yang melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan jenayah seperti sindiket dadah, peras ugut, pergaduhan, pembunuhan, perompakan dan sebagainya. Kongsi gelap ini termasuklah Geng 04, Geng 08, Double 7, Tiga Line, Geng 30, Geng 38, Geng 24, Geng 18, Geng 36, Gee Ah Eng, Loh Kuan, Tiang Yee Tong, Geng 21, Ang Soon Thong, Wah Kee, Sio Sam Ong, PNEH, Hong Hong San, Hai San, Sin Ang Bin, New Cell 20, Jit It Hai, Sio Koon Tong, Gee Lam Kor, Geng Leng Hor, Geng 35, Geng 303, Geng Satu Hati, Sabah ATAP, Hung Ann, Sui Yuk, Otai, Borneo Red EMP, Sarawak Ah Ngau, Batu Tiga, Ah Feng, Batu 10, Sibut, Ah Seng, Ah Chin, Lee Lung, Lo Han, Sg Merah, Sg Badut, Ting Ching Lee, Tua Cak Lee, Teksi Station, Pintu Merah dan Krokop (<http://www.sinarharian.com.my>, dirujuk pada 2/2/2014, pukul 8.00 pagi). Manakala orang India juga didapati mempunyai kongsi gelap mereka yang tersendiri. En.Guna dalam kajiannya tentang masyarakat India Malaysia menyenaraikan 1388 buah kumpulan gengster di Malaysia seperti berikut:-

Jadual 4.8: Bilangan kumpulan gangsterisme India Malaysia dari tahun 1993-1995

| Negeri                           | Pineng | Kedah | Negeri Sembilan | Perak | Selangor | Kuala Lumpur | Johor | Jumlah |
|----------------------------------|--------|-------|-----------------|-------|----------|--------------|-------|--------|
| Bilangan Kumpulan Gangster India | 433    | 318   | 180             | 139   | 130      | 116          | 72    | 1388   |

Sumber: *Kaathal Mana Vaalkai, Kulanthai Valarppu: Sikalum Thirvum*, p.45, oleh Guna, 2006, Chennai: Santha Publication.

Biasanya anak muda yang melibatkan diri dalam kumpulan gengster dan pergaduhan tidak berpeluang untuk mendapatkan kerja yang baik. Walaupun ada antara mereka berpendidikan tetapi mereka tidak diterima untuk bekerja dalam sesuatu sektor. Mereka juga kehilangan status kehidupan dalam sosial (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014). Orang seperti mereka ini digambarkan dengan jelas dalam filem *Ethirkaalam* di mana watak Kathir digambarkan telah ditinggalkan oleh kekasihnya dan turut dibuang daripada kolej. Apabila Kathir mencari kerja, tiada syarikat yang menawarkan kerja kepadanya kerana dia mempunyai rekod jenayah. Pada akhirnya dia hanya mendapat kerja di sebuah syarikat menarik kereta yang tidak bayar ansuran bulanan. Dalam situasi tersebut Kathir menyatakan kepada bosnya bahawa dirinya pernah ditahan polis. Manakala bos tersebut berkata bahawa beliau memang memerlukan orang macam itu kerana kerja ini mungkin mendapat penentangan daripada pemilik kenderaan. Keadaan ini merupakan satu realiti sosial kerana kebanyakan orang yang terlibat dalam kumpulan kongsi gelap hanya melakukan kerja-kerja seperti mengutip wang hutang, menjadi pengawal di kelab karaoke, perlumbaan motosikal haram, melibatkan anak muda dalam pelacuran dan sebagainya (Hagedorn, 2001, p.26).

Mereka juga tidak dihormati dalam keluarga dan kehilangan kedudukan sebagai suami, ayah, abang dan sebagainya. Hal ini pula digambarkan dalam filem *Chalanggai* di mana ayah Siva didapati tidak diterima oleh mana-mana ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anaknya. Isterinya Muniamma digambarkan hidup berpisah daripada suaminya. Dalam sebuah situasi lagi ayah Siva digambarkan menyatakan kepada anaknya tentang kemusnahan hidupnya yang disebabkan oleh penglibatan beliau dalam aktiviti gengsterisme.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa gejala gengsterisme ini bukan sahaja menjatuhkan status sosial dan penghormatan seseorang individu tetapi juga membinasakan kehidupannya dalam institusi keluarga dan sosial.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa keruntuhan moral dan etika adalah perkara yang boleh menjejaskan status sosial seseorang individu dalam kalangan masyarakat. Hal ini bukan sahaja membawa binasa kepada diri sendiri tetapi meninggalkan identiti buruk kepada keluarga dan kelompok kaum mereka. Melakukan kesalahan adalah senang tetapi membersihkan nama adalah sukar. Orang yang kehilangan status sosial ini sentiasa dipandang rendah oleh masyarakat. Mereka tidak akan dihormati dan diterima dalam golongan masyarakat. Justeru itu, keadaan ini akan melahirkan ketaksamaan sosial antara mereka yang terlibat dalam kegiatan keruntuhan moral dan orang biasa.

#### **4.1.10. Imej Luaran**

Imej luaran adalah dilihat sebagai sebuah alat pengukur status sosial seseorang individu dalam kehidupan sosial (Davidson, 2003, p.158). Bidang perhubungan awam menitik berat tentang imej luaran dan menyatakan bahawa imej luaran adalah penting dalam menentukan kedudukan dan layanan kepada seseorang individu dalam dunia kerjaya. Bidang perhubungan awam menyatakan bahawa imej luaran yang baik (berpakaian sopan, bersesuaian, kemas, bersih, rambut yang disikat dan sebagainya) sentiasa mendapat penghormatan dan imej yang tidak baik (berpakaian kurang sopan, tidak bersesuaian, kotor dan sebagainya) mendapat layanan yang buruk dalam kalangan masyarakat (Mohd Hamdan Haji Adnan, 1988, p.59).

Penampilan luaran adalah perkara penting dalam usaha membina imej yang baik dan hal ini akan meyakinkan orang lain terhadap diri seseorang individu. Penampilan luaran menjadi aspek utama dalam penilaian diri seseorang individu (Yusuf Al-Aqsar, 2005, p.93). Dalam hal ini pakaian memainkan peranan yang penting dalam usaha menggambarkan imej seseorang individu. Dalam kajian semasa hal ini diteliti dalam bahagian budaya kerana bahagian ini dikaitkan dengan pemikiran orang India dan tradisi

orang India dari segi pakaian dan juga dalam aspek-aspek lain yang berkaitan dengan imej luaran.

#### 4.1.11. Maklumat Aspek Imej Luaran Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa empat daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat imej luaran membawa kepada ketaksamaan sosial.

Rajah 4.9: Maklumat aspek imej luaran dalam FFTM.

| No | Filem                    | Imej Luaran |
|----|--------------------------|-------------|
| 1  | <i>Chemman Chaalai</i>   |             |
| 2  | <i>Aandal</i>            | √           |
| 3  | <i>Uyir</i>              |             |
| 4  | <i>Ethirkalam</i>        | √           |
| 5  | <i>Chalanggai</i>        |             |
| 6  | <i>Vajram</i>            |             |
| 7  | <i>Adutha Khatam</i>     | √           |
| 8  | <i>Ops Kossa Dappa 3</i> |             |
| 9  | <i>Kaliyugha</i>         |             |
| 10 | <i>Olli</i>              |             |
| 11 | <i>Olipathivu</i>        |             |
| 12 | <i>Dhusrajanam</i>       |             |
| 13 | <i>Maraimugam</i>        | √           |

Imej luaran watak Suresh dalam filem *Aandal* secara keseluruhannya digambarkan sebagai seorang yang tidak berdisiplin. Suresh digambarkan memakai gelang pada hidung, berambut panjang, berpakaian yang tidak kemas dan sebagainya, secara langsung

menggambarkan sifat Suresh yang tidak berdisiplin. Imej luaran Suresh ini pula didapati ditegur sebagai rupa yang tidak bersopan oleh makcik Asha dalam filem tersebut. Makcik Asha digambarkan, merujuk Suresh sebagai “si gelang hidung” (01.09.00). Begitu juga dengan watak Guna (rakan Suresh) turut digambarkan dengan imej luaran yang kurang elok (01.11.00).

Dalam filem yang sama, seorang doktor digambarkan dengan pakaian yang kemas dan berambut kemas (01.13.00). Begitu juga dengan watak Murali (watak baik) digambarkan dengan pakaian kemas dan sopan (01.30.00). Dalam filem yang sama pada mulanya watak Aandal digambarkan dalam pakaian saree dan pakaian lebih dalam bentuk tradisional lain yang sopan (00.27.44). Tetapi setelah Aandal menjadi penagih dadah dan melibatkan diri dalam pelacuran maka imej luarannya berubah dengan berpakaian seksi, kurang sopan dan gaya rambut yang tidak sesuai dengan budaya masyarakat India (00.54.10). Namun demikian dalam sebuah adegan Aandal digambarkan berpakaian saree di kuil (01.28.00).

Dalam filem *Ethirkalam* pula watak Dharma (watak jahat) digambarkan dengan pakaian yang kurang sopan, berambut panjang dan bergelang pada hidungnya (01.28.10). Tetapi pensyarah dan para pelajar di kolej pula digambarkan berpakaian kemas (00.48.03).



Sebuah adegan dalam filem *Adutha Khattam*, seorang pemandu lori yang berpakaian kurang sopan dan kotor digambarkan cuba membantu Rekha (wirawati) yang telah mengalami masalah kerosakan kereta pada waktu malam di sebuah kawasan hutan. Tetapi Rekha menolak bantuannya kerana imej luaran beliau yang kurang sopan membuatkan dirinya tidak yakin pada pemandu lori tersebut (00.09.00).

Seterusnya, dalam filem *Maraimugam* pula terdapat sebuah senario yang menggambarkan komen tentang pakaian. Dalam adegan tersebut seorang tok guru digambarkan memuji tentang kebolehan Kaipulla dan Pattasu, tetapi Valli (watak sampingan) pula menyatakan bahawa dia kurang yakin dengan mereka kerana Kaipulla dan Pattasu adalah kurang berdisiplin dan juga tidak berpakaian sopan (01.33.50).

#### **4.1.12. Analisis**

Teori semiotik menyatakan bahawa jika sesuatu tanda itu dikatakan dapat memberikan makna maka tanda itu akan membentuk fungsinya (Albert Sebeok, 1994, p.3). Pada masa yang sama, tanda dikatakan akan menyatakan adanya hal yang lain secara langsung atau tidak langsung selain daripada makna yang sebenar (Sinha dan Chris, 1988, p.3). Hal ini adalah suatu perkara yang amat sesuai untuk mengkaji imej luaran dalam bahagian ini untuk membuat penelitian tentang kewujudan ketaksamaan sosial melalui imej luaran.

Imej luaran adalah satu lagi aspek yang penting untuk menggambarkan status kedudukan sosial seseorang individu dalam sosial. Pakaian memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian ketamadunan sesuatu bangsa. Pada mulanya masyarakat zaman purba hanyalah memakai daun dan kulit binatang sebagai pakaian mereka. Setelah manusia bertamadun mereka telah mula memakai pakaian yang dihasilkan daripada kapas. Kini pakaian sudah mencapai pelbagai keunikan tersendiri dan mencapai suatu tahap yang moden (Moti Chandra, 1973, pp.1-3).

Pakaian adalah suatu perkara yang asas dalam menjaga maruah seseorang Individu. Pada masa yang sama, pakaian juga turut memainkan peranan penting sebagai identiti sesuatu kaum (Rajanthera, 2010, p.52). Sebagai contohnya pakaian baju kurung menjadi identiti kaum Melayu (Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Hj Abdul Aziz, 1998, p.124). Begitu juga dengan pakaian saree bagi kaum India (Rajantheran, 2010, p.54) dan pakaian cheong sam bagi kaum Cina (Tan Yao Sua & Kamarudin Nga, 2012, p.61) menjadi identiti kaum masing-masing. Selain itu, pakaian baju batik pula dirujuk sebagai pakaian kebangsaan. Walaupun ia adalah pakaian orang Melayu, tetapi kini ia diangkat sebagai pakaian nasional yang menentukan identiti masyarakat Malaysia (Jasman Ahmad & Siti Razmah Hj Idris, 1996, p.23).

Kelompok masyarakat India dikatakan sudah mencapai suatu ketamadunan dalam pakaian sejak zaman sebelum masihi lagi. Beberapa karya klasik zaman sangam telah

memberikan rujukan tentang pelbagai jenis pakaian yang telah dipakai oleh orang India (Thatchinamurthy, 2008, pp.129-134). Selain itu, sebuah puisi zaman sangam pula menyatakan bahawa orang Tamil telah memakai pakaian dalam dua helai iaitu untuk dipakai pada pinggang dan untuk menutup badan (*Puranaanuru*, 189: 5). Pada masa yang sama ketamadunan orang India juga menunjukkan bahawa mereka pernah mengeksport pakaian kain sutera dan kapas ke luar negara. Dalam pada ini dapatlah dikatakan bahawa pakaian tradisional orang India iaitu saree, dothi dan *kovanam* (pakaian dalam untuk kaum lelaki) adalah pakaian *free saiz* yang telah dicipta sejak zaman awal lagi. Kesemua ini menggambarkan pencapaian ketamadunan orang India dalam aspek pakaian (Rajantha, 2010, p.55).

Pakaian juga turut memainkan peranan dalam menentukan kedudukan sosial seseorang individu. Berpakaian mengikut kehendak suasana dan persekitaran adalah penting. Dalam filem *Aandal* watak Suresh dan Guna digambarkan berpakaian kurang sopan. Keadaan yang sama digambarkan dalam filem *Ethirkaalam* di mana watak Dharma digambarkan dengan pakaian yang tidak sopan. Dalam kedua-dua filem tersebut Suresh dan Dharma adalah watak jahat. Suresh dan Guna adalah bapa ayam dan pengedar dadah. Manakala watak Dharma pula adalah seorang gengster. Penerbit filem *Aandal*, Sandosh Kesavan menyatakan bahawa beliau telah membentuk watak Suresh dan Guna sebagai watak jahat dengan berpakaian seperti orang yang kurang sopan. Beliau turut menyatakan bahawa pakaian tersebut telah dihasilkan untuk mengangkat perwatakan mereka sebagai watak jahat dalam filem tersebut (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Aandal*, pada 8/1/2014). Manakala penerbit filem, Sri Kumar pula memberikan sebab yang sama di

mana beliau telah membentuk perwatakan Dharma sebagai watak jahat dalam filem tersebut dengan cara pakaian yang telah direka khas untuk watak tersebut (temu ramah dengan penerbit dan pelakon filem *Ethirkaalam*, pada 15/5/2014).

En.Bala, seorang pegawai pencegah jenayah menyatakan bahawa pihak polis biasanya akan melihat segala aspek tentang seseorang individu dalam usaha membaca sifat mereka. Dalam pada itu, pakaian dan imej luaran ditimbang sebagai suatu aspek yang penting. Hal ini kerana imej luaran adalah sesuatu yang senang untuk dinilai berbanding dengan sifat dalaman seseorang individu. Beliau turut menyatakan bahawa hal ini jelas kelihatan pada diri seseorang penagih dadah di mana mereka biasanya tidak menitik beratkan tentang pakaian mereka. Pakaian mereka biasanya kotor dan tidak sesuai dan juga tidak menampakkan prestij (temu ramah dengan Bala, pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014).

Dalam bahasa Tamil terdapat sebuah pepatah, “*aal paathi aadai paathi*” yang membawa maksud, imej manusia hanya sebahagian sahaja, manakala sebahagian yang lain adalah ditentukan daripada pakaian mereka. Maka pakaian adalah unsur penting dalam menentukan kedudukan sosial seseorang individu (Rajanthara, 2010, p.52). Aspek inilah yang dinyatakan dalam filem-filem tersebut. Pakaian yang dipakai oleh watak Suresh, Guna dan Dharma secara langsung menggambarkan sifat negatif mereka. Tetapi pada masa yang sama pakaian yang dipakai oleh seorang doktor dan watak Murali menggambarkan kedudukan mereka yang berprestij.

Selain itu, pakaian juga boleh menentukan sama ada seseorang itu boleh diyakini ataupun sebaliknya. Dalam filem *Adutha Kattan*, watak Rekha digambarkan telah menolak bantuan yang dihulurkan oleh seorang pemandu lori semasa keretanya rosak di sebuah kawasan hutan pada waktu malam. Hal ini disebabkan oleh pakaian pemandu lori tersebut yang tidak meyakinkan Rekha. Tetapi kemudian Rekha digambarkan percaya pada watak Arvind kerana berpakaian sopan. Walhal, watak Arvind itulah yang merupakan watak jahat dalam filem tersebut. Situasi ini dengan jelasnya menggambarkan bahawa pakaian itu memberikan imej kepada seseorang Individu yang menjadi alat penentu status sosial mereka.

Pakaian juga amat penting kepada kaum wanita dalam menentukan prestij mereka. Dalam filem *Aandal* watak Aandal pada mulanya telah digambarkan dengan pakaian yang bersopan santun. Setelah menjadi penagih dadah dan pelacur, gaya pakaiannya berubah kepada kurang sopan dan seksi. Hal ini ditegur oleh watak Murali dalam filem tersebut, di mana Murali menyatakan bahawa Aandal pada mulanya adalah berpakaian sopan yang membuatkan beliau menghormatinya; tetapi kini telah berubah. Pandangan rendah Murali terhadap Aandal adalah jelas ternyata daripada kata-kata beliau tadi.

Penerbit filem, Sandosh Kesavan menyatakan bahawa beliau telah membuat kajian tentang pakaian pelacur sebelum mengarahkan filem tersebut. Beliau juga turut menyatakan bahawa perubahan terhadap pakaian watak Aandal setelah beliau menjadi pelacur adalah

memberi efek yang baik dalam usaha menggambarkan perubahan terhadap sifat watak tersebut (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Aandal*, pada 8/1/2014). Justeru itu, pakaian ini dapatlah dikatakan sebagai menentukan imej seseorang individu dalam menggambarkan sifat dan status mereka dalam kehidupan sosial.

Dalam institusi keluarga orang India, anak perempuan sama sekali dilarang berpakaian kurang sopan. Hal ini dianggap sebagai suatu aspek yang serius kerana ia dipercayai akan menjejaskan maruah keluarga (Mohamed Sabid Bin Abdullah, 2007, p.129). Lebih-lebih lagi hal ini dipertimbangkan dengan kuat dalam upacara keagamaan dan kebudayaan. Sehingga kini masyarakat India Malaysia khususnya kaum wanita digambarkan memakai saree atau *chuditar* apabila menyertai upacara keagamaan. Jika dilihat pada perkahwinan orang India pasangan pengantin diwajibkan untuk memakai dotti, Jippa (lelaki) dan saree (wanita) (Rajantharan & Manimaran, 1994, pp.98-99).

Manakala di institusi kuil pula hal ini dilihat sebagai suatu kewajipan. Orang India khususnya kaum wanita biasanya berpakaian tradisional di kuil. Pedanda, Ravinatha Gurukul, menyatakan bahawa kuil adalah tempat yang paling suci kepada penganut agama Hindu. Biasanya mereka tidak membenarkan pakaian yang menjolok mata di kuil. Beliau juga turut menyatakan bahawa kaum wanita mahupun lelaki dinasihatkan supaya memakai pakaian tradisional semasa berada di kuil. Beliau juga menyatakan bahawa orang yang berpakaian kurang sopan di kuil tidak akan mendapat suatu pandangan yang terhormat. Para pedanda juga dikatakan akan elak sebarang komunikasi dengan orang yang berpakaian

kurang sopan takut diri mereka juga akan dipandang rendah oleh orang lain di kuil (temu ramah dengan ketua pedanda kuil Sri Subramaniam Batu Caves, pada 10/4/2014).

Hal ini merupakan suatu perkara penting dalam kehidupan orang India. Kuil adalah tempat yang mulia dan dikhususkan untuk mengerjakan sembahyang (Vineeta Sinha, 2007, p.43). Dalam filem *Aandal*, walaupun watak Aandal digambarkan sebagai seorang pelacur tetapi beliau tetap berpakaian saree di kuil. Apabila merujuk tentang hal ini kepada penerbit filem tersebut Sandosh Kesavan menyatakan bahawa walaupun watak tersebut adalah pelacur tetapi pada pandangan diri mereka juga tidak akan berpakaian tidak senonoh ke kuil. Oleh yang demikian untuk menggambarkan realiti tersebut watak Aandal telah dipakai saree di kuil dalam filem *Aandal* (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Aandal*, pada 8/1/2014).

Selain itu, pemakaian gelang pada hidung (*mukuthi*) dan berambut panjang juga jarang memberikan imej luaran yang baik kepada seseorang Individu dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Dalam filem *Aandal* watak Suresh telah digambarkan berpakaian gelang pada hidungnya. Hal ini sering kali digambarkan sebagai perkara yang dikutuk oleh makcik Asha terhadap Suresh.

Dalam tradisi orang India, terdapat amalan memakai subang yang dikatakan sebagai *kadukkan* (bentuk yang berbeza daripada subang kaum wanita) pada telinga kaum lelaki.

Pada satu ketika dahulu pemakaian subang pada telinga ini disambut sebagai suatu upacara yang besar-besaran dalam kalangan orang India yang dikenali sebagai adat menindik telinga (Rajantharan & Manimaran, 1994, p.38).

Tetapi pemakaian gelang pada hidung kaum lelaki bukanlah amalan orang India. Hanya kaum wanita sahaja dibenarkan untuk memakai subang pada hidung yang dikenali sebagai *mukkuti* untuk kecantikan diri. *Mukkutti* ini biasanya dipakai pada hidung kiri. Hal ini kerana suhu badan pada hidung kanan adalah lebih tinggi berbanding dengan hidung kiri. Oleh yang demikian pemakaian *mukkutti* emas pada hidung kiri dipercayai akan mengimbangkan suhu badan (<http://panippulam.com>, dirujuk pada 10/3/2013, pukul 10.13).

Tetapi pemakaian gelang pada hidung oleh watak Suresh dalam filem *Aandal* dan watak Dharma dalam filem *Ethirkaalam* adalah bertentangan dengan amalan orang India. Hal yang luar biasa ini telah digambarkan sebagai tanda negatif bagi kedua-dua watak tersebut.

Selain itu, lelaki yang berambut panjang juga dilihat sebagai suatu imej luaran yang kurang disenangi dalam kalangan orang India di Malaysia. Berambut panjang bagi kaum lelaki memang menjadi amalan orang Hindu zaman awal. Pada satu ketika dahulu para wali dikatakan berambut panjang sebagai identiti kepada mereka (Fowler, 2002, p.199). Thiruvalluvar menyatakan bahawa adanya tradisi berambut panjang dalam kalangan orang



India khususnya dalam kalangan para wali pada zaman kedua masihi (*Thirukkural*, 280). Dalam zaman moden ini para pedanda masih berambut panjang tetapi diurus kemas dalam bentuk *kudumi*. Hal ini masih dapat dilihat sebagai salah satu identiti luaran kepada para pedanda (temu ramah dengan ketua pedanda kuil Sri Subramaniam Batu Caves, pada 10/4/2014).

Perlu diambil perhatian bahawa terdapat juga ahli kumpulan muzik, ilmuan, penyair dan sebagainya berambut panjang. Tetapi mereka ini dinilai positif kerana mereka ini adalah kelompok manusia yang berjaya dalam mencapai sesuatu kedudukan yang terpuji. Tokoh-tokoh seperti mantan presiden India Abdul Kalam, Rabindranath Tagore dan sebagainya adalah berambut panjang, tetapi mempunyai kedudukan yang terhormat dalam kalangan masyarakat India. Kejayaan dan sumbangan mereka ini mengatasi segala identiti luaran yang lain.

Tetapi dalam kehidupan sosial, pada umumnya berambut panjang bagi kaum lelaki dalam kalangan orang India adalah dipandang sebagai sesuatu aspek yang kurang sopan. Hal ini demikian kerana, pelbagai institusi sosial seperti sekolah, tempat bekerja dan sebagainya tidak menerima individu yang berambut panjang sebagai suatu etika. Khususnya sekolah, tentera, polis dan sebagainya mewajibkan supaya kaum lelaki berambut pendek. Hal ini dilihat sebagai salah satu peraturan. Perubahan dalam dunia moden kini telah menjadikan amalan berambut pendek dan kemas sebagai suatu amalan disiplin.

Didikan tentang perhubungan awam menitik berat tentang hal imej luaran ini sebagai salah satu aspek yang penting dalam membawa status sosial kepada seseorang Individu. Sebenarnya rupa fizikal manusia adalah kurniaan tuhan. Tetapi perubahan pada rupa fizikal yang dibuat oleh individu itu yang akan menentukan kedudukan sosialnya dalam institusi sosial.

Berdasarkan penelitian dalam bahagian ini dapatlah dikatakan bahawa imej luaran adalah suatu aspek yang harus diberi tumpuan dalam membentuk status sosial kepada seseorang individu. Imej luaran ini menjadi unsur penilaian pertama terhadap seseorang individu. Maka dapat dikatakan bahawa imej luaran ini boleh membentuk ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial. Perbezaan imej luaran ini juga amat penting dalam usaha memilih sahabat dalam kehidupan sosial kerana hal ini akan membantu seseorang untuk mengadakan perhubungan dengan individu lain yang mempunyai sifat yang bersesuaian dengan mereka.

Maka dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa imej luaran turut memainkan peranan penting dalam usaha membina status sosial yang membawa kepada perbezaan antara individu dan mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

#### **4.1.13. Perkataan Dan Pertuturan**

Bahasa adalah suatu sistem komunikasi umum manusia yang terbentuk dalam pertuturan dan tulisan (Soenjono Dardjowidjojo, 2007, p.14). Pada umumnya tulisan dalam bahasa dirujuk sebagai tanda dalam linguistik (Saussure, 1988, p.5). Bahasa turut ditafsirkan sebagai media untuk perkongsian idea, nilai, kepercayaan, budaya, cara hidup dan pengetahuan antara masyarakat (Rohana Yusof, 2010, p.80). Bahasa adalah suatu elemen penting dalam kehidupan sosial kerana hal ini akan menghasilkan fahaman antara individu dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat (Joseph, 2004, p.54). Bahasa juga memainkan peranannya sebagai identiti budaya sesuatu golongan masyarakat (Abdul Latiff Abu Bakar, 1987, p.v).

Perkataan adalah asas dalam bahasa dan penutur biasanya menggunakan perkataan-perkataan dalam sesuatu pertuturan secara spontan sepertimana bernafas tanpa disedari (Nicola Barden & Tina Williams, 2007, p.7). Perkataan yang digunakan dalam pertuturan boleh mempengaruhi seseorang individu atau boleh membawa pandangan positif atau negatif dalam kalangan pendengar (Hart Jay, Childers & Lind, 2013, p.3). Pada masa yang sama cara bertutur juga boleh melambangkan sama ada individu tersebut mendapat penghormatan ataupun sebaliknya dalam kalangan masyarakat. Pemilihan kata dalam pertuturan dan juga cara bertutur boleh menentukan status sosial seseorang individu.

#### 4.1.14. Maklumat Aspek Perkataan Dan Pertuturan Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa empat daripada tiga belas FFTM yang dipilih dalam kajian semasa mengandungi maklumat mengenai aspek perkataan dan pertuturan yang digunakan untuk menandakan ketaksamaan sosial.

Jadual 4.10: Maklumat aspek perkataan dan pertuturan dalam FFTM.

| No | Filem                    | Perkataan dan Pertuturan |
|----|--------------------------|--------------------------|
| 1  | <i>Chemman Chaalai</i>   |                          |
| 2  | <i>Aandal</i>            | √                        |
| 3  | <i>Uyir</i>              |                          |
| 4  | <i>Ethirkalam</i>        |                          |
| 5  | <i>Chalanggihai</i>      |                          |
| 6  | <i>Vajram</i>            |                          |
| 7  | <i>Adutha Khattam</i>    | √                        |
| 8  | <i>Ops Kossa Dappa 3</i> | √                        |
| 9  | <i>Kaliyugha</i>         |                          |
| 10 | <i>Olli</i>              |                          |
| 11 | <i>Olipathivu</i>        |                          |
| 12 | <i>Dhusrajanam</i>       | √                        |
| 13 | <i>Maraimugam</i>        |                          |

Sebuah adegan dalam filem *Aandal*, watak Suresh digambarkan menggunakan kata-kata kesat seperti anjing, bodoh dan sebagainya bagi merujuk seseorang individu yang lain (01.21.08 & 01.23.00). Setelah menjadi pelacur watak *Aandal* pula digambarkan turut menggunakan kata-kata yang tidak sopan seperti *eei*, *dei* (hoi) dan juga tidak menggunakan kata-kata yang hormat pada orang tua (00:55:30). Dalam sebuah adegan, watak Murali digambarkan menegur watak *Aandal* kerana cara pertuturannya adalah tidak sopan. Beliau

juga turut menyatakan pada Aandal bahawa dirinya tidak percaya adakah Aandal yang bertutur begini (kurang sopan) kerana pada mulanya Aandal adalah seorang gadis yang baik (01:07:05).

Dalam filem *Adutha Khattam* watak Rekha (wirawati) yang keretanya rosak pada waktu malam di sebuah kawasan hutan telah mendapatkan bantuan Arvind (watak jahat). Walaupun watak Arvind adalah watak negatif dalam filem ini tetapi cara pertuturannya yang sopan telah meyakinkan Rekha untuk mengikuti Arvind. Tetapi dalam perjalanannya Arvind mula bertutur kurang sopan dengan menyatakan bahawa dirinya suka dengan wanita yang meminum arak dan merokok serta berupa seksi. Kata-kata Arvind melahirkan keraguan terhadap beliau dan Rekha mula memandang rendah pada Arvind (00.25.25).

Dalam filem *Ops Kossa Dappa 3* watak Jaga dan rakan-rakanya digambarkan bertutur dengan menggunakan kata-kata kesat seperti anjing, nak membunuh, ingin membelasah dan sebagainya (00.12.44). Manakala dalam filem *Dhusrajanam* pula, watak Karuppu ditunjukkan sebagai watak yang menggunakan kata-kata kesat seperti anjing, lembu, tak guna, bodoh dan sebagainya terhadap adik angkat Kuttan (01.01.02).

#### 4.1.15. Analisis

Dalam teori semiotik, Saussure (1985, pp.34-35) merujuk kepada bahasa sebagai suatu sistem tanda seperti tanda-tanda yang lain dan membawa makna-makna yang tertentu. Bahasa juga dilihat sebagai tanda fenomena sosial (Bronwen Martin & Felizitas Ringham, 2006, p.172). Manakala teori semiologi komunikasi pula merujuk kepada bahasa sebagai sebuah sistem tanda yang membawa makna tertentu dalam kehidupan sosial (Thibault, 1998, p.335). Saussure (1988, p.5) juga turut mentafsirkan bahasa sebagai benda yang terlepas daripada penutur dan bukannya ciptaan individu. Dalam kehidupan sosial, penuturan yang melepaskan kata-kata bukan sahaja membawa makna yang ingin disampaikan oleh penutur tetapi juga boleh menggambarkan status sosial seseorang individu. Bahasa dan perkataan yang dirujuk sebagai tanda dalam semiotik akan berfungsi berasaskan makna yang dibawa mengikut penutur dan juga situasinya.

Pertuturan adalah antara unsur yang dapat menentukan status sosial seseorang individu dalam kehidupan sosial. Kesopanan berbicara pula dirujuk sebagai suatu peraturan sosial yang dapat menunjukkan kedudukan sosial seseorang individu (Zaitun Azma bt Zainan Hamzah, 2009, p.461). Bahasa adalah alat komunikasi utama dalam perhubungan antara manusia. (Dreer, 2007, p.57). Pertuturan antara manusia boleh juga membawa kepada kekerasan apabila menggunakan verbal seperti memaki, menghina, memaksa, menghasut, memarah, kurang sopan, membuatkan orang malu dan sebagainya. Hal ini

boleh membawa kepada pergaduhan dan permusuhan antara manusia (Zaitun Azma bt Zainan Hamzah, 2009, p.461).

Kelompok masyarakat India juga menitik beratkan akan perkataan dan pertuturan. Sebuah karya klasik Tamil menyatakan bahawa, manusia harus menggunakan perkataan-perkataan yang bersopan untuk memenangi hati orang lain (*Nalvazhi*, 33). Manakala Thiruvalluvar menegur kelakuan orang yang menggunakan kata-kata kesat dalam pertuturan mereka dengan menyatakan bahawa tindakan mereka ini adalah bagaikan memakan buah mentah walhal ada buah yang sudah masak. Dalam ini kata-kata kesat disamakan kepada buah mentah dan kata-kata bersopan pula diumpamakan sebagai buah yang sudah masak (*Thirukkural*, 100). Dengan ini dapat dikatakan bahawa masyarakat awal Tamil menitik beratkan tentang penggunaan bahasa dan pertuturan yang sopan dalam kalangan masyarakat.

Bertutur dengan menggunakan perkataan yang boleh menyakitkan hati orang lain adalah dikatakan sebagai sesuatu yang tidak baik dalam amalan kehidupan bermasyarakat (*Uлага Niithi*, 53). Jika manusia tersilap kata maka hal ini dikatakan akan kekal selama-lamanya dalam kehidupan seseorang individu sepertimana pengekalan parut kebakaran pada badanya. Walaupun luka kebakaran sembuh tetapi parut itu akan berkekalan. Begitu juga dengan kata yang melukakan hati orang lain di mana luka itu kekal selama-lamanya (*Thirukkural*, 129).

Dalam pertuturan, seseorang individu biasanya dinasihatkan supaya tidak menggunakan perkataan yang menyinggung, menyindir, memalukan dan menjatuhkan air muka orang lain. Hal ini bukan sahaja akan melahirkan permusuhan tetapi juga akan membentuk pandangan buruk terhadap diri orang yang telah menggunakan kata-kata kesat tersebut (Zaitun Azma bt Zainan Hamzah, 2009, p.466). Thiruvalluvar turut menyatakan bahawa orang yang berstatus tinggi tidak akan menggunakan kata-kata kesat dan hanya menggunakan kata-kata yang bersopan (*Thirukkural*, 91). Kenyataan ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa pilihan perkataan dalam pertuturan boleh menentukan status seseorang individu dalam kehidupan sosial.

Dalam filem *Aandal*, watak Aandal sebagai seorang pelacur digambarkan menggunakan perkataan-perkataan yang tidak sopan dalam pertuturannya. Hal ini juga didapati ditegur oleh watak Murali. Dengan ini, filem *Aandal* jelas menyatakan bahawa pertuturan itu boleh mengubah pandangan terhadap diri seseorang Individu dan boleh menentukan status sosial mereka. Manakala pengarah filem En.Santhosh Kesavan pula menyatakan bahawa dalam kajian tentang golongan pelacur, beliau dapati bahawa golongan pelacur menggunakan perkataan yang lebih kesat. Tetapi beliau telah menapiskan bahasa tersebut supaya tidak terkeluar daripada etika media filem (temu ramah dengan penerbit dan pengarah filem *Aandal*, pada 8/1/2014).

Dalam filem *Ops Koosa Dappa 3*, watak Jaga turut digambarkan menggunakan kata-kata kesat yang menyebabkan berlakunya pergaduhan dengan kumpulan gengster



Nachiyappan. Pegawai pencegah jenayah Bala menyatakan bahawa kebanyakan pergaduhan dalam kalangan orang India Malaysia adalah berpunca daripada penggunaan kata-kata kesat. Beliau turut menyatakan bahawa jika manusia dapat menjaga kata maka pelbagai masalah dapat dielakkan dalam kehidupan sosial (temu ramah dengan pegawai Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Bukit Aman, pada 10/5/2014).

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa perkataan dalam pertuturan dan gaya pertuturan berkebolehan menentukan status sosial seseorang individu. Manakala status sosial yang terhasil daripada perkataan dan pertuturan pula boleh membentuk ketaksamaan sosial dalam kehidupan sosial antara individu yang mengamalkan pertuturan yang bersopan dan individu bertutur dengan menggunakan kata-kata kesat.

#### **4.1.16. Budaya Elit Dan Budaya Popular**

Budaya ditafsirkan sebagai sesuatu yang merangkumi segala-galanya dalam sesuatu komuniti masyarakat yang terbentuk diikuti dan diperkembangkan secara turun temurun (James Wilson & Roy Wilson, 1995, p.3). Pada asasnya budaya ini terbahagi kepada dua jenis iaitu budaya elit dan budaya popular.

Budaya elit yang turut dikenali sebagai budaya tinggi adalah amalan budaya masyarakat golongan tinggi, atasan atau golongan pemerintah (Arthur Asa Berger, 2008, p.3). Budaya elit ini melahirkan suatu perbezaan antara amalan kehidupan masyarakat biasa dengan golongan atasan (James Wilson & Roy Wilson, 1995, p.3). Budaya elit juga merupakan sesuatu yang telah distabilkan dalam penulisan teks (David Forbes & Mahan, 2005, p.3). Budaya tinggi ini lebih jelas digambarkan melalui seni persembahan tarian klasik, muzik klasik, kesusasteraan, lukisan, patung, ukiran dan sebagainya. Budaya ini bukanlah untuk orang ramai dan hanya diamalkan oleh suatu golongan spesifik yang mempunyai latar belakang yang tinggi dan mungkin diwarisi secara turun-temurun (Arthur Asa Berger, 2008, p.3).

Budaya yang diamalkan oleh golongan masyarakat biasa pula digelar sebagai budaya rakyat. Sekitar abad ke-19 masihi, perkataan budaya rakyat ini telah digantikan dengan istilah budaya popular (budaya pop). Budaya popular dihasilkan oleh masyarakat untuk kepentingan mereka sendiri kerana budaya ini merangkumi amalan semua golongan masyarakat (James Wilson & Roy Wilson, 1995, pp.3-4). Budaya popular merangkumi segala bentuk kehidupan rakyat termasuklah tingkah-laku, sikap, makanan, pakaian, bangunan, seni hiburan, perubatan, amalan kepercayaan dan segala aspek yang mengawal kehidupan manusia (Browne, 1978, pp.12). Setiap kaum dan bangsa mempunyai amalan budaya popular tersendiri (James Wilson & Roy Wilson, 1995, pp.4). Dalam kajian semasa terhadap FFTM, budaya elit dan budaya popular yang membentuk perbezaan dalam kalangan individu dapat dikesan dalam bentuk kesenian muzik.

#### **4.1.17. Maklumat Aspek Budaya Elit Dan Popular Dalam FFTM**

Kajian menunjukkan bahawa hanya filem *Vajram* daripada tiga belas FFTM yang dikaji memuatkan maklumat mengenai aspek budaya elit dan budaya popular, melibatkan bentuk kesenian muzik. Dalam filem *Vajra*, watak Surya (wira) dan rakan-rakannya digambarkan memainkan peralatan muzik *urumi melam* (seni gendang) yang merupakan sebuah seni muzik rakyat orang India. Hal ini digambarkan tidak disenangi oleh ibu Jasmin kerana anaknya bercinta dengan Surya. Dalam sebuah adegan, emak Jasmin digambarkan marah terhadap anaknya dan menyatakan bahawa beliau tidak boleh menerima cinta antara Surya dan Jasmin kerana Surya adalah seorang yang tidak berstatus kerana hanya tahu main muzik *urumi melam* yang merupakan alat muzik golongan yang tidak berstatus (00.52.12).

#### **4.1.18. Analisis**

Teori semiotik menyatakan bahawa sesuatu perkara yang dirujuk sebagai lambang atau tanda identiti tidak akan mengemukakan makna dan fungsi sebenarnya sepertimana yang terhasil dalam perkara tersebut. Tanda atau lambang itu akan menunjukkan fungsi atau

kesanya daripada pertembungan dua sistem yang berlainan (Umberto, 1984, p.134). Dalam kajian semasa hanya budaya rakyat sahaja digambarkan. Namun demikian berdasarkan pemikiran teori semiotik, bahagian ini diteliti dalam aspek perbandingan dengan peralatan muzik budaya elit dan budaya popular untuk membawa makna sebenar terhadap kewujudan ketaksamaan sosial dalam pertembungan antara pengamal kedua-dua seni muzik ini.

Budaya masyarakat India turut merangkumkan budaya elit dan budaya rakyat. Hal ini turut kelihatan dalam aspek kesenian seperti nyanyian, tarian, lagu, muzik dan sebagainya (Thatchinamurthy, 2008, pp.1-5). Dalam kajian semasa, hal ini digambarkan dalam aspek muzik iaitu berkaitan dengan peralatan muzik *urumi melam*.

*Urumi melam* adalah sejenis gendang yang popular dalam kalangan orang India. *Urumi melam* dimainkan berdasarkan prinsip-prinsip muzik tradisional India. Tetapi alat muzik ini memiliki rentaknya yang tersendiri (Ramanathan & Shanmugam, 2004, p.38). Biasanya *urumi melam* ini dimainkan semasa perayaan di kawasan kampung di India. *Urumi melam* ini juga popular dalam kalangan orang India di Malaysia khususnya di kawasan ladang. Muzik ini dimainkan sebagai muzik sampingan dalam perayaan bukannya sesuatu yang wajib disertakan di kuil (Akhbar *Malaysia Nanban*, 16/3/2015, p.2).

Walaupun alat muzik ini mendapat tempat dalam perayaan agama Hindu, tetapi ia masih dilihat sebagai muzik yang rendah tarafnya berbanding dengan peralatan muzik yang

lain seperti gendang *melam*, *natasvaram* dan sebagainya. Hal ini jelas kelihatan dalam upacara sembahyang di kuil. Semasa melakukan upacara sembahyang di kuil-kuil yang besar, muzik *melam* dan *nataswaram* dimainkan sebagai sebahagian daripada bahan persembahan kepada Tuhan dalam upacara sembahyang. Dengan itu, *melam* dan *nataswaram* mendapat status alat muzik elit yang turut mempunyai suatu sistem tradisi paluan dan peniupan menuruti prinsip-prinsip muzik klasik India (Majalah bulanan *Sakthi*, Julai 1991, p.21).

Begitu juga dengan peralatan muzik elit yang lain seperti *venai*, *tambura*, *gadam* dan sebagainya yang masih mempunyai kepentingan dalam kuil sebagai peralatan muzik yang mempunyai status yang tinggi kerana kesemua peralatan muzik ini adalah dimainkan berdasarkan prinsip-prinsip muzik klasik India yang terkandung dalam pelbagai teks seperti *Panjabarathiyam*, *Isai Nunukkam*, *Panja Marabu*, *Pathinaru Padalam*, *Vaaiippiyam*, *Indrakaliyam*, *Kulothungan Isai Nuul*, *Isaikalai Saasanam*, *Sangeetha Ratnakaaram*, *Kiirthanaigal* dan sebagainya sejak zaman sangam lagi (Seeni Veengadasamy, 1989, p.90-97). Bukan itu sahaja, bidang muzik ini juga mempunyai pusat pembelajaran yang profesional dan disegani. Di Malaysia terdapat beberapa buah institusi muzik elit yang terkenal. Dalam pada itu, Temple of Fine Arts di Brickfields, Kuala Lumpur adalah sebuah akademi muzik India yang mempunyai status yang amat tinggi (<http://www.tfa.org.my>, dirujuk pada 11/5/2013, pukul 11.55).

Muzik *urumi melam* dan peralatan muzik rakyat yang lain sebenarnya tidak mempunyai tradisi serta prinsip-prinsip muzik yang dipelihara melalui sudut-sudut yang bersifat tradisional dan profesional. Selain itu, muzik jenis ini juga belum menjadi muzik pilihan golongan elit. Hal ini membawa kepada ketaksamaan sosial dalam kalangan pemain peralatan muzik elit dan rakyat.

Di Malaysia kini sudah ada beberapa kumpulan pemain *urumi melam* yang mempopularkan peralatan muzik ini. En.Sugunthan (pemain muzik *urumi melam*), menyatakan bahawa permintaan untuk muzik ini memang tinggi dalam in stitusi kuil-kuil tempatan khususnya kuil-kuil di kawasan ladang. Sewaktu perayaan Thaipusam, permintaan bagi muzik ini melambung tinggi. Namun demikian beliau menyatakan bahawa walaupun mereka mempunyai permintaan yang tinggi tetapi biasanya kuil akan menyediakan *melam* dan *nadaswaram* untuk upacara keagamaan rasmi yang dilakukan berdasarkan teks agama (temu ramah dengan ketua Kumpulan Jaysree Urumi Melam Melam, Rawang, pada 5/8/2014).

Hal ini dengan jelasnya menggambarkan ketaksamaan sosial yang wujud antara pemuzik elit dan popular. Pada tahun 1999, sebuah filem yang berjudul *Sangamam*, telah diterbitkan oleh penerbit Suresh Krishna di negara India. Tema filem ini adalah berkaitan dengan pertembungan antara seni tarian seta muzik elit dan rakyat. Filem ini telah mendapat sambutan yang baik pada masa itu. Filem ini dengan jelasnya telah menggambarkan perbezaan kedudukan status sosial di antara kedua-dua kumpulan seni

tersebut (Vijay Vanniarajan, <http://www.thiraipadam.com>, dirujuk pada 13/4/1013, pukul 4.35pm).

Dalam filem ini golongan pemain muzik rakyat digambarkan sebagai golongan yang tidak berpendidikan dan tidak mempunyai kekuatan ekonomi. Tetapi kumpulan seni tarian dan muzik elit pula digambarkan sebagai golongan berpendidikan dan berada. Hal ini merupakan suatu kenyataan realiti yang sedia wujud sejak awal lagi. Sebagai contohnya watak Mathavi dalam karya *Silappathikaram* (abad kedua Masihi) digambarkan sebagai penari *Barathanatyam* (tarian klasik elit). Dalam karya ini watak ini digambarkan sebagai golongan berada (Durai Rajaram, 2003, pp.28-29). Manakala dalam karya *Thiruththondar Puranam* (abad ketujuh Masihi) pula Thirunalaip poovaar Nayanaar digambarkan sebagai seorang pemain gendang *parai* (alat muzik rakyat). Beliau pula adalah daripada kasta bawahan (Arumuga Navalar, 1997, p.172). Sejak awal lagi peralatan muzik elit sudah menjadi semacam peralatan yang hanya boleh dimainkan oleh golongan berada dan berpendidikan sahaja. Manakala peralatan muzik rakyat pula telah lama dikekalkan dalam golongan orang biasa dan bawahan (Ramanathan & Shanmugam, 2004, p.38).

Hal inilah yang dipaparkan dalam filem *Vajram* untuk menggambarkan status kedudukan sosial pemain muzik *urumi melam*. Dalam filem tersebut watak Surya bukanlah seorang yang berpendidikan tinggi dan golongan berada. Manakala rakan-rakan Surya juga daripada golongan miskin dan kurang berpendidikan. Dalam filem tersebut Surya digambarkan menggalakkan rakan-rakannya untuk main *urumi melam* yang dapat

membawa pendapatan sampingan kepada mereka. Hal ini kerana Surya tidak dapat mencari jalan lain untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi rakan-rakannya kerana mereka tidak berpendidikan. Hal ini jelas kelihatan daripada salah seorang rakan Surya yang bernama Seelan yang menyatakan kepada kawan-kawan bahawa mereka harus menang dalam pertandingan *urumi melam* yang akan berlangsung untuk memperoleh hadiah wang tunai sebanyak sepuluh ribu ringgit. Mereka juga merancang menggunakan wang tersebut untuk memulakan suatu perniagaan kecil.

Sebenarnya apa yang digambarkan dalam filem tersebut adalah kenyataan benar tentang keadaan anak-anak muda yang melibatkan diri dalam permainan muzik *urumi melam*. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ahli kumpulan muzik *urumi melam* adalah tidak mempunyai pencapaian tinggi dalam bidang pendidikan. Sila lihat jadual di bawah:-

Jadual 4.11: Status pendidikan ahli-ahli dalam kumpulan muzik *urumi melam*

| Pencapaian Pendidikan | Kumpulan Jaysree Urumi melam Melam, Rawang. | Kumpulan Sri Maha Kaliamman Urumi melam Melam, Sungai Buluh |
|-----------------------|---|---|
| Tiada Pendidikan      | 5   | -   |
| UPSR                  | -   | 3   |
| PMR                   | 6   | 5   |
| SPM                   | 4   | 7   |
| STPM                  | -   | -   |
| Diploma               | -   | -   |
| Ijazah                | -   | -   |
| Jumlah Ahli           | 15  | 15  |

Sumber: Temu ramah dengan ketua kumpulan Jaysree Urumi Melam Rawang, 5/8/2014 pada dan Kumpulan Sri Maha Kaliamman Urumi Melam Sungai Buluh pada 15/8/2014.



Penelitian terhadap dua kumpulan muzik *urumi melam* menandakan bahawa kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada golongan yang kurang pendidikan. Dalam temu ramah dengan Siva, beliau menyatakan bahawa kebanyakan ahli dalam kumpulan muzik ini adalah orang yang tidak berpendidikan tinggi (temu ramah dengan presiden Persatuan Pemuzik Urumi Melam Malaysia, Pada 15/8/2014).

Selain itu, sekitar tahun 1995-an parti politik MIC (Malaysian Indian Congress), telah melancarkan suatu projek untuk memberikan latihan permainan alat muzik *urumi melam* kepada anak muda India Malaysia. Projek ini telah dilancarkan khas untuk para remaja lepasan sekolah yang tidak mencapai keputusan yang baik dalam pendidikan supaya mereka tidak terlibat dalam gejala sosial yang lain. MIC juga merancang projek ini sebagai suatu sumber pendapatan kepada mereka (temu ramah dengan Pegawai Pengurus Program Kanan, Yayasan Strategik Sosial, pada 25/6/2014).

Hal ini membuktikan bahawa mereka yang melibatkan diri dalam muzik rakyat ini adalah kebanyakannya terdiri daripada golongan yang kurang berpendidikan dan bukan golongan yang berada. Hal ini juga dirujuk sebagai salah satu sebab mengapa muzik rakyat ini tidak mendapat status sosial yang tinggi sepertimana yang telah diperolehi oleh peralatan muzik elit yang lain.

En.Siva selaku presiden Persatuan Pemuzik Urumi Melam Malaysia, menyatakan bahawa beberapa buah kuil Hindu di Malaysia tidak membenarkan kumpulan pemuzik *urumi melam* membuat persembahan di dalam kuil. Mereka hanya dibenarkan memainkan muzik tersebut di sekitar kuil. Berasaskan pengalaman, beliau menyatakan bahawa sebanyak tiga puluh enam buah kuil di Ipoh didapati tidak membenarkan golongan pemuzik ini masuk ke dalam kuil untuk memainkan muzik *urumi melam*. Beliau telah mengemukakan beberapa sebab kenapa golongan pemuzik *urumi melam* dipandang rendah dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Antara sebab utama adalah masalah arak. Perbuatan segelintir pemuzik *urumi melam* mencemarkan imej keseluruhan seni tersebut. Seterusnya, kumpulan pemuzik *urumi melam* juga sering dituduh menjadi punca kepada berlakunya pergaduhan dalam sambutan perayaan di kuil. Hal ini sedemikian kerana, semasa mereka memainkan muzik *urumi melam* ada remaja cabar-mencabar menari. Kadang-kala hal ini membawa kepada pergaduhan antara mereka (temu ramah dengan presiden Persatuan Pemuzik Urumi Melam Malaysia, Pada 15/8/2014).

Menerusi perbincangan di atas, lima sebab utama dikenal pasti bagi kewujudan ketaksamaan di antara pemain muzik elit dan popular yang menentukan status sosial. Yang pertama adalah seni muzik elit mempunyai teks rujukan dan pusat akademik yang teratur manakala muzik rakyat pula tidak mempunyai prinsip-prinsip atau teks rujukan yang sah. Seni muzik elit ini telah dikongkong oleh golongan elit sejak zaman awal lagi. Manakala peralatan muzik rakyat pula telah diperkembangkan dan dikekalkan oleh rakyat biasa.

Sebab yang ketiga adalah, kebanyakan orang yang berminat dengan muzik elit adalah golongan berpendidikan dan golongan berada. Manakala sampai ke hari ini kebanyakan orang yang memainkan peralatan muzik rakyat adalah terdiri daripada golongan yang kurang pendidikan dan tidak mempunyai kekuatan ekonomi. Seterusnya, kepentingan yang diberikan kepada peralatan muzik elit dalam upacara keagamaan teks didapati tidak diberikan kepada peralatan muzik rakyat. Selain itu, kelakuan para pemuzik rakyat yang tidak bertanggungjawab (meminum arak, bergaduh) juga menjadi punca mereka tidak dapat penghormatan dalam kalangan orang ramai.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa bukan sahaja wujudnya ketaksamaan antara peratatan muzik tetapi juga wujud perbezaan antara orang yang memainkan peralatan tersebut. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa wujud ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat berdasarkan peralatan muzik elit dan popular.

## **4.2. Agama Dan Kepercayaan**

Agama dapat ditafsirkan sebagai suatu sistem yang mengaturkan hubungan manusia dengan dunia ghaib dan kuasa yang digelar sebagai Tuhan (Haviland, 1988, 193 & Clifford Geertz, 1972, pp.398-400). Agama juga dirujuk sebagai suatu sistem kompleks dalam sesuatu kelompok masyarakat yang merangkumi kepercayaan, tindak-tanduk, struktur organisasi

dan simbol yang bergantung kepada amalan kumpulan masyarakat tersebut (Clements, 2008, p.154).

Agama adalah istilah umum, tetapi setiap golongan masyarakat mempunyai agama yang tersendiri berdasarkan kepercayaan masing-masing. Amalan agama antara suatu golongan masyarakat dengan masyarakat lain adalah berbeza, tetapi etika dan nilai yang menjadi ajarannya adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang bermoral (Durkheim, 1926, p.47).

Kepercayaan dikatakan sebagai sesuatu yang berakar umbi daripada jiwa seseorang individu yang dianggap telah wujud daripada amalan tradisi sesuatu golongan masyarakat (Paramanan, 1991, pp.220-221). Kepercayaan ini dikatakan wujud dalam pelbagai unsur dan berkait rapat dengan amalan kehidupan sesuatu kelompok masyarakat. Alam semulajadi biasanya mempunyai hubungan rapat dengan kewujudan pelbagai kepercayaan dalam kalangan masyarakat (Gandi, 1980, pp.4). Kepercayaan juga dianggap asas kepada kebanyakan norma dan nilai serta membantu menyatukan manusia dalam sesuatu kumpulan masyarakat (Ztompka, 2001, p.1913-1915).

#### 4.2.1. Agama Teks Dan Kepercayaan Rakyat

Agama Hindu adalah sebuah agama yang terkenal di dunia. Agama Hindu tidak mempunyai pengasas, tarik wujud dan juga sesuatu institusi atau organisasi yang dapat mengawal tindakan keseluruhan penganut agama tersebut (Riencort, 1961, p.4-5). Hal ini demikian kerana, agama Hindu bukan hanya merujuk kepada sesuatu kepercayaan, ajaran atau falsafah tertentu tetapi ia adalah keseluruhan pemikiran dan jati diri masyarakat India (Rajantharan, 1997, pp.1-2).

Agama ini adalah gabungan antara dua sistem iaitu agama teks dan kepercayaan rakyat. Agama teks adalah dirujuk kepada amalan yang termaktub dalam kitab-kitab agama. Kitab *Veda* (*Rig Veda*) adalah dirujuk sebagai kitab agama yang terawal di dunia (Antoine, 1964, p.24). *Veda* adalah teks asas kepada agama Hindu. Segala amalan agama Hindu adalah dikendalikan berdasarkan kitab *Veda*. Kitab ini telah dihasilkan dalam bahasa Sanskrit. Selain itu, terdapat juga pelbagai teks agama yang wujud dalam kalangan penganut agama Hindu yang berlainan berdasarkan bahasa dan tradisi masing-masing. Dalam pada ini, *Dwaitham*, *Adwaitham* dan *Visistadwaitham* adalah antara tiga falsafah penting yang wujud di India selatan (Parthasarathy, 2004, pp.331-332). Manakala *Saiva Sidhantha* adalah sebuah lagi falsafah agama dalam bahasa Tamil yang popular dalam kalangan orang Tamil yang turut dikenali sebagai penganut Saivisme (Kandasamy, 2003, p.19).

Kepercayaan rakyat pula meliputi segala amalan lain yang ada dalam masyarakat yang tidak berasaskan teks-teks agama. Kepercayaan ini biasanya dikatakan sebagai kepercayaan kepada dewa-dewi pelindung dan minor. Oleh yang demikian, agama rakyat ini biasanya lebih popular di kawasan kampung (Arvind Rajagopal, 2005, p.447). Manakala amalan sembahyang ini juga tidaklah dikendalikan berdasarkan suatu sistem yang teratur dan merangkumi upacara pengorbanan binatang (Rajantharan, 1997, p.9).

Walaupun Kedua-dua amalan ini tergabung dalam agama Hindu tetapi terdapat perbezaan antara satu sama lain yang membentuk ketaksamaan sosial antara kedua-dua pengikut ini.


#### **4.2.2. Maklumat Aspek Agama Teks Dan Kepercayaan Rakyat Dalam FFTM**

Kajian menunjukkan bahawa hanya filem berjudul, *Uyir* memuatkan maklumat mengenai aspek agama teks dan kepercayaan rakyat. Dalam Filem *Uyir* rakan-rakan Kathir digambarkan melawat kawasan ladang untuk cuti semester kolej. Semasa itu mereka berjumpa dengan ayah Kathir, beliau menasihatkan mereka supaya berjaga-jaga dan menghormati kepercayaan rakyat yang terdapat di kampung tersebut (00.17.04).

### 4.2.3. Analisis

Teori semiotik menyatakan bahawa kepentingan dan makna sebenar sesuatu perkara atau tanda dalam kehidupan sosial tidak hanya terhasil daripada pengkajian terhadap perkara atau tanda tersebut. Hal ini akan lebih jelas membawa makna sebenar apabila dibandingkan dengan perkara lain yang berkaitan dengan perkara yang dikaji (Umberto, 1984, p.134). Berdasarkan pendekatan teori semiotik, analisis dalam bahagian ini tidak hanya dilakukan terhadap agama Hindu rakyat sebaliknya agama teks juga turut diteliti untuk membawa makna sebenar kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan pengamal agama Hindu. Agama Hindu pada umumnya melibatkan dua buah komponen besar iaitu amalan agama teks dan kepercayaan rakyat. Sila lihat rajah di bawah:-

Rajah 4.2: Aasa pembentukan agama Hindu



Berdasarkan rajah di atas, agama Hindu kini dikatakan sebagai gabungan agama teks dan kepercayaan rakyat. Amalan agama teks diasaskan berasaskan teks-teks suci dalam agama Hindu termasuk kitab *Veda (Rig, Yajur, Sama dan Atharva)*, *Aagamam*, *Puranam*, *Ithikaasam*, *Saastiram* dan sebagainya. Amalan agama ini biasanya mempunyai suatu sistem yang teratur dan kesemua amalannya telah direkodkan dalam bentuk teks (Rajantharan, 1997, p.10). Amalan agama Hindu juga dikatakan sebagai suatu sistem yang berkedudukan tinggi kerana sistem ini telah menghasilkan pelbagai falsafah dan ajaran kepada umat manusia untuk mengenali hubungan antara manusia, alam semula jadi dan juga Tuhan Yang Maha Esa (Clifford Geertz, 2008, pp.398-400). Agama teks juga mengemukakan kepercayaan kepada tuhan yang dikatakan sebagai Tuhan Yang Maha Esa yang dirujuk dengan istilah *Nirguna Brahman* (konsep Tuhan dalam bentuk abstrak) dan *Saguna Brahman* (konsep ketuhanan bersifat) (Rajantharan & Manimaran Subramaniam, 2006, 44- p.45). Secara umumnya agama teks dapatlah disimpulkan sebagai suatu sistem yang telah diinstitusikan dalam agama Hindu.

Selain itu, wujud juga kepercayaan rakyat dalam kalangan penganut agama Hindu. Hal ini melibatkan amalan-amalan kepercayaan mengenai pelbagai dewa-dewi minor. Kepercayaan rakyat ini terhasil daripada pelbagai kepercayaan sesuatu kelompok masyarakat yang hidup di sesuatu kawasan kediaman, lebih bersifat kebudayaan yang diamalkan secara turun-temurun (Rajantharan, 1997, p.10). Kepercayaan ini popular di kawasan kampung di negara India. Dewa-dewi dan sistem kepercayaan rakyat pada amnya



dirujuk sebagai kepercayaan *Kaaval Theivam* dan ianya dibahagikan dalam lima kategori iaitu *Nadukkal Theivam* (para wira yang telah mengorban nyawa demi kepentingan rakyat), *Pattini Theivam* (wanita yang setia kepada suami dijadikan sebagai dewi), *Karuthukool Theivam* (gunung, pokok, sungai yang tertentu dipercayai ada kuasa luar biasa), *Illurai Theivam* (dewa-dewi pelindung keluarga), *Tholil Kula Theivam* (Dewa-dewi pelindung di tempat kerja seperti di sawah padi dan hutan) (Thevaneya Pavanar, 2000, pp.29-31).

Sebenarnya kepercayaan rakyat ini tidak mempunyai teks-teks agama yang tertentu dan juga tidak mempunyai suatu sistem amalan yang teratur dan tetap. Kebanyakan upacara dalam kepercayaan rakyat ini adalah dikendalikan berdasarkan amalan yang telah diwarisi secara turun temurun. Pengorbanan binatang seperti ayam, kambing dan sebagainya juga menjadi ciri utama dalam kepercayaan ini. Biasanya dewa-dewi yang disembah dalam kepercayaan rakyat ini juga dikatakan adalah berkedudukan rendah daripada Tuhan dan dewa-dewi yang dirujuk dalam agama teks (Manimaran Subramaniam & Rajantheran, 2006, p.115).

Di Malaysia agama teks dan agama rakyat memainkan peranan penting dalam kalangan penganut agama Hindu. Dalam pada ini, amalan agama rakyat ini lebih kelihatan di kawasan ladang. Dewa-dewi seperti Muniandy, Mathurai Veeran, Muniswaran, Sangili Karuppan, Karuppanna Saami, Peechi Amman dan sebagainya adalah antara dewa-dewi pelindung popular dalam kalangan orang India Malaysia (Rajantheran, 1997, p.10). Filem *Uyir* menggambarkan amalan-amalan kepercayaan dewa Maturai Veeran sebagai dewa pelindung di kawasan ladang.

Selain itu, kebanyakan orang India Malaysia yang menganuti kepercayaan rakyat juga adalah golongan yang kurang berpendidikan dan berasal dari kawasan pedalaman. Bukan itu sahaja, malah kuil-kuil seperti itu juga didapati sering-kali berfungsi sebagai tempat membuat rawatan penghasutan hantu, tempat meminta nombor loteri dan sebagainya (Kalaivani Palaney, 2011, p.103). Penyembahan Dewa-dewi ini turut melibatkan upacara pengorbanan, hidangkan arak dan sebagainya. Sebenarnya dari segi ajaran agama Hindu teks, meminum adalah dikategorikan sebagai dosa besar. Pengorbanan binatang juga diharamkan (Rajantharan, 1997, p.10).

Biasanya golongan penganut agama Hindu teks yang berpendidikan agama, tidak akan menerima kepercayaan rakyat. Hal inilah yang dipaparkan dalam filem *Uyir* di mana ayah Kathir digambarkan menasihati rakan-rakan Kathir supaya jangan pandang rendah terhadap kepercayaan rakyat kerana beliau tahu rakan-rakan Kathir adalah dari bandar dan mengamalkan kepercayaan agama teks.

Salah seorang pengkaji tempatan, M.Rajantharan menyatakan bahawa kini kebanyakan penganut agama Hindu daripada pelbagai aliran dan persatuan seperti Malaysia Hindu Sangam, Malaysia Hindu Dharma Maamandram, Arul Neri Thirukkuddam, Malaysia Saiva Sithantha Mandram dan sebagainya berusaha untuk memberikan ajaran agama Hindu teks yang teratur dan membawa mereka keluar daripada kepercayaan rakyat dan memperkenalkan agama teks (Manimaran Subramaniam & Rajantharan, 2006, p.115).

Mereka yang terdedah kepada pendidikan agama Hindu teks menyedari bahawa kepercayaan rakyat sebenarnya bukanlah agama yang sebenar dan mereka mula meninggalkannya. Usaha ini disokong oleh pertubuhan-pertubuhan agama Hindu. Proses perpindahan seseorang penganut daripada *little tradition* (kepercayaan rakyat) kepada *great tradition* (agama teks) selalunya dirujuk dengan istilah Sanskritisasi (Srinivas, 1968, p.149). Konsep Sanskritisasi ini sebenarnya diperkenalkan oleh sarjana bernama, M.N.Srinivas (Raymond Lee & Rajoo, 2011, p.391).

Proses Sanskritisasi ini dilihat sebagai salah satu peralihan yang amat besar dan bermakna bagi para penganut agama Hindu. Itulah antara sebab mengapa pertubuhan-pertubuhan Hindu di Malaysia cuba memberikan kesedaran agama dalam kalangan masyarakat India Malaysia. Hal ini dicapai melalui pelbagai aktiviti keagamaan seperti pertandingan agama, kelas agama, mengeluarkan buku ajaran agama dan sebagainya (Raymond Lee & Rajoo, 2011, p.391).

Kesemua hal ini membentuk ketaksamaan sosial antara golongan pengamal agama teks dan kepercayaan rakyat dalam agama Hindu. Ketaksamaan sosial ini dapat dikatakan sukar untuk dipulihkan kerana hal ini sudah berakar-umbi dalam kehidupan orang India sejak zaman sebelum masihi lagi dan sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Ketaksamaan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat adalah dikatakan sesuatu yang konkrit (Hurst, 1992, p.1). Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa

ketaksamaan yang wujud daripada amalan kedua-dua aliran agama ini adalah sesuatu yang sukar diubah dalam kehidupan orang India Malaysia.

### **4.3. Pendidikan**

Pendidikan adalah suatu proses yang berlaku melalui aktiviti pengajaran, latihan, pengajian dan pembelajaran. Hal ini bertujuan untuk memperoleh ilmu pengetahuan, kepakaran oleh seseorang individu atau kumpulan generasi untuk pembangunan diri mereka. Pendidikan biasanya berlaku dengan bantuan pengajaran, persendirian dan berdasarkan pengalaman yang diperoleh dalam kehidupan sosial (John Dewey, 2012, pp.1-4).

Pendidikan juga dirujuk sebagai suatu proses perkembangan intelektual, sosial dan emosi kerana pendidikan menambahkan kemahiran dan pengetahuan pengalaman kehidupan supaya dapat berjaya dalam hidup. Pendidikan juga adalah suatu proses sepanjang hidup yang mempengaruhi psikologi, budaya dan mental (Pathak, 2007, pp.2).

Pendidikan berpeluang membawa penghormatan dan prestij kepada seseorang individu dalam kehidupan sosial. Justeru itu, pendidikan juga dirujuk sebagai sumber status sosial kepada seseorang individu. Dalam kehidupan sosial, jika seseorang individu adalah

semakin tinggi dalam pendidikan maka digelar sebagai ilmuwan dan mendapat status sosial yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat (Ottaway, 2001, p.3). Manakala mereka yang tidak berpendidikan mungkin mendapat penghormatan dari segi pencapaian kedudukan ekonomi, kasta, budaya, kelahiran dan sebagainya. Tetapi mereka tidak mungkin mendapat gelaran yang diperoleh orang berpendidikan sebagai ilmuwan (Boli, 1989, p.19).

#### **4.3.1. Kedudukan Orang Berpendidikan**

Pendidikan dicipta dan dikembangkan oleh manusia bertujuan untuk pembangunan diri sendiri dan untuk mengembangkan keintelektualan kemahiran dan mental manusia (Mook Soon Sang, 2000, p.5). Pendidikan adalah sesuatu yang asas dalam pembangunan sesebuah negara. Hal ini kerana, pendidikan memainkan peranan dalam pelbagai institusi sosial seperti politik, ekonomi, pentadbiran, agama dan sebagainya. Golongan yang berpendidikan biasanya dipandang dalam dimensi yang penting dan terhormat kerana mereka berkebolehan untuk membentuk keunikan dalam kehidupan sosial (Mirowsky & Ross, 2003, p.1). Mereka juga dilihat sebagai ilmuwan yang berpotensi tinggi dan menjadi penasihat dalam hal-hal duniawi. Golongan berpendidikan mendapat kepentingan dalam institusi-institusi sosial kerana mereka ini dipandang sebagai golongan cendekiawan (Ottaway, 2001, p.3).

Dalam kehidupan sosial, seseorang individu akan mendapat status yang tinggi berdasarkan pencapaian pendidikannya. Hal ini tidak hanya mewujudkan perbezaan antara golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan sahaja tetapi juga membawa perbezaan antara seorang yang berpendidikan graduan dalam sebuah bidang dengan bidang yang lain. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan merupakan salah satu alat penentu status dalam kehidupan sosial (Ravi Samuel, 2011, p.397).

#### **4.3.2. Maklumat Aspek Kedudukan Orang Berpendidikan Dan Tidak Berpendidikan Dalam FFTM**

Kajian menunjukkan bahawa hanya tiga buah filem iaitu *Chemman Chaalai*, *Aandal* dan *Olli* memuatkan maklumat mengenai aspek kedudukan orang berpendidikan. Filem *Chemman Chaalai* adalah sebuah filem yang bertemakan perjuangan seorang anak perempuan untuk menjayakan diri dalam pendidikan. Sebuah adegan dalam filem ini, watak Loges digambarkan menceritakan sebuah cerita dalam bahasa Inggeris kepada ayahnya. Pada penghujungnya ayahnya menyatakan bahawa beliau bangga kerana anaknya mampu bertutur dalam Bahasa Inggeris (00.20.50). Dalam sebuah lagi adegan adik Shalu digambarkan memaklumkan pada Shalu bahawa setelah Shalu masuk ke universiti status sosialnya akan berubah dalam kalangan orang kampung (00.42.05).

Selain itu, dalam sebuah adegan filem *Aandal* pula, watak Suresh digambarkan berlawan dengan seorang doktor yang cuba membantu Aandal untuk keluar daripada ketagihan dadah. Dalam situasi tersebut, makcik Asha digambarkan menghalang doktor tersebut dan berkata bahawa jangan belawan dengan Suresh kerana dia adalah samseng dan seorang doktor berpendidikan tidak sewajarnya menjatuhkan maruah diri dengan bergaduh seperti ini (01.28.09).

Seterusnya dalam filem *Olli*, seorang pegawai polis digambarkan berjumpa dengan seorang ahli falsafah untuk mendapatkan maklumat tentang sebuah kes. Dalam senario itu pegawai polis tersebut digambarkan melayani ahli falsafah itu dengan sopan santun dan hormat (00.59.55).

### **4.3.3. Analisis**

Pendidikan dikatakan sebagai unsur yang penting dalam membawa status sosial kepada seseorang individu. Manusia yang berilmu dianggap mempunyai martabat yang lebih tinggi (Ottaway, 2001, p.3). Hal ini kerana ilmu boleh mentransformasikan seseorang individu daripada tidak berpendidikan kepada ilmuwan. Hal ini memberikan kelayakan untuk menasihati dan membawa bangsanya ke arah kemajuan. Golongan ilmuwan juga boleh

menghasilkan suatu kedudukan yang berjaya dalam semua bidang termasuk ekonomi, keluarga, sosial, politik, agama, pentadbiran dan sebagainya (Mok Soon Seng, 2000, p.6).

Ketaksamaan sosial dikatakan sesuatu yang terhasil daripada perkara-perkara yang menjadi stabil dan konkrit dalam kalangan masyarakat (Hurst, 1992, p.1). Berasaskan kenyataan ini status sosial yang diperoleh daripada pendidikan juga dapat dikatakan menjadi perkara yang konkrit dalam kalangan kelompok masyarakat India sejak zaman awal lagi. Sejak zaman sangam lagi, para ilmuwan telah mengendalikan sekolah secara persendirian (Thatchinamurthy, 2008, p.158). Golongan berpendidikan ini juga didapati menduduki status yang lebih tinggi. Manakala ada rekod yang menunjukkan bahawa golongan pemerintah sendiri menjunjung dan memberikan hadiah kepada golongan cendekiawan (*Puranaanuru*, 215).

Karya *Thirukkural* mengemukakan sepuluh buah kuplet yang menjunjung keagungan pendidikan. Dalam pada itu sebuah kuplet menyatakan bahawa mereka yang berpendidikan sahaja dapat diterima sebagai orang yang mempunyai mata pada mukanya, manakala mata yang dimiliki oleh orang yang tidak berpendidikan itu adalah disamakan dengan kudis (*Thirukkural*, 393). Biasanya meminta sedekah dikatakan sebagai perkara yang terhina. Tetapi budaya orang India menyatakan bahawa, adalah tidak salah jika meminta sedekah demi menimba ilmu pendidikan (*Vetri Veetkai*, 35-36).



Sebuah lagi puisi Tamil yang telah dihasilkan oleh cendekiawan bernama Auvaiyar, menyatakan bahawa golongan berpendidikan adalah lebih tinggi tarafnya dibandingkan dengan seseorang raja. Hal ini kerana seseorang raja hanya mendapat penghormatan dan kemegahan dalam negara milikan. Tetapi golongan ilmuwan mendapat penghormatan di mana-mana jua (*Vaakkundam*, 26). Manakala pemerintah itu sendiri dikatakan akan menyukai golongan ilmuan (*Vetri Veetkai*, 40). Hal ini kerana hubungan dengan orang ilmuwan akan memajukan ilmu diri seseorang pemerintah dan akan menjamin kebahagiaan hidup dan negaranya (Sevalkulam Accha, 2002, p.83).

Hal inilah yang digambarkan dalam filem *Olli* di mana seorang pegawai polis melayani seorang ahli falsafah dengan hormat. Dalam pada keadaan tersebut pegawai polis digambarkan terpaksa meminta bantuan daripada ahli falsafah tersebut untuk menyelesaikan sebuah kes.

Penyair bernama Ariyap Padai Kathantha Nedunjselian, mengemukakan suatu kenyataan yang penting tentang golongan berpendidikan. Biasanya ibu yang ditafsirkan sebagai simbol kasih sayang dikatakan tidak akan melihat perbezaan antara anak-anak mereka. Tetapi beliau menyatakan bahawa ibu itu akan lebih menyayangi anak yang berpendidikan berbanding dengan anak yang lain (*Puranaanuru*, 183: 4-5). Manakala Thiruvalluvar pula menyatakan bahawa, seseorang ibu akan mencapai tahap gembira yang maksimum apabila mendengar anaknya adalah seorang sarjana, berbanding dengan kegembiraan yang dilaluinya semasa melahirkan anak tersebut (*Thirukkural*, 69).

Dalam sesebuah keluarga, biasanya anak sulung akan mendapat kepentingan dan penghormatan yang tinggi berbanding dengan adiknya. Tetapi keadaan ini juga dikatakan boleh berubah. Dalam sesebuah keluarga jika anak bongsunya adalah berpendidikan tinggi maka beliau akan mendapat penghormatan dan keutamaan dalam keluarga dan juga sosial berbanding dengan anak sulung (*Puranaanuru*, 183:4-5). Hal ini kerana, sesuatu keluarga itu dikatakan menaruh harapan besar terhadap mereka yang berpendidikan untuk memajukan kedudukan keluarga mereka (*Naaladiyar*, 136).

Selain itu, pendidikan juga dikatakan adalah lebih tinggi nilainya berbanding dengan kedudukan ekonomi. Hal ini kerana harta benda yang dimiliki oleh seseorang individu itu boleh terhapus. Tetapi ilmu bukan begitu kerana ia tidak boleh diancam, dibakar, mahupun dicuri (Rasagopalan, 1994, p.42). Jika harta benda itu didermakan atau diberikan kepada orang lain, maka lama-kelamaan ia akan berkurangan. Tetapi pendidikan bukanlah begitu. Jika seseorang menyampaikan atau menurunkan pendidikan mereka kepada orang lain maka ia akan bertambah mantap kepada ilmuwan tersebut (Visuvanathan, 1971, p.5).

Walaupun pendidikan membawa status dan prestij yang tinggi kepada seseorang individu tetapi mereka tidak boleh angkuh dengan pencapaian tersebut (Ramalingam, 1955, p.60). Manakala Mahatma Gandhi (2012, p.146) pula menyatakan bahawa ilmu tanpa sifat yang mulia adalah dosa. Martin Luther King (1992, p.124) pula menyatakan bahawa

keintelektualan dan sifat mulia adalah pencapaian yang boleh diperolehi daripada pendidikan sebenar. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa walaupun pendidikan memberikan suatu kedudukan tinggi tetapi jika seseorang angkuh dengan pendidikan tersebut maka tiada gunanya dengan ilmu yang ada pada individu tersebut.

Di Malaysia kerajaan dan masyarakat didapati memberikan tumpuan yang serius terhadap pendidikan. Satu ketika dahulu iaitu pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu dan sehingga tahun 70-an masyarakat India Malaysia didapati tidak banyak memberikan keutamaan kepada pendidikan. (Arasaratnam Sinnappan, 1970, p.23). Tetapi keadaan ini telah berubah di mana semua warga Malaysia didapati lebih memberikan kepentingan terhadap pendidikan. Bukan itu sahaja, malah bilangan para pelajar yang menuntut di universiti tempatan juga didapati semakin meningkat. Sila lihat jadual-jadual di bawah:-

Jadual 4.12: Bilangan Penuntut di Universiti Awam Malaysia, Tahun 2006-2012

| Tahun | Bilangan Penuntut |
|-------|-------------------|
| 2006  | 331,025           |
| 2007  | 382,997           |
| 2008  | 419,334           |
| 2009  | 437,420           |
| 2010  | 462,780           |
| 2011  | 508,256           |
| 2012  | 521,793           |

Sumber: *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia*, 2009, p.66; *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia*, 2012, p.16 & *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*, 2013, p.89.

Jadual 4.13: Bilangan Graduan di Universiti Awam Malaysia, Tahun 2012

| No | Ijazah               | Bilangan Graduan |
|----|----------------------|------------------|
| 1  | Kedoktoran           | 2,064            |
| 2  | Sarjana              | 14,261           |
| 3  | Sarjana Muda         | 66,421           |
| 4  | Diploma Lepas Ijazah | 887              |
| 5  | Diploma              | 23,957           |

Sumber: *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*, 2013, pp. 90-91.

Perangkaan tersebut dengan jelasnya menunjukkan tentang peningkatan bilangan para mahasiswa di universiti tempatan. Manakala jadual yang kedua pula menggambarkan keadaan di mana ramai anak-anak Malaysia lebih mementingkan peningatan dalam tahap pendidikan mereka. Hal ini kerana masyarakat Malaysia sudah ada kesedaran bahawa pendidikan dapat membawa perubahan dalam kehidupan mereka (Mok Soon seng, 2000, p.6). Perkara ini dengan jelasnya digambarkan dalam dialog adik Shalu dalam filem *Chemman Chaalai* yang menyatakan bahawa jika Shalu menjadi seorang graduan maka status sosial kehidupannya akan berubah dan maju.

Penelitian dalam bahagian menunjukkan bahawa pendidikan akan membawa status sosial kepada individu dan membina prestij mereka. Hal ini tercapai daripada usaha seseorang individu kerana menjadi orang berpendidikan adalah bukan sesuatu perkara yang senang dan bukannya semua orang senang menjadi orang berpendidikan. Walaupun wujudnya ketaksamaan sosial daripada pendidikan ini tetapi hal ini adalah sesuatu yang amat penting dalam usaha memberikan semangat kepada generasi muda untuk mengetahui

kepentingan pendidikan dalam hidup mereka. Hal ini juga dapat dilihat sebagai suatu pengiktirafan terhadap usaha seseorang individu dalam pencapaiannya.

#### **4.3.4. Kedudukan Orang Tidak Berpendidikan**

Pendidikan merupakan penentu status dalam kehidupan sosial. Kejayaan dalam pendidikan sudah tentu membina suatu kedudukan yang terhormat dalam kalangan masyarakat. Seseorang individu boleh mencapai kedudukan ekonomi yang tinggi yang dapat membentuk kelas. Tetapi mereka yang tidak berpendidikan tidak mungkin dapat penghormatan yang dicapai oleh seseorang ilmuwan. Hal ini kerana pendidikan bukan sahaja membina seseorang individu tetapi juga menjadi asas kepada pembangunan sesuatu negara (Szirmai, 2005, p.214).

Pada masa yang sama golongan yang tidak berpendidikan juga terpaksa bergantung kepada orang yang berpendidikan dalam pembangunan dirinya. Perkara ini sudah tentu wujudnya suatu perbezaan status sosial antara golongan berpendidikan dan tidak berpendidikan. Oleh yang demikian dalam bahagian ini status sosial golongan yang tidak berpendidikan dikaji berdasarkan adegan-adegan dalam FFTM.

#### 4.3.5. Maklumat Aspek Kedudukan Orang Tidak Berpendidikan Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa empat daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek kedudukan orang tidak berpendidikan.

Jadual 4.14: Maklumat aspek kedudukan orang tidak berpendidikan dalam FFTM.

| No | Filem                    | Kedudukan orang tidak berpendidikan |
|----|--------------------------|-------------------------------------|
| 1  | <i>Chemman Chaalai</i>   | √                                   |
| 2  | <i>Aandal</i>            |                                     |
| 3  | <i>Uyir</i>              |                                     |
| 4  | <i>Ethirkalam</i>        | √                                   |
| 5  | <i>Chalanggalai</i>      |                                     |
| 6  | <i>Vajram</i>            | √                                   |
| 7  | <i>Adutha Khattam</i>    |                                     |
| 8  | <i>Ops Kossa Dappa 3</i> |                                     |
| 9  | <i>Kaliyugha</i>         |                                     |
| 10 | <i>Olli</i>              |                                     |
| 11 | <i>Olipathivu</i>        |                                     |
| 12 | <i>Dhusrajanam</i>       |                                     |
| 13 | <i>Maraimugam</i>        | √                                   |

Dalam filem *Chemman Chaalai* watak Shalu digambarkan sebagai seorang pelajar yang dedikasi. Tetapi masalah kemiskinan keluarga menjadi penghalang utama kepada cita-cita Shalu untuk meneruskan pendidikannya ke peringkat universiti. Dalam sebuah adegan, ibu Shalu digambarkan meminta Shalu supaya berhenti sekolah setakat peringkat sekolah menengah sahaja kerana keluarganya tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan pendidikan ke peringkat universiti (00.53.38). Dalam sebuah lagi adegan guru kelas Shalu digambarkan berjumpa dengan ayah Shalu untuk memujuk beliau supaya menghantar Shalu

ke universiti untuk melanjutkan pendidikannya. Pada akhirnya ayah Shalu bersetuju untuk menghantar anaknya ke universiti (01.11.00).

Selain itu, sebuah adegan dalam filem *Ethirkalam*, watak Kathir digambarkan dibuang daripada kolej kerana melibatkan diri dalam aktiviti gengsterisme. Apabila ayahnya mengetahui hal tersebut, beliau terasa sedih dan menyatakan pada isterinya bahawa Kathir tidak ada masa depan yang baik dan terhormat (02.02.50).

Dalam filem *Vajram*, emak Jasmin digambarkan tidak bersetuju dengan cinta anaknya dengan Surya kerana Jasmin adalah seorang graduan dan Surya adalah seorang yang tidak berpendidikan (00.51.40). Dalam sebuah lagi adegan, abang Jasmin pula digambarkan menyatakan pada Surya bahawa adiknya adalah seorang graduan dan lebih sesuai berkahwin dengan orang yang setaraf dengannya (00.44.15).

Dalam filem *Maraimugam* pula, terdapat dua buah adegan yang menggambarkan layanan yang buruk terhadap mereka yang tidak berpendidikan. Dalam sebuah adegan, watak Valli digambarkan bertutur dengan seorang saudara yang telah datang ke sebuah pusat membeli-belah bersama dengan anak perempuannya. Dalam situasi tersebut watak Pattasu dan Kaipulla meminta Valli untuk memperkenalkan diri mereka dengan anak perempuan tersebut. Tetapi Valli pula menolak permintaan mereka dan menyatakan bahawa gadis itu adalah seorang yang berpendidikan tinggi dan tidak akan melayani orang

yang tidak berpendidikan seperti mereka berdua (00.44.06). Dalam sebuah lagi babak, Valli digambarkan sedang memberikan tuisyen kepada beberapa orang budak sekolah. Dalam situasi tersebut Kaipulla dan Pattasu mononton televisyen dengan bunyi yang agak kuat. Hal ini telah membuatkan Valli terasa marah dan menyatakan bahawa Pattasu dan Kaipulla adalah orang yang tidak berpendidikan dan sebab itulah mereka berkelakuan sedemikian semasa dirinya mengadakan tuisyen (01.02.11).

#### **4.3.6. Analisis**

Pendidikan dikatakan mampu membawa status sosial yang tinggi kepada manusia. Tradisi orang India bukan sahaja memuji keagungan pendidikan tetapi juga turut memberikan teguran kepada golongan yang tidak pendidikan. Thiruvalluvar menyatakan bahawa golongan yang tidak berpendidikan adalah disamakan dengan binatang kerana beliau berpendapat bahawa golongan ini tidak boleh berfikir dan tidak dapat membawa perubahan dalam kehidupan manusia (*Thirukkural*, 410). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa mereka ini kurang mendapat kedudukan berstatus dalam kehidupan sosial.



Manalaka Thirumular pula menyatakan bahawa:-

*“Kallatha muudaraik kaanavum aagaathu  
kallaatha muudarsol keetkac kadanandru  
kallaatha muudarkku kallaathaar nallaram  
kallaatha muudar karuthari yaaree”* (Thirumanthiram, 804).

Puisi ini menyatakan bahawa tidak baik berjumpa dengan golongan yang tidak berpendidikan dan tidak boleh mendengar pada kata-kata mereka. Orang yang tidak berpendidikan hanya boleh berbaik dengan orang yang sama taraf dengannya kerana mereka ini tidak tahu tentang ilmu sebenar. Dalam puisi ini istilah ‘*mudar*’ membawa maksud bodoh. Puisi ini bukan sahaja menyatakan tentang keadaan golongan yang tidak berpendidikan tetapi secara tidak langsung menekankan tentang ketaksamaan sosial dan masalah yang wujud daripada ketaksamaan tersebut.

Berdasarkan puisi ini jika seseorang berpendidikan berjumpa dengan orang tidak berpendidikan maka dalam keadaan ini mereka berpeluang untuk berkongsi pendapat. Kata-kata orang berpendidikan sudah tentu akan mengalahkan idea atau pendapat yang dikemukakan oleh orang yang tidak berpendidikan kerana mereka tidak mempunyai ilmu yang mendalam. Hal ini akan menjadi lebih rumit apabila berdebat atau berbincang dengan seseorang yang bodoh. Situasi ini boleh membawa permusuhan antara mereka. Hal ini kerana, orang yang tidak berpendidikan itu tidak setaraf dengan orang berpendidikan dalam hal keintelektualan. Dengan itu golongan yang tidak berpendidikan pula akan terasa orang berpendidikan itu memalukan dirinya. Sebab itulah karya *Thirumanthiram* menyatakan bahawa golongan tidak berpendidikan hanya boleh berbaik dan bersahabat dengan orang

yang tidak berpendidikan kerana kedua-dua mereka ini adalah berada pada tahap yang sama (Ramanatha Pillai & Sithambaranar, 2009, p.259). Oleh yang demikian dalam bahagian ini Thirumular menasihatkan golongan berpendidikan supaya berjaga-jaga dalam pertuturan dengan golongan yang tidak berpendidikan supaya tidak membawa masalah kepada diri mereka.

Status sosial yang digambarkan oleh Thirumular didapati masih berkekalan sehingga hari ini. Hal ini juga digambarkan dalam filem *Vajram* di mana emak dan abang Jasmin adalah tidak bersetuju untuk mengahwinkan Jasmin dengan Surya kerana beliau adalah seorang yang tidak berpendidikan. Dalam filem ini Jasmin digambarkan sebagai seorang graduan universiti. Mereka juga digambarkan menasihati Jasmin supaya jangan kahwin dengan orang yang tidak berpendidikan kerana hal ini akan memusnahkan kehidupannya.

Sebuah laman web yang mencari jodoh perkahwinan dalam kalangan orang India mengemukakan taraf pendidikan sebagai salah satu kriteria yang penting dalam pemilihan jodoh. Penelitian terhadap laman web tersebut menggambarkan keadaan di mana kebanyakan orang yang berdaftar sama ada jejaka dan gadis hanya mencari jodoh yang sama taraf atau lebih daripada tahap pendidikan mereka (<http://www.bharatmatrimony.com>, dirujuk pada 20/10/2013, pukul 9.30am). Dengan ini dapatlah diketahui bahawa masyarakat India masih berpegang pada status sosial yang wujud daripada pendidikan.

Kadang-kala manusia berfikir bahawa jika ada kemewahan maka mereka akan mendapat penghormatan. Dalam hal ini Thiruvalluvar menyatakan bahawa kemewahan yang dimiliki oleh seseorang yang tidak berpendidikan adalah perkara yang lebih teruk daripada kemiskinan yang ada pada golongan berpendidikan. Hal ini kerana kemewahan yang dimiliki oleh golongan bukan berpendidikan mudah digunakan untuk pemusnahan dan perkara-perkara yang tidak baik kerana mereka yang tidak berpendidikan tidak mampu untuk menilai secara kritikan antara yang baik dan buruk (*Thirukkural*, 408).

Di Malaysia, satu ketika dahulu kelompok masyarakat India telah menghadapi masalah dalam usaha menimba ilmu. Keadaan ini kerana, kebanyakan orang yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh penjajah British untuk bekerja dalam sektor ladang adalah mereka dari kawasan pedalaman India yang tidak berpendidikan (Janakey Raman, 2009, p.44).

Sebuah kajian akademik menunjukkan bahawa pada sekitar tahun 70-an, lebih kurang duapuluh peratus pelajar India tidak mengikuti pendidikan ke peringkat sekolah menengah. Manakala sebanyak enam puluh peratus pelajar dilaporkan tidak menyempurnakan pendidikan di peringkat sekolah menengah dan kebanyakan mereka berhenti sebelum atau selepas peperiksaan SRP (Sijil Rendah Pelajaran) pada masa tersebut (Anbarasan Kathirvaloo, 1982, p.21).

Keadaan ini berterusan sehingga tahun 80-an di mana ramai pelajar didapati berhenti daripada sekolah disebabkan kerana masalah-masalah seperti kemiskinan, keadaan tempat tinggal yang sempit dan tidak bersesuaian untuk belajar, ramai orang dalam sebuah keluarga, ibu bapa yang tidak sedar tentang kepentingan pendidikan dan sebagainya (Marimuthu, 1984, pp.265-268). Hal inilah yang digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* di mana dalam filem tersebut kemiskinan digambarkan sebagai penghalang utama kepada para pelajar India khususnya mereka dari kawasan ladang untuk meneruskan pendidikan mereka.

Selain itu, masalah-masalah seperti kualiti sekolah, kemudahan sekolah Tamil dan sebagainya juga menjadi punca kepada masalah berhenti sekolah dalam kalangan pelajar India pada masa tersebut. Manakala guru juga dirujuk sebagai salah satu sebab dalam usaha memberikan minat dalam kalangan pelajar untuk meneruskan pendidikannya. Dalam sebuah kajian, sarjana bernama T.Marimuthu (1984, p.271) menyatakan bahawa minat guru juga didapati mempengaruhi para pelajar dalam usaha meneruskan ataupun tercicir daripada sekolah. Beliau turut menyatakan bahawa ada juga yang telah berusaha dalam hal ini untuk memberikan pendidikan kepada para pelajar India pada masa tersebut. Aspek inilah yang telah disentuh oleh penerbit filem *Chemman Chaalai* dalam sebuah adegan yang menggambarkan usaha guru Shalu untuk memujuk ayah Shalu untuk menghantar anaknya meneruskan pendidikan ke peringkat universiti.

Pada masa kini keadaan ini didapati telah berubah. Orang India Malaysia juga didapati telah sedar akan kepentingan pendidikan dan berusaha menjadikan anak-anak mereka sebagai golongan berpendidikan. Hal ini terbukti daripada peningkatan kemasukan pelajar di sekolah mahupun di peringkat universiti.

Jadual 4.15: Bilangan sekolah Tamil dan jumlah pelajar

| Tahun | Bilangan Sekolah Tamil | Bilangan Pelajar |
|-------|------------------------|------------------|
| 1938  | 547                    | 22,820           |
| 1957  | 888                    | 50,766           |
| 1960  | 815                    | 60,726           |
| 1970  | 657                    | 79,278           |
| 1980  | 589                    | 73,958           |
| 1990  | 547                    | 96120            |
| 2000  | 524                    | 89,175           |
| 2007  | 523                    | 105,618          |

Sumber: Akhbar *Tamil Nesan*, 28/9/2007.

Jadual di atas menunjukkan peningkatan bilangan pelajar di sekolah Tamil di negara ini sejak tahun 1938 hingga 2007. Walaupun bilangan sekolah Tamil telah berkurangan tetapi bilangan pelajar adalah meningkat. Dengan ini dapat dikatakan bahawa masyarakat India Malaysia sudah sedar tentang kepentingan pendidikan.

Tetapi keciciran pelajar India di kawasan ladang sekitar tahun 70-an dan 80-an adalah menjadi suatu titik hitam dalam sejarah pendidikan orang India di Malaysia. Walau apa jua sebab dikemukakan, tetapi ketiadaan pendidikan tetap akan meninggalkan kesan dalam kehidupan seseorang individu. Perkara ini bukan sahaja menjadi penghalang kemajuan seseorang individu tetapi juga akan menjejaskan status seseorang individu dalam kehidupan sosial.

Ketiadaan pendidikan juga melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat berasaskan status yang diperolehi. Ketaksamaan sosial ini adalah suatu perkara yang hanya boleh diimbangkan dengan memberikan pendidikan dan melahirkan generasi yang berpendidikan. Jika tidak maka ketaksamaan sosial ini akan tetap kekal dalam kalangan masyarakat.

#### **4.4. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa aspek-aspek yang berkaitan dengan status sosial adalah digambarkan dengan baik dalam FFTM. Ciri-ciri budaya masyarakat India yang merangkumi unsur-unsur seperti hormat-menghormati, pengamalan nilai-nilai moral, keruntuhan nilai-nilai moral, pemaparan imej luaran, penggunaan perkataan dan pertuturan serta pertembungan antara pengamal budaya elit dan budaya popular dengan jelasnya digambarkan dalam FFTM dalam aspek bagaimana hal-hal ini memberikan kedudukan status sosial kepada seseorang individu. Cara pemaparan adegan-adegan yang berkaitan dengan unsur-unsur tersebut juga menggambarkan keadaan di mana para penerbit mempunyai pemahaman yang baik tentang budaya kehidupan masyarakat India Malaysia.

Dari segi agama pula hal ini digambarkan sepertimana yang sedia wujud dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Walaupun hal ini hanya digambarkan

dalam beberapa adegan sahaja tetapi kewujudan ketaksamaan sosial adalah jelas dipaparkan. Begitu juga dengan aspek pendidikan. Walaupun hal ini tidak diberi tumpuan dalam FFTM tetapi kewujudan ketaksamaan sosial adalah jelas digambarkan.

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan adegan dalam FFTM hanya memaparkan kewujudan ketaksamaan sosial ini dalam bentuk secara tidak langsung. Tetapi cara persembahan dengan jelasnya menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia kerana apa yang digambarkan dalam FFTM adalah serasi dengan amalan kehidupan masyarakat India Malaysia.